

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu gender adalah merupakan satu isu yang sangat penting pada hari ini sehingga ia diperbincangkan oleh para pemikir Islam. Namun demikian tidak ramai orang yang meneliti pemikiran ulama pesantren dalam isu gender, padahal jika ditinjau dari segi pemahaman dan penguasaan ilmu, mereka juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada pemikir Islam yang mampu berdepan dengan permasalahan isu semasa termasuk isu gender. Di antara pesantren yang dimaksudkan dalam hal ini ialah Pesantren Musthofawiyah Purba-Baru di Mandailing Natal Sumatera Utara, Indonesia.

Pesantren Musthofawiyah Purba Baru adalah merupakan sebuah pesantren terbesar di Sumatera Utara. Pesantren ini juga merupakan sebuah pesantren tertua di Sumatera Utara, yang ditubuhkan pada tahun 1912 oleh seorang ulama yang bernama Syeikh Musthafa Husein Nasution. Beliau pernah belajar di Makkah selama 12 tahun dan membawa pemahaman Ahlu Sunnah Wal Jamaah yang bermazhab Syafi'i. Pemahaman beliau telah diterapkan dalam pesantren ini sebagai pegangan dalam amalan hukum Islam. Syeikh Musthafa Husein sangat dikenali dan dihormati oleh masyarakat Mandailing sehingga makam beliau selalu dikunjungi oleh masyarakat khususnya masyarakat Mandailing.

Setelah beliau meninggal dunia, pimpinan pesantren ini disambung oleh cucunya yang bernama Syeikh Abdul Halim al-Khotib, beliau juga pernah belajar di Makkah di sebuah sekolah yang bernama Ma'ahad al-Shalatiyah Makkah al-Mukarramah, dan sekarang pimpinan pesantren diamanahkan kepada generasi keempat, iaitu Musthafa Bakri Nasution anak dari Syeikh Abdullah Musthafa. Sudah menjadi tradisi bahawa

pesantren akan saling mewarisi dalam kalangan ahli keluarga untuk mengambil alih kepemimpinan¹

Pesantren Musthofawiyah Purba Baru memiliki kaedah pembelajaran yang berpandukan kepada kitab-kitab klasik atau yang diistilahkan dengan kitab kuning (turath) yang bermula dari tingkatan tiga hingga tingkatan tujuh dan telah mengutamakan penguasaan dalam ilmu Nahu dan Saraf, kerana ia dianggap sebagai ilmu dasar dalam menguasai dan memahami hukum Islam.

Pesantren Musthofawiyah Purba Baru mempunyai tenaga pengajar yang mahir dalam berbagai bidang ilmu seperti ilmu Fiqh, Usul Fiqh, Bahasa Arab, Nahu , Saraf, Kaedah Fiqh dan Balaghah. Kemampuan mereka menguasai ilmu ini, membolehkan mereka berdepan dengan berbagai masalah hukum Islam baik yang klasik maupun yang kontemporari. Selain itu, pesantren ini juga memiliki markas yang disebut dengan Majlis Fatwa sebagai tempat perbincangan jika ada suatu permasalahan yang timbul dalam masyarakat khususnya di Mandailing. Di antara guru-guru senior yang ahli dalam bidangnya masing-masing ialah KH. Mahmuddin Pasaribu (MUI) pakar ilmu fiqh dan Usul Fiqh, KH. Abdi Batubara pakar ilmu Tafsir, KH. Ardabili Batubara pakar ilmu Tasawuf dan Fiqh, KH. Muhammad Yakub Nasution pakar ilmu Bahasa Arab dan Fiqh, KH. Umar Bakri Lubis pakar Ilmu Tauhid, KH. Syafii Daulay pakar ilmu Faraid, KH. Amrin Nasution pakar ilmu Falak dan KH. Abdul Rahman Batubara pakar ilmu Hadis. Ilmu mereka sangat berpengaruh dalam masyarakat Mandailing baik dalam ibadah maupun aqidah. Masyarakat Mandailing selalu menjemput para ulama Pesantren Musthofawiyah untuk mengisi kegiatan mereka seperti ceramah agama baik di masjid-masjid atau majlis terutamanya jika ada hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, bulan Ramadan, Israk Mikraj dan hari-hari besar Islam yang lain. Begitu juga berkaitan

¹ Abd.Halim Soebahar, MA, *Modernisasi Pesantren Studi Transformasi Kiai dan Sistem Pendidikan Pesantren* (Jakarta: Lkis, 2013), 81.

dengan pernikahan, jenazah, tahlil, ulama pesantren ini yang selalu diutamakan dalam mengendalikan hal ini.

Di samping itu, pihak media dan pemerintahan seperti Kementerian, Panglima Angkatan Bersenjata, pejabat Pemda Sumatera Utara dan Pemda Mandailing Natal kerap membuat kunjungan ke Pesantren Musthafwiyah ini sehingga wawasan ulama pesantren terhadap perkembangan ilmu politik, ekonomi, sosial dan yang lainnya semakin meluas². Berdasarkan hal inilah ulama pesantren tidak ketinggalan dalam membincangkan tentang isu-isu semasa termasuk isu gender.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Isu gender semakin berkembang pada hari ini. Para ilmuwan Islam telah banyak membuat perbincangan dalam isu ini sama ada melalui media, buku-buku, artikel, seminar dan yang lainnya. Sebahagian ulama pesantren juga turut membincangkan isu gender namun terdapat berbagai aliran dalam memberi pandangan terhadap isu gender. Ada yang menolak sepenuhnya isu gender dan menganggap isu gender bukan dari ajaran Islam yang tidak perlu dibincangkan secara meluas, manakala sebahagian yang lainnya tidak menerima sepenuhnya isu gender namun dibincangkan secara saksama, sedangkan pihak yang lain membincangkan isu gender dalam konteks yang liberal.

Bertitik tolak dari beberapa pandangan itu, ulama Pesantren Musthafwiyah menolak sebahagian isu-isu gender , seperti dalam isu politik kepimpinan dan kehakiman. KH. Ardabili Batubara salah seorang tenaga pengajar di Pesantren Musthafwiyah Purba Baru menolak pandangan yang membolehkan perempuan menjadi pemimpin negara walaupun berdasarkan kepada perbezaan khilafah dan

² KH. Ardabili Batubara (Guru Pesantren Musthafwiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 5 Mac 2013.

demokrasi, ataupun alasan kemajuan pendidikan dan kemampuan. Menurut pandangan beliau tidak terdapat satu ayat pun dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah yang menunjukkan perempuan boleh menjadi pemimpin begitu juga dalam kalangan jumhur fuqaha dan mufassir adalah mengharamkannya, justru yang terdapat dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah lebih mendorong kepada larangan. Ini dapat dibuktikan dengan mencontohi zaman Rasulullah dan Khulafa' al-Rashidin yang tidak pernah terjadi perempuan menjadi seorang pemimpin. Begitu juga dengan masalah perlantikan hakim, kata beliau jumhur ulama telah bersepakat dengan larangan perempuan sebagai hakim Syarie, kerana tiada sebarang riwayat yang menunjukkan Rasulullah SAW dan para Khulafa' al-Rashidin pernah melantik hakim dalam kalangan kaum perempuan dan ini diikuti oleh pemerintah Islam selepas itu. Jika dibenarkan, sudah tentu ia akan tercatat di dalam sejarah bahawa pernah dilantik hakim perempuan walaupun seorang.³

Pandangan yang sama dikemukakan oleh KH. Mahmuddin Pasaribu yang juga merupakan salah satu tenaga pengajar di Pesantren ini dan sebagai salah satu ulama besar di Mandailing. Beliau juga berperan sebagai ketua majlis fatwa Nahdatul Ulama (NU) Sumatera Utara dan Majlis Ulama Indonesia (MUI) di Mandailaing. Beliau berpandangan bahawa perempuan sememangnya tidak boleh menjadi pemimpin walaupun kepimpinan itu bukan berbentuk khilafah. Beliau berhujah berdasarkan hadis⁴.

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ أَسْنَدُوا أَمْرًا هُمْ لَا يَأْمُرُونَ

Tidak akan berjaya suatu kaum yang menyandarkan urusan mereka kepada seorang wanita.”⁵

³ KH Ardabili Batubara (guru pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 6 Mac 2013

⁴ KH Mahmuddin Pasaribu (guru pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 6 Mac 2013

⁵ al-Bukhari, *Sahīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 4073.

لَمَّا بَلَغَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ أَهْلَ فَارِسَ قَدْ مَلَكُوا عَلَيْهِمْ بِنْتَ
كِسْرَى قَالَ لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْا أَمْرَهُمُ امْرَأَةً

Tatkala ada berita sampai kepada Nabi SAW bahawa bangsa Parsi mengangkat puteri Kisra (gelar Raja Parsi dahulu) menjadi raja, beliau SAW lantas bersabda: " Suatu kaum itu tidak akan berjaya apabila mereka menyerahkan kepemimpinan mereka kepada wanita".⁶

Berdasarkan hadis di atas, para ulama telah bersepakat bahawa syarat *al-Imam al-A'zam* (pemimpin negara) mestilah kaum lelaki.⁷ Selain itu perempuan juga telah digambarkan oleh Rasulullah SAW sebagai seorang yang kurang akal dan kurang agamanya jika dibandingkan dengan kaum lelaki.

مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتِ عَقْلٍ وَدِينٍ أَغْلَبُ الْبَرَّ جُلُّ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاهُنَّ . فَقَيْلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا نُفَصَّانُ عَقْلَهَا؟ قَالَ: أَلَيْسَتْ شَهَادَةُ الْمَرْأَتَيْنِ بِشَهَادَةِ رَجُلٍ؟ قَيْلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا نُفَصَّانُ دِينَهَا قَالَ: أَلَيْسَتْ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصْلِّ وَلَمْ تَصُمْ

*Tidaklah aku pernah melihat orang yang kurang akal dan agamanya sehingga dapat menggoyangkan lelaki yang teguh selain salah satu di antara kalian wahai wanita maka ada yang bertanya, wahai Rasulullah, apa maksud kurang akalnya wanita? Beliau menjawab,bukankah persaksian dua orang wanita sama dengan persaksian seorang lelaki? ditanya lagi,ya Rasulullah, apa maksud wanita kurang agamanya? bukankah jika wanita mengalami haid ia tidak solat dan tidak pula puasa?.*⁸

Sudah jelas maksud kurang akal dalam hadis di atas adalah kesaksian wanita dan yang dimaksudkan dengan kurang agama adalah ketika mengalami haid. Oleh itu beliau menyarankan supaya umat Islam khususnya perempuan yang mempunyai latar belakang keagamaan menilai setiap dalil-dalil al-Qur'an dan al- Sunnah dengan dasar ilmu dan

⁶ al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 293.

⁷ Muḥammad al-Amīn Bin Muḥammad al-Mukhtār, *al-Adwā' al-Bayān*, (Beirut: Dār-al Fikr, 1995), 3: 34.

⁸ al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 293.

iman yang sempurna bukan dengan dasar akal dan nafsu, dan menilai hikmah *maslahah* dan *mafsadah* yang terkandung di dalamnya, kerana semua ketentuan dan hukum Allah adalah mempunyai hikmah yang terkadang tidak terjangkau oleh akal manusia; contohnya dalam masalah pembahagian harta warisan, lelaki lebih banyak mendapat bahagian berbanding dengan perempuan. Secara akal ini tidak adil namun hukum Islam telah menggambarkan bagaimana bebanan tanggungjawab lelaki terhadap isteri dan anak-anak jika dibandingkan dengan isteri itu sendiri.

Atas kepelbagaian pemikiran inilah, pengkaji membuat kajian di Pesantren Musthofawiyah. Pengkaji akan mengenal pasti bentuk pemikiran ulama Pesantren Musthofawiyah dalam isu gender dan meneliti manhaj mereka dalam analisis isu gender.

1.3 Persoalan Kajian

- i. Apakah latar belakang Pesantren Musthofawiyah Purba Baru?
- ii. Apakah pemikiran ulama Pesantren Musthofawiyah terhadap isu gender yang melibatkan aspek politik, pekerjaan dan pemilikan harta?
- iii. Bagaimanakah manhaj ulama Pesantren Musthofawiyah dalam merespon isu gender?

1.4 Objektif Kajian

- i. Menghuraikan tentang sejarah Pesantren Musthofawiyah Purba-Baru.
- ii. Menjelaskan manhaj ulama pesantren dalam merespon isu gender.
- iii. Mengenal pasti pemikiran ulama Pesantren Musthofawiyah terhadap isu gender yang melibatkan aspek politik, pekerjaan dan pemilikan harta.

1.5 Skop Kajian

- i. Kajian akan dibuat di Pesantren Muasthofawiyah Purba-Baru Mandailing Natal, Sumatera Utara, Indonesia
- ii. Pengkaji akan melakukan temubual dengan guru-guru Pesantren dalam hal isu gender seramai enam orang sahaja
- iii. Temubual akan difokuskan kepada isu gender yang tertumpu kepada beberapa perkara berikut:
 - a. Pandangan Ulama Pesantren Musthofawiyah terhadap isu gender
 - Isu politik; kepimpinan dan kehakiman
 - Isu dalam pekerjaan
 - Isu dalam Pemilikan harta
 - b. Manhaj yang digunakan oleh ulama Pesantren Musthofawiyah dalam menangani isu gender
 - c. Namun begitu, pengkaji juga akan membuat penelitian terhadap pemikiran ulama pesantren lain iaitu pesantren Nurul Islam Jember dan Pesanten Hidayatullah Medan sebagai penambahan bagi mengetahui pemetaan pemikiran ulama di pesantren.

1.6 Kepentingan Kajian

- a. Kajian ini perlu dilakukan dengan lebih luas untuk mengetahui secara terperinci tentang pandangan ulama khususnya ulama Pesantren Musthofawiyah dalam menyelesaikan hukum Islam khususnya masalah gender.

- b. Diharap pengkaji dapat memberikan sumbangan penyelidikan kepada para pengkaji lain sekiranya ada kajian yang berkenaan dengan kajian pengkaji, dan menjadi bahan rujukan di pesantren dalam isu gender.

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Hasil penelitian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak penulisan berkaitan dengan isu gender namun penulisan tersebut tidak banyak menyentuh tentang kajian di pesantren. Begitu juga terdapat beberapa kekosongan dalam kajian-kajian tersebut seperti tidak ada temubual secara langsung dengan para Kiai di pesanteren dan tidak ada pengkhususan kajian mengenai isu politik, pekerjaan dan kehartaan. Kajian isu gender seterusnya hanyalah mengupas isu gender dan tiada kaitan dengan pemikiran ulama pesantren. Dalam kajian ini pengkaji akan membuat kajian secara langsung dengan ulama-ulama pesantren iaitu pesantren Musthofawiyah Purba-Baru Mandailing Sumatera Utara Medan. Di antara kajian lepas yang diteliti pengkaji adalah seperti berikut:

Agus Muhammad (2012), *Kepeloporan Perempuan Pesantren Sudah Terlatih Sejak di Pondok*,⁹ beliau menemubual KH. Muhyidin Abdussomad salah seorang Kiai di Pesantren Nurul Islam Jember. Dalam temubual tersebut Kiai memberi pandangan bahawa sejak akhir-akhir ini perempuan dari Pesantren sudah sangat menonjol baik di bidang sosial, ekonomi, politik dan kerjaya. Ini adalah hasil dari kesedaran gender yang seharusnya diterima oleh umat Islam. Ini kerana selama ini perempuan mengalami keterikatan dan tiada ruang gerak bagi mengembangkan minat dan bakat mereka. Jika kita terus berpandukan terhadap buku-buku di pesantren, maka keterikatan perempuan

⁹ Agus Muhammad, *Kepeloporan Perempuan Pesantren Sudah Terlatih Sejak di Pondok*, laman sesawang http://www.pondokpesantren.net/ponpren/index.php?option=com_content&task=view&id=391

akan berterusan dan mengakibatkan kemunduran bagi umat Islam. Oleh itu dengan munculnya kesetaraan ini adalah hasil perjuangan kesetaraan bukan dari dasar nilainya.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Lies Marcoes Natsir (2011) dengan tajuk *Pesantren dan Isu gender*.¹⁰ Dalam artikel ini beliau menjelaskan bahawa usaha yang dibuat oleh kaum liberal dalam mengembangkan kesetaraan gender di Pesantren pada tahun 80-an tidak memberikan kesan positif pada pihak pesantren bahkan mereka mendapat tentangan dari beberapa pihak dengan alasan keagamaan namun pada tahun 90-an kaum aktivis perempuan yang mempunyai latar belakang keagamaan mula memasuki keagamaan dan gender dan mengembangkannya dengan menggunakan tema Islam. Mereka memperkenalkan hasil karya-karya ilmuwan Islam dari Mesir seperti Rifat Hassan Asghar Ali Engeener dan Amina Wadud, di samping bantuan-bantuan Pasca Sarjana Islam dari UIN/IAIN. Sehingga Pada tahun 2000 Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid memberi sokongan kepada program ini.

Kajian yang dibuat oleh Dr. Ema Marhumah (2011) yang bertajuk "*Konstruksi Sosial Gender di Pesantren : Studi Kuasa Kiai atas Wacana Perempuan*".¹¹ Dalam kajian ini menjelaskan bahawa para kiai belum mampu mengadakan sosialisasi secara lengkap terhadap santrinya. Sosialisasi gender di pesantren belum berjalan dengan baik. Hal ini disebabkan kerana masih kuatnya pemahaman tradisional yang berkembang di Pesantren dan masih memegang erat terhadap pemahaman gender yang berdasarkan pada teks-teks kitab klasik di mana wacana gender masih dipandang sebagai hasil produk budaya barat yang berlawanan dengan nilai-nilai keislaman, sehingga mereka memandang persoalan gender dan hal-hal yang bersangkutan dengan feminism tidak

¹⁰ Lies Marcoes Natsir, "Pesantren dan Isu gender", laman sesawang <http://islamlib.com/?site=1&aid=1592&cat=content&cid=11&title=pesantren-dan-isu-gender>.

¹¹ Ema Marhumah, *Konstruksi Sosial Gender di Pesantren, Studi Kuasa Kiai atas Wacana Perempuan* (Yogyakarta: LKIS, 2011).

perlu dikaji secara mendalam. Pandangan inilah yang menjadikan seorang lelaki terus mendiskriminasikan perempuan.

Andek Masnah Andek Kelawa (1999) juga melakukan kajian tentang gender dengan tajuk *Kepemimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah*¹². Kajian ini telah membincangkan tentang pengiktirafan Islam yang meletakkan kemuliaan terhadap wanita setanding dengan kaum lelaki tanpa sebarang diskriminasi. Pengkaji juga telah menetapkan beberapa hukum tertentu yang khusus untuk kaum wanita sebagai suatu langkah memelihara kepentingan wanita sekaligus bagi menjaga keharmonian masyarakat dan kemaslahatan ummah.

Syafiq Hashim (2001) juga melakukan kajian yang bertajuk *Hal-hal yang tak terfikirkan tentang Isu-isu keperempuanan dalam Islam*¹³. Beliau telah membincangkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan tidak timbulnya kesedaran tentang kesetaraan gender dalam pertumbuhan ilmu fiqh termasuk aspek geneologi keilmuan iaitu pertumbuhan ilmu fiqh itu sendiri dikuasai atau dipelopori oleh kaum lelaki. Aspek transmisi keilmuan iaitu proses terjadinya penyebab fiqh atau wacana Islam. Pada umumnya penyebaran ilmu fiqh ini hanya disalurkan melalui lelaki seperti imam mazhab yang empat semuanya menerima ilmu daripada guru-guru lelaki. Dari aspek budaya, sebahagian besar ulama yang membentuk wacana fiqh hidup di wilayah geografi yang mempunyai budaya bersifat patriarkhi. Dari aspek pembentukan wacana sejarah pula, Islam bersifat androsentis (*berpihak kepada lelaki*). Oleh kerana sejarah ini ditulis oleh lelaki dan juga yang bersifat patriarkhi ciri-ciri ini telah mempengaruhi citra perempuan dalam wacana-wacana penulisan.

¹² Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepemimpinan Wanita Dalam Islam-kedudukannya dalam Syariah* (Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).

¹³ Syafiq Hashim, *Hal-Hal Yang Tak Terfikirkan Tentang Isu-Isu Keperempuanan Dalam Islam* (Bandung : Pustaka Mizan, 2010).

Seterusnya kajian yang ditulis oleh Aiedah Bt. Abdul Khaliek (2002) dengan tajuk “Penglibatan Wanita Dalam Parti Politik Menurut Islam”.¹⁴ Kajian ini membincangkan tentang hujah-hujah ulama tentang penglibatan wanita dalam politik dan pengkaji mendapati dalam kajian ini, ramai ulama yang mengharuskan wanita dalam berpolitik sehingga ketahap Presiden atau Perdana Menteri.

Mohd Anuar Ramli dan Rahimin Affandi Abdul Rahim juga melakukan kajian tentang gender yang bertajuk “Kepemimpinan Perempuan Menurut Perspektif Islam”.¹⁵

Dalam kajian ini pengkaji telah membincangkan berkaitan dengan gender iaitu kedudukan perempuan dalam kepemimpinan menurut Islam dan membandingkannya dengan pandangan ulama klasik dan juga ulama kontemporari kemudian menyesuaikannya dengan sistem kenegaraan yang ada pada hari ini.

Seterusnya kajian yang ditulis oleh Hamid Fahmy Zarkasi (2010) dengan tajuk “Problem Kesetaraan Gender Dalam Studi Islam”¹⁶. Kajian ini membincangkan tentang sebab-sebab berlakunya isu gender dan memberikan ulasan gender menurut perspektif barat, liberal dan Islam.

Adian Husaini (2010) dalam makalah yang berjudul “Kesetaraan Gender : Konsep dan Dampaknya Terhadap Islam”¹⁷. Dalam kajian ini beliau membincangkan tentang rombakan yang dibuat oleh sekelompok Islam Feminis seperti Amina Wadud yang berusaha menyamakan hak-hak wanita dengan lelaki dan mengubahsuai pentafsiran al-Quran dengan pentafsiran baru dan ini juga terjadi kepada kaum Kristian yang berusaha mengubah isi di dalam kitab Bible dalam masalah wanita (gender).

¹⁴ Aiedah Bt. Abdul Khalik, Penglibatan Wanita Parti Politik Menurut Islam, (Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2003).

¹⁵ Mohd Anuar Ramli & Rahimin Afandi Abdul Rahim, “Kepimpinan Perempuan Menurut Perespektif Islam,” *Jurnal Pengajian Melayu*, Universiti Malaya, 2010.

¹⁶ Hamid Fahmy Zarkasyi, “Problem Kesetaraan Gender Dalam Studi Islam”, dalam *Islamia* (Jakarta: Khairul Bayan Press, 2010).

¹⁷ Adian Husaini, “Kesetaraan Gender: Konsep dan Dampaknya Terhadap Islam”, dalam *Islamia* (Jakarta: Khairul Bayan Press, 2010).

Dinar Dewi Kania SE. MM. (2010) dengan judul “Isu Gender : Sejarah dan Perkembangannya”¹⁸. Dalam kajian ini pengkaji telah membincangkan dengan lengkap tentang asal usul bermulanya istilah gender yang berasal dari barat di bawah pemerintahan gereja akibat penindasan terhadap perempuan yang dilakukan oleh Paulus yang menganggap bahawa wanita adalah punca keburukan dan dianggap sebagai syaitan yang mengeluarkan Nabi Adam dari Syurga. Wanita adalah pewaris dosa kepada manusia. Tuntutan demi tuntutan dibuat oleh kaum wanita untuk mendapatkan hak dan keistimewaan sebagai mana halnya lelaki. Pada akhirnya usaha yang dibuat oleh kaum wanita ini mendapat sambutan dan pengiktirafan di dunia barat sehingga ke hari ini bukan sahaja di barat bahkan diperkenalkan sehingga ke Negara-Negara Islam.

Khalif Muammar juga melakukan kajian dengan judul “Wacana Kesetaraan Gender : Islam Versus Feminis Muslim”¹⁹. Dalam kajian ini beliau telah berjaya memperkenalkan pendekatan yang dibawa oleh Yusuf al-Qaradāwī sebagai salah satu penyelesaian dalam menangani wacana gender iaitu pendekatan wasatiyyah dengan mengambil pandangan ulama klasik dan para sarjana Islam hari ini.

Justeru itu, berdasarkan kajian lepas tersebut, pengkaji mendapati masih kekurangan literatur yang mengupas pemikiran ulama pesantren dalam isu gender. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan tentang pemikiran ulama pesantren Musthofawiyah Purba Baru terhadap isu gender.

¹⁸ Dewi Kania SE, MM., “Isu Gender: Sejarah dan Perkembangannya”, dalam *Islamia* (Jakarta : Khairul Bayan Press 2010).

¹⁹ Khalif Muammar, “Wacana Kesetaraan Gender : Islam Versus Feminis Muslim”, dalam *Islamia* (Jakarta: Khairul Bayan Press, 2010).

1.8 Metodologi Kajian

Dalam menyediakan dan menyiapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metodologi tertentu bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Kajian ini melibatkan penggunaan beberapa metode iaitu :

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini bermaksud cara yang digunakan untuk mendapatkan data-data melalui cara menghimpun dan mengumpul bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian. Antara bahan-bahan yang dikumpul untuk penghasilan disertasi ini adalah meliputi buku-buku, kertas seminar, halaman internet dan keratan akhbar.

i. Kajian Perpustakaan

Penyelidikan ini memerlukan kajian terhadap sumber penyelidikan di dalam usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan tujuan kajian. Di dalam usaha ini, pengkaji telah mengadakan kajian di perpustakaan-perpustakaan bagi tujuan untuk mendapatkan data. Di antara perpustakaan-perpustakaan ini ialah Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Awam Pusat Islam.

Secara umumnya dokumen-dokumen ini digunakan oleh pengkaji sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat bagi kajian pengkaji. Dokumen-dokumen yang digunakan secara umumnya adalah dokumen yang diperoleh dari sumber pertama, tetapi terdapat juga dokumen-dokumen yang diambil dari sumber kedua. Dokumen-dokumen ini ialah al-Quran, Hadis, tesis-tesis, latihan ilmiah, jurnal-jurnal, buku-buku, majalah-

majalah, kertas kerja persidangan dan bahan-bahan penulisan yang mempunyai hubung kait dengan kajian pengkaji.

ii. Kajian Lapangan

Dalam penggunaan metod ini, pengkaji akan menemubual secara langsung guru-guru pesantren yang dianggap sebagai guru senior dan memiliki kepakaran ilmu bagi memperolehi maklumat yang lebih tepat. Individu-individu akan ditemubual oleh pengkaji :

- a. KH Mahmuddin Pasaribu, pakar ilmu fiqh dan Usul al-fiqh
- b. KH Abdi Batubara, pakar ilmu Tafsir
- c. KH Alwin Tanjung MPH, pakar ilmu Fiqh
- d. KH Muhammad Yakub Nasution, pakar ilmu fiqh
- e. KH Abdul Rahman Batubara, pakar ilmu Hadis
- f. KH Ardabili Batubara, pakar ilmu Tasawuf dan Fiqh

Maklumat-maklumat melalui temubual ini amat penting bagi pengkaji kerana ianya yang menjadi salah satu data utama pengkaji dalam membuat analisis hukum serta kesimpulan terhadap kajian ini. Kemudian ianya juga merupakan fakta-fakta penting dalam menyiapkan kajian ini.

Dalam melakukan temubual pengkaji menggunakan separa-struktur iaitu penyelidik perlu menyediakan panduan temubual yang memuatkan senarai soalan yang ingin ditanya. Soalan-soalan ini dibina berdasarkan tema yang kenal pasti dan senarai

soalan ini akan menjadi panduan kepada penyelidik dalam proses temu bual berkenaan.²⁰

Setelah pengkaji menyiapkan soalan maka langkah seterusnya pengkaji membuat temu janji kepada guru-guru bagi mengetahui waktu yang tepat untuk mengadakan temubual, dalam hal ini pengkaji terkadang mengalami masalah disebabkan jadual waktu persekolahan yang begitu padat, pengkaji hanya dapat mengadakan temubual di pejabat guru dengan masa satu jam dalam sehari. Sekiranya pengkaji tidak mendapatkan maklumat yang lengkap, pengkaji telah mengunjungi rumah guru-guru pada waktu malam bagi menyambung temubual.

Dalam temubual pengkaji menemubual guru-guru dengan soalan yang sama baik ia dalam isu politik, pekerjaan dan kepemilikan harta. Dalam hal temubual pengkaji hanya mencatat yang penting sahaja di samping itu pengkaji menggunakan alat rakam begi mendapatkan maklumat keseluruhan. Mereka sebenarnya tidak pernah menulis baik dalam bentuk buku, artikel maupun jurnal oleh itu mereka merespon soalan-soalan pengkaji dengan menggunakan pemikiran yang diselaraskan dengan kitab-kitab mereka dan juga kitab-kitab yang diajarkan di pesantren tersebut. Setelah selesai mengadakan temubual pengkaji membuat transkrip penilaian untuk dijadikan analisis kajian. Sepanjang mengadakan temubual pengkaji tidak mendapati perbezaan di antara satu guru dengan guru yang lainnya.

²⁰ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajaran Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2002), 83.

1.8.2 Metode Analisis Data

Data-data yang didapati daripada sumber-sumbernya, diolah dan dilakukan melakukan analisis dengan cara non-statistik (kualitatif) untuk diambil kesimpulan dengan menggunakan metod deduktif dan induktif.

i. Metode Deduktif

Metode ini bermaksud seseorang pengkaji menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berdasarkan pemikiran dan pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku. Kaedah ini merupakan satu cara menganalisa maklumat yang umum dan kemudiannya membuat kesimpulan secara khusus.²¹ Metode ini digunakan bagi merumuskan pandangan ulama pesantren dalam merespons isu gender.

ii. Metod Induktif

Seseorang penyelidik atau pengkaji perlu mengumpulkan maklumat-maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji. Ia merupakan satu cara menganalisa maklumat yang khusus dan kemudiannya membuat kesimpulan secara umum. Kaedah ini digunakan dalam bab empat contohnya pengkaji meneliti setiap maklumat yang diperoleh dan kemudian membuat kesimpulan daripadanya secara umum.

²¹ *Ibid.*

1.9 Sistematika Penulisan

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji membahagikan bab kepada lima bab. Bab pertama adalah pendahuluan dan ini terdiri dari pengenalan, masalah kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan yang terakhir adalah sistematika penulisan.

Untuk bab yang kedua iaitu konsep gender, ini mengandungi pengenalan, isu-isu dalam gender aliran pemikiran ulama pesantren tentang gender, manhaj ulama pesantren dalam merespon isu gender dan yang terakhir adalah kesimpulan.

Seterusnya bab yang ketiga adalah tentang sejarah Pesantren Musthofawiyah Purba Baru, ini terdiri dari pengenalan, sejarah pesantren, sejarah pengasas pesantren, sistem pembelajaran dan yang terakhir kesimpulan.

Bab keempat adalah pemikiran ulama pesantren terhadap isu gender, ini terdiri dari pengenalan, pandangan ulama pesantren terhadap isu politik yang melibatkan kepimpinan wanita dan juga kehakiman. Seterusnya tentang pekerjaan, kepemilikan harta dan yang terakhir adalah kesimpulan.

Bab kelima adalah penutup yang terdiri dari rumusan, saranan kajian lanjutan dan cadangan beserta senarai bibliografi dan lampiran.

BAB DUA: PEMIKIRAN DAN MANHAJ ULAMA PESANTREN DALAM ISU GENDER

2.1 Pengenalan

Ulama pesantren memainkan peranan yang signifikan dalam mengembangkan budaya ilmu dan memberi kefahaman agama kepada masyarakat Islam. Mereka mempunyai pandangan yang khusus dalam isu gender sama ada yang ketat, longgar maupun sederhana.

Pengertian gender menurut Kamus Inggeris Indonesia iaitu sebagai jenis kelamin,²² Begitu juga yang dicatatkan di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan gender di maksudkan sebagai jantina. Ia turut didefinisikan sebagai golongan jenis kata dalam tatabahasa sesuatu bahasa seperti maskulin, feminis dan neuter.²³ Manakala perkataan jantina pula bermaksud jenis kelamin.²⁴ Menurut Corsini, gender ditakrifkan sebagai aspek-aspek sosial atau kemasyarakatan yang berkaitan dengan seks. Ia merujuk kepada sifat maskulin (*masculinity*) dan feminin (*femininity*) yang dipengaruhi dengan kebudayaan, simbolik, stereotaip dan pengenalan diri.²⁵

Terdapat perbezaan di antara jantina dan gender. Jantina adalah klasifikasi biologi manusia menurut organ produksi yang sedia ada, sementara gender pula merupakan klasifikasi sosial yang memperjelaskan tindakan tingkah laku serta peranan yang harus dimainkan oleh seseorang lelaki dan wanita mengikut ketetapan masyarakat tersebut.²⁶

²² *Kamus Inggeris Indonesia* (Jakarta : Gramedia, 1993), 265.

²³ *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 457.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Raymond J. Corsini, *The Dictionary of Psychology* (Philadelphia: Psychology Press, 1999), 405.

²⁶ Zulkifli Ahmad, *Hak & Tanggungjawab Gender Menurut Perspektif Islam, Risalah kepemimpinan Siri 3* (Kuala Lumpur : Jemaah Islam Malaysia, 2000).

Jelaslah terdapat hubung kait yang amat rapat di antara jantina dan gender. Kebanyakan tafsiran mengenai tanggungjawab dan hak di antara lelaki dan wanita dalam masyarakat banyak dicorakkan dan dikaitkan dengan fungsi biologi mereka sebagai manusia lelaki dan wanita.

Menurut klasifikasi gender, secara umumnya lelaki dianggap sebagai manusia yang gagah perkasa, tidak emosional dan sentiasa rasional, mempunyai daya kepemimpinan yang berwibawa dan menggemari aktiviti lasak dan mencabar. Sementara wanita pula sebaliknya iaitu bersifat lemah lembut, sentiasa menarik dan anggun menawan, pintar memasak dan mengemas rumah, mudah dipengaruhi oleh emosi, efektif dalam membantu tapi kurang berupaya memimpin dan lebih meminati aktiviti dalaman. Tanggapan umum melihat bahawa dalam sebuah rumahtangga pula, Suami dan bapa adalah pemimpin sementara isteri dan ibu berperanan sebagai pembantu dan pengikut yang setia.

2.2 Isu-Isu Gender Dalam Islam

Isu gender yang menjadi bahan perbincangan biasanya adalah tentang ketimpangan (bias) dan kesetaraan gender. Isu bias banyak berhubung kait dengan ketidakadilan terhadap perempuan. Ajaran dalam agama selalu dianggap sebagai punca kepada segala ketidakadilan atau diskriminasi terhadap perempuan, sedangkan kenyataannya bukanlah seperti demikian, melainkan suatu amalan budaya atau tradisi masyarakat yang terkadang lari dari konsep ajaran agama Islam yang sebenar.

Dalam interaksi syariat Islam dengan adat atau budaya masyarakat setempat, terdapat berbagai pendekatan yang digunakan. Antaranya, mengiktiraf amalan budaya yang baik, menolak amalan budaya yang buruk, memperbaiki amalan budaya

masyarakat setempat dan sebagainya. Dalam interaksi ini, golongan ulama atau mubaligh banyak berkompromi dengan adat dan tradisi tempatan. Hasil interaksi ini, lahir kepelbagaian budaya Islam berdasarkan realiti setempat yang mana corak dan pola hubungan gender juga berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Terdapat beberapa penyebab terjadinya ketimpangan gender. Di antaranya adalah faktor interpretasi agama dan budaya patriaki.²⁷

Konsep patriarki berbeza dengan patrilineal. Patrilineal diertikan sebagai budaya, di mana masyarakatnya mengikuti garis kaum lelaki seperti anak bergaris keturunan ayah, sebagai contoh, Habsyah Khalik; Khalik adalah nama ayah dari Habysah. Sementara patriaki memiliki makna lain yang secara harfiah bererti “kekuasaan bapak” (*role of the father*) atau “patriark” yang ditujukan untuk pelabelan sebuah “keluarga yang dikuasai oleh kaum lelaki”. Secara terminologi kata patriarki digunakan untuk pemahaman kekuasaan kaum lelaki, hubungan kekuasaan dengan apa mereka menguasai perempuan, serta sistem yang membuat perempuan tetap dikuasai melalui bermacam-macam cara.²⁸

Lebih lanjut menurut Budhy Munawar Rachman, secara etimologi konsep tersebut berkaitan dengan sistem sosial, di mana seorang ayah menguasai semua anggota keluarganya, harta miliknya serta sumber-sumber ekonomi. Ia jugalah yang membuat semua keputusan penting dalam keluarga. Sistem berdasarkan patriarki ini biasanya mengasingkan perempuan di rumah, dengan demikian lelaki lebih mampu menguasai kaum perempuan. Sementara itu pengasingan perempuan di rumah menjadikan perempuan tidak berdikari secara ekonomis, dan selanjutnya tergantung secara psikologi. Norma-norma moral, sosial dan hukum juga lebih banyak memberi

²⁷ Elfi Muawanah, *Menuju Kesetaraan Gender* (Malang : Kutub Minar, 2006), 144.

²⁸ Kamala Bhasin, *What is Patriarchy*, (terj.) Nursyahbani Katjasungkana *Menggugat Patriarki* (Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, 1996), 29.

hak kepada kaum lelaki daripada kaum perempuan, kerana alasan bahawa kaum lelaki memang lebih bernilai secara publik daripada perempuan.²⁹

Dalam perkembangannya patriarki ini sekarang telah menjadi istilah terhadap semua sistem kekeluargaan mahupun sosial, politik dan keagamaan yang dianggap merendahkan, bahkan menindas kaum perempuan mulai dari lingkungan rumah tangga hingga masyarakat.³⁰

Sementara itu Ritzer dan Goodman memberi pandangan bahawa, ada empat tema yang menandai teori ketempangan gender³¹. Pertama, lelaki dan perempuan diletakkan dalam masyarakat tidak hanya berbeza, namun juga tempang tidak seimbang. Secara spesifik, perempuan memperoleh sumber daya material, status sosial, kekuasaan dan peluang untuk mengaktualisasikan diri lebih sedikit daripada kaum lelaki yang membahagi kedudukan sosial mereka berdasarkan kelas, pekerjaan, suku, agama, pendidikan, kebangsaan atau berdasarkan faktor sosial penting lainnya. Kedua, kepincangan gender berasal dari organisasi masyarakat, bukan dari perbezaan biologi atau keperibadian penting antara lelaki dan perempuan. Ketiga, walaupun manusia secara individual memiliki perbezaan ciri dan karakter satu sama lain, namun tidak ada pola perbezaan alamiah signifikan yang membezakan lelaki dan perempuan.

Pengakuan akan kepincangan gender bererti secara langsung menyatakan bahawa perempuan secara situasinya kurang berkuasa dibanding dengan kaum lelaki untuk memenuhi keperluan mereka bersama lelaki dalam rangka mengaktualisasikan diri. Keempat ialah semua teori kepincangan gender menganggap kaum lelaki mahupun perempuan akan menghadapi situasi dan struktur sosial yang semakin mengarah ke

²⁹ Budhy Munawar Rachman, *Islam Pluralis Wacana Kesetaraan Kaum Beriman*, (Jakarta: Paramadina, 1996), 394.

³⁰ *Ibid.*

³¹ George Ritzer and Douglas J.Goodman, *Modern Sociological Theory*, 6th Edition, (terj.) *Teori Sosiologi Modern* (Jakarta: Prenada Media, 2003), 402.

persamaan darjat (*egalitarian*) dengan mudah dan secara ilmiah. Dengan kata lain, mereka berkeyakinan akan adanya peluang untuk mengubah situasi.

Lebih lanjut menurut Siti Musdah Mulia terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan ketidakadilan gender khususnya terhadap perempuan, iaitu Pertama, dominasi budaya patriarki. Seluruh elemen pembentuk kebudayaan memiliki watak yang memihak kepada atau didominasi kepentingan lelaki. Kedua, interpretasi ajaran agama sangat didominasi pandangan yang bias gender dan bias patriarki. Ketiga, hegemoni negara yang begitu dominan. Selaras dengan itu, beliau menyarankan agar dilakukan *counter ideology* dan *counter hegemony*.³² Pengaruh lokal terutamanya kebudayaan memainkan peranan yang penting dalam proses interaksi dengan Syariat Islam yang egalitarian. Peralihan pusat kuasa dari Hijaz ke kawasan yang masih kuat dengan fahaman patriarki mengubah dan mengurangkan hak-hak kaum perempuan dalam masyarakat.³³

Selain faktor-faktor tersebut, fenomena diskriminasi gender ini juga dianggap berasal daripada doktrin keagamaan sama ada dalam agama samawi atau agama budaya, terutamanya melibatkan asal penciptaan perempuan dan penyingkiran Adam dan Hawa dari Syurga. Ia diakui oleh agama-agama samawi seperti Yahudi, Kristian dan sebahagian umat Islam. Menurut golongan feminis, faktor ini menjadi titik tolak terhadap ketidakadilan dalam hubungan di antara lelaki dan perempuan. Justeru, sumber-sumber *Isra'iliyyat* atau mitos tersebut mempengaruhi sebahagian besar ulama klasik terutamanya dalam persepsi mereka terhadap kaum perempuan. Antara ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang penciptaan perempuan adalah firman Allah SWT dalam surah al-Nisa':

³² Siti Musdah Mulia, *Islam dan Inspirasi Kesetaraan Gender* (Yogyakarta: Kibar Press, 2007), 58-59.

³³ Nasaruddin Umar, *Argumen Kesetaraan Gender Perspektif al-Qur'an* (Jakarta: Paramadina, 2001), 308.

النَّاسُ يَأْتِيُّهَا أَنْقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا
رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Wahai sekalian manusia, bertakwa lah kepada Tuhan mu yang Telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah memperkembang biakan lelaki dan perempuan yang banyak.

Al-Nisa' 4:1

Dalam huraiyan penciptaan perempuan pertama dalam Islam, terdapat dua pandangan utama dalam kalangan *mufassirin*. Majoriti ulama klasik berpendapat perempuan diciptakan daripada tulang rusuk Adam a.s. Dengan kata lain, penciptaan perempuan berasal dari jenis yang satu iaitu Adam, dan tidak sama elemen penciptaannya dengan lelaki. Antara kalangan ulama klasik termasuklah di antaranya al-Tabarī,³⁴ al-Zamakhsharī,³⁵ Ibn Kathīr,³⁶ al-Qurtubī,³⁷ al-Suyūtī,³⁸ dan kalangan ulama kontemporari seperti al-Buti,³⁹ dan Hamka.⁴⁰

Pandangan jumhur *mufassir* ini disokong oleh beberapa hadith Nabi SAW yang secara literalnya menggambarkan penciptaan tersebut.

Di antaranya sabda Nabi SAW⁴¹

وَاسْتُوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ إِعْلَاهٌ إِنْ ذَهَبَتْ نُعِيمُهُ كَسَرَتْهُ وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ إِسْتُوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Berwasiat lah kepada para perempuan. Sesungguhnya perempuan itu diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok, dan tulang rusuk yang paling

³⁴ Abu Ja‘far Muḥammad b. Jarir al-Tabarī, *Jāmi‘al-Bayān ‘an Ta’wīl Ayi al-Qur’ān* (Kaherah: Dar Hadr, 2001), 6 : 341.

³⁵ Jar Allah Abi al-Qāsim Mahmūd. ‘Umar al-Zamakhsharī *al-Kasyyaf*, (Riyadh: Maktabah al-‘Abikan, 1998), 2 : 5.

³⁶ ‘Imad al-Dīn Abi al-Fida’ Isma‘il b. Kathir *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz* (Mesir : Mu’assasah Qurṭubah, t.t), 3:333

³⁷ Abu ‘Abd Allah Muḥammad b. Aḥmad b. Abi Bakr al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 2006), 6 : 6.

³⁸ Jalal al-Dīn al-Suyūtī *al-Durr al-Manthur fi Tafsīr bi al-Ma’thūr* (Kaherah: Dar Hadr, t.t), 4 : 209.

³⁹ Muḥammad Sa‘id Ramadān al-Buti *al-Islām Malaz Kull al-Mujtama‘at al-Insān: Limāza wa Kayfa?* (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir, 1993), 111-112.

⁴⁰ Hamka *Tafsīr al-Azhār* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1987), 1: 174.

⁴¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis : 4890.

bengkok adalah tulang rusuk yang ada paling atas, jika kamu ingin meluruskannya, maka kamu akan mematahkannya, dan jika kamu biarkan, maka tulang rusuk itu tetap bengkok, maka berwasiatlah kepada para perempuan dengan kebaikan.

Walaupun demikian, terdapat kumpulan kecil dari kalangan ulama klasik dan kontemporari yang berpendapat, perempuan pertama tidak diciptakan dari tulang rusuk Adam, sebaliknya dari substans atau unsur yang sama. Di antara ulama klasik adalah Abu Muslim. Manakala dalam kalangan ulama kontemporari ialah Hasbi Ash-Shiddieqy⁴² dan Quraish Shihab.⁴³ Walaupun tafsiran al-Quran bersifat polisemik, pengkaji memilih pandangan majoriti *mufasirin* adalah lebih tepat, kerana metodologi yang digunakan adalah berasaskan *tafsir bi al-ma'thur* iaitu *tafsir al-Qur'an bi al-Sunnah*, iaitu tafsiran yang berautoriti. Ini kerana penciptaan Hawa daripada tulang rusuk Adam adalah bukti kekuasaan Allah SWT bukan simbol kelemahan perempuan. Sebaliknya, pandangan yang menyatakan penciptaan Hawa dari tulang rusuk Adam menyebabkan kerendahan darjat perempuan adalah berasal dari pemikiran Barat.⁴⁴

Golongan kedua menyatakan bahawa hadis yang memerihalkan penciptaan perempuan daripada tulang rusuk tersebut perlu dihuraikan secara metafora, bukan literal. Ini kerana, ia akan memberi kesan terhadap tafsiran dan kefahaman hukum Islam. Menurut Rashid Rida, pemahaman ini berkait dengan pengaruh penceritaan Bible. Sekiranya tiada kisah seumpamanya dalam Bible, pasti tiada tafsiran mengenai penciptaan perempuan daripada rusuk lelaki.

Kepelbagai tafsiran ini telah menyebabkan pelbagai bentuk hubungan gender dalam kalangan masyarakat Islam. Ada yang dilihat mempunyai hubungan yang baik seperti masyarakat Alam Melayu, ada yang hubungan kurang baik seperti rantau Arab dan ada yang tidak baik seperti di kawasan anak benua India. Masyarakat Islam di

⁴² Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, *Tafsir al-Qur'an al-Majid An-Nur* (Semarang: Pustaka Rizki Putra, 1995), 1: 752.

⁴³ Muhammad Quraish Shihab, *Tafsir al-Mishbah* (Jakarta: Lantera Hati, 2001), 2 : 314.

⁴⁴ Gerda Lerner, *The Creation of Patriarchy* (New York: Oxford University Press, 1986), 183.

kebanyakan kawasan, khususnya dalam aspek hubungan kekeluargaan dan pemilikan harta, masih kuat mengamalkan adat dan tradisi lama. Terdapat hubungan yang kuat antara subordinasi perempuan dalam dunia Islam dengan tradisi dan budaya setempat.⁴⁵

Dalam sesetengah masyarakat Muslim di benua India, janda tidak dibenarkan kahwin kali kedua. Di Punjab dan Uttar Pradesh (India), perempuan Muslim tidak boleh mewarisi harta.⁴⁶ Sebahagian daripada amalan adat lain yang menimbulkan kekerasan terhadap perempuan adalah pembunuhan maruah (*honour killing*) di Timur Tengah,⁴⁷ di Pakistan tradisi ini dinamakan dengan *karo kari*, tradisi ini banyak berlaku di daerah Bolchistan dan Sindh,⁴⁸ *dowry death* juga di India.⁴⁹ Selain itu, dalam masyarakat kontemporari, lahir bentuk hubungan gender yang tidak harmoni, contohnya dalam rumah tangga sering berlaku keganasan, penderaan fizikal dan mental, pemukulan, pembunuhan, pemerkosaan dan gangguan seksual.

Bersandarkan latar belakang sosial-budaya masyarakat Muslim yang dilihat tidak lagi berteraskan panduan Nabi SAW, lahirnya golongan yang ingin membebaskan golongan yang tertindas di dalam masyarakat. Fenomena ini menjadi titik tolak kepada perjuangan feminism. Kebanyakan golongan feminis sama ada lelaki atau perempuan lahir dari masyarakat yang tertindas, khususnya dari Timur Tengah dan kawasan Indo-Pakistan.

Dalam perbincangan fiqh, terdapat sejumlah perbezaan hukum antara lelaki dan perempuan.⁵⁰ Bagi sesetengah pengkaji, perbezaan ini menggambarkan ketidakadilan

⁴⁵ V.A. Mohamad Ashrof, *Islam and Gender Justice: Questions at the Interface* (Delhi: Kalpaz Publications, 2005), 263.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Honor Killing in a Cross-Cultural Context” dalam Unni Wikan *In Honor of Fadime: Murder and Shame* (terj.) Anna Paterson, edisi revisi, Chicago, Illinois: University of Chicago Press.

⁴⁸ Iftikhar Haider Malik *Culture and Customs of Pakistan* (Connecticut: Greenwood Press, 2005), 145

⁴⁹ Veena Talwar Oldenburg *Dowry Murder: The Imperial Origins of a Cultural Crime*. (New York), 222.

⁵⁰ Sābir ‘Abd al-Rahmān Ta‘imah *al-Mar’ah al-Muslimah: Bayna Ghārā’iz al-Basyar wa Hidāyah al-Islām* (Riyadh: Maktabah al-Rushd,t.t.), 165-168.

gender kerana menempatkan kedudukan perempuan yang tidak setara dengan lelaki.⁵¹

Selari dengan perbezaan-perbezaan hukum di antara lelaki dan perempuan tersebut, adakah tiada kesetaraan gender dalam Islam dan kenapakah melebihkan kaum lelaki daripada perempuan? Jawapannya, syariat Islam memberikan kesetaraan dalam bentuk keadilan yang sesuai dengan kemampuannya dan agama Islam tidak pernah bias terhadap perempuan bahkan mereka dimuliakan dan dilindungi oleh syariat Islam. Jika mereka beranggapan bahawa ketidakadilan terdapat dalam ajaran agama, maka anggapan itu adalah hasil kesalahan fahaman dalam menilai kedudukan lelaki dan perempuan dalam Islam. Dengan kata lain, ketidakadilan tersebut bukan dari ajaran agama, Sebaliknya tradisi masyarakat setempat ataupun ia adalah tindakan yang menyimpang dari syariat Islam.

Yusuf al-Qaradāwī turut menyatakan bahawa perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam sesetengah hukum tidak bermakna jenis lelaki lebih mulia dan lebih hampir kedudukannya di sisi Allah SWT daripada jenis perempuan. Sebaliknya perbezaan ini melibatkan tugas dan tanggungjawab yang sesuai dengan fitrah setiap lelaki dan perempuan.⁵² Sesungguhnya manusia yang paling mulia di sisi-Nya adalah mereka yang paling bertaqwa. Justeru, untuk menyalahkan ajaran Islam sepenuhnya dalam kepincangan hubungan gender dalam masyarakat Muslim adalah tidak wajar. Ini kerana pengaruh adat tempatan yang berakar umbi dalam masyarakat tidak mencerminkan ajaran Islam yang sebenar.

Selanjutnya isu kesetaraan, prinsip kesetaraan difahami oleh masyarakat umum sebagai, masing-masing mendapat sesuatu yang sama dalam jumlah yang sama. Namun kesetaraan gender dapat difahami sebagai lelaki dan perempuan memainkan peranan

⁵¹ Khoiruddin Nasution, *Fazlur Rahman Tentang Wanita* (Yogyakarta : Academia, 2002), 83.

⁵² Naṣr Salmān & Su‘ād Suṭḥī (eds.), *Fatāwā al-Nisā’ li Aṣḥāb al-Fāḍilah Yūsuf al-Qaradāwī, wa Maḥmūd Syaltūt, wa ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, wa Muḥammad Mutawallī Sya‘rāwī wa Aḥmad Hamānī* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, t.t.), 574-577.

yang berbeza dalam keadaan yang harmoni.⁵³ Peranan yang berbeza tidak menimbulkan masalah kerana ia adalah sunnah Allah yang menjadikan manusia sebagai saling lengkap- melengkapi untuk hidup harmoni dalam masyarakat. Barat mendakwa konsep kesetaraan gender berlaku apabila lelaki dan perempuan ditempatkan dalam acuan sosial yang sama, bergerak dalam kerangka acuan sosial yang satu, tinggal di tempat dan aturan yang satu, struktur anatomi fizikal dan psikologi yang dianggap sama, dan masing-masing dibebani kewajipan yang sama serta memiliki hak yang sama.⁵⁴ Sedangkan dalam Islam, jelas ini bukanlah konsep kesetaraan dan keadilan gender kerana ia bertentangan dengan hukum alam. Lelaki dan perempuan sama-sama manusia yang mempunyai sifat dan fungsi masing-masing⁵⁵.

Bukan sahaja daripada segi fizikal dan psikologi malah berbeza daripada segi kemampuan, bakat, keahlian dan karakteristik. Ini bermakna lelaki dan perempuan tidak wujud persamaan. Komuniti manusia baik lelaki atau perempuan, masing-masing ada kesamaan dari segi memikul tanggungjawab dan memiliki hak. Tidak semestinya mereka perlu mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama. Masing-masing ada tanggungjawab yang perlu dipikul serta memiliki hak dalam segenap aspek kehidupan. Hak dan tanggungjawab ini berbeza kemampuan bakat, karakteristik serta kedudukan masing-masing. Maka, kesetaraan gender berlaku dalam realiti kehidupan apabila lelaki dan perempuan sama-sama memiliki nilai kemanusiaan dan kemuliaan sebagai manusia serta mempunyai tanggungjawab dan hak. Manakala ketidaksamaan gender pula berlaku dalam realiti masyarakat manusia yang hidup dalam perbezaan yang ditentukan oleh Allah yang maha pencipta untuk mewujudkan keharmonian dalam kehidupan.

⁵³ Ashari, “Kesetaraan Gender Menurut Nasaruddin Umar dan Megawangi Study Komparasi Pemikiran Dua Tokoh”, (Disertasi Sarjana, Fakultas Syariah Universitas Sunan Kalijaga, Yogyakarta 2009), 3.

⁵⁴ Sa‘id Ramadhan al-Buti, *Perempuan: Antara Kezaliman Sistem Barat dan Keadilan Islam*. Darsim Ermaya Imam Fajaruddin (terj). (Karangsem: Era Intermedia, 2002), 106.

⁵⁵ Paizah bt Ismail, “Status Wanita Dalam Islam: Antara Prinsip Syariah dan Ijtihad Fuqaha”, dalam *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 62.

Namun demikian aliran feminism yang dikenali sebagai *Women's Liberation Movement*, terus memperjuangkan hak kesamarataan antara lelaki dan perempuan. Perjuangan ini bermula pada abad ke-18 dengan membuat pertambahan terhadap hak – hak perempuan termasuk tuntutan mereka adalah dengan membolehkan perempuan keluar mengundi serta mengiktiraf kemasukan perempuan di dalam pendidikan dan pekerjaan. Ini kerana, pada pertengahan tahun 1890-an masyarakat menganggap perempuan sebagai insan yang bertaraf lebih rendah daripada lelaki dan tempat mereka hanya di rumah. Dengan demikian, di Eropah dan Amerika sangat mendukung *Women's Liberation Movement* (Pergerakan Pembebasan Wanita). Mereka mendakwa diri mereka sebagai kaum pejuang hak asasi wanita. Mereka juga menuduh bahawa ajaran dalam Islam turut menganiaya wanita khususnya dengan penetapan lelaki selaku ketua negara yang mempunyai kuasa penuh, autokratik dan tidak demokratik. Pentafsiran secara literal mengenai beberapa ayat al-Qur'an dijadikan asas pertuduhan tersebut seperti yang terdapat dalam Surah al-Nisa' ayat 34 dan Surah al-Baqarah ayat 228 sebagaimana berikut ini.

آلِرَجَالِ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَمَا أَنْفَقُوا مِنْ

أَمْوَالِهِمْ

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Al-Nisa' 4:34.

وَعُولَيْهِنَّ أَحَقُّ بِرِدْهَنَ فِي ذَلِكَ إِنَّ أَرَادُوا إِصْلَحًا وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ
بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang

perempuan (isterinya). dan (ingatlah), Allah maha kuasa, lagi maha bijaksana.

Al-Baqarah 2: 228

Dilihat dari sudut penelitian yang dangkal, tentu sekali ayat-ayat al-Qur'an di atas boleh dijadikan pengukuhan kepada tanggapan yang Islam itu satu agama yang mendiskriminasikan wanita secara terang-terangan. Namun, apa yang pasti selaku sistem cara hidup yang lengkap yang diturunkan oleh Allah SWT kepada ummah melalui perutusan Rasulnya, ketetapan Islam di atas urusan kepimpinan dalam sebuah rumahtangga sebenarnya dijalin begitu rapi untuk memastikan rumahtangga memainkan peranannya sebagai medan latihan praktikal institusi pemerintahan yang kecil.

Pola pemikiran feminis ini juga dipengaruhi oleh rasa tidak puas hati terhadap sistem patriarki yang wujud dalam sistem kekeluargaan yang mana kaum bapa diberikan tanggungjawab sepenuhnya terhadap nafkah keluarga. Tidak seperti kaum ibu yang lebih banyak dikurung dan dikhurasukan untuk keperluan domestik sahaja. Oleh itu, mereka cuba mendapatkan persamaan tugas sama seperti lelaki sebagai pencari nafkah. Mereka juga menuntut lelaki supaya terlibat dalam tugas domestik keluarga. Dalam usaha meneruskan lagi agenda mereka, mereka mencari segala perbezaan yang wujud antara lelaki dan wanita dan cuba mendapatkan kesetaraan. Perbezaan yang wujud ini menurut kaum pendokong feminism adalah merupakan ketidakadilan kepada kaum wanita. Golongan feminis Barat turut mengecam keharusan berpoligami bagi lelaki Muslim. Berdasarkan surah al-Nisa', mereka mengulas bahawa bagi sesiapa yang takut tidak dapat berlaku adil, maka hendaklah mereka berkahwin hanya satu atau monogami. Firman Allah SWT:

حَفْتُمْ وَإِنَّ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنِّكُمْ مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَثَةٍ وَرِبَعٌ
فَإِنَّ حِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا تَعُولُوا

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Al-Nisa' 4:3

Maka dari itu, Islam telah meletakkan syarat adil kepada mereka yang ingin berpoligami. Adil di sini termasuk menyediakan pakaian, makanan, tempat tinggal, giliran bermalam dan perkara lain yang bersifat lahiriah.⁵⁶ Namun, apa yang disifatkan sebagai adil ini dikatakan mereka sebagai suatu yang tidak mungkin dan tidak berlaku. Ini dinyatakan sendiri oleh al-Qur'an dalam surah yang sama pada ayat 129:⁵⁷

قَسْتَطِيعُوا وَلَنْ أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا
كَالْمُعْلَقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوهَا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا

Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung dan jika kamu memperbaiki dan memelihara diri maka sesungguhnya Allah maha pengampun, lagi maha mengasihani.

Al-Nisa' 4: 129

Dalam hal ini, Yusuf al-Qaradāwī menolak dakwaan feminis barat dan menyatakan hujah mereka itu tidak diterima. Menurut beliau, Islam menurunkan sesuatu syariat itu dengan menolak keburukan dan kemudaratan. Syariat Islam tidak mungkin dibina atas perkara yang membawa keburukan kepada manusia.⁵⁸ Ini berdasarkan kepada kaedah fiqh yang keempat iaitu (*al-darar yuzāl*). Setiap yang diharamkan syariat itu

⁵⁶ Yayasan Penyelenggaraan Penterjemah, *Al- Quran dan terjemah nya*, (Jakarta, 1997), 115.

⁵⁷ Yūsuf al-Qaradāwī, *Markaz al-Mar'ah fī al-Hayāt al-Islāmīyah*, (t.t.p, 1996), 132-133.

⁵⁸ *Ibid.*

pasti ada keburukan nyata, dan apa yang diharuskan oleh syarak pasti ada kebaikan yang nyata. Misalnya dalam hal pengharaman arak, firman Allah SWT:

قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَفِعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا

Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya

Al- Baqarah 2: 219

Begitu jugalah dalam hal poligami, Islam mengharuskan poligami bukan sahaja menjauhkan keburukan zina malah memberi kebaikan kepada mereka agar terpelihara dalam sebuah keluarga. Sebaliknya undang-undang Barat tidak membenarkan poligami tetapi membenarkan hidup bersekedudukan terutama dengan wanita simpanan.⁵⁹ Maka timbulah seks bebas yang boleh membawa AIDS dan penyakit kelamin yang lain serta berleluasalah kelahiran anak luar nikah. Anak-anak ini tentunya akan terabai tanpa ikatan keluarga yang terpelihara bahkan akan mewujudkan masyarakat yang rosak zuriat dan keturunan.⁶⁰

Feminisme Barat turut menolak institusi perkahwinan terutamanya bagi perempuan yang ingin berkerjaya dan menceburi bidang kemasyarakatan. Bagi golongan feminis Barat, perempuan moden perlu meninggalkan institusi perkahwinan yang dianggap telah dicipta oleh budaya patriarki untuk menindas dan memerangkap golongan perempuan agar menjadi hamba seks kepada lelaki. Apabila seseorang wanita berkahwin, mereka secara terpaksa terlibat dalam aktiviti domestik tanpa diberikan sebarang bayaran. Ini bermakna selain daripada tugas biasa di pejabat, seorang perempuan yang berkahwin terpaksa mengandung melahirkan dan mendidik anak, di

⁵⁹ Hj Norrodzoh Siren, *Islam dan Isu-isu Semasa dalam Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 139-141.

⁶⁰ *Ibid.*

samping terpaksa melakukan tugas-tugas sebagai suri rumah.⁶¹ Sebagai gantinya, golongan wanita digalakkan untuk menjadi perempuan berkerjaya sepenuh masa demi kemajuan diri dan patut mengamalkan seks bebas tanpa sebarang ikatan untuk memenuhi keperluan naluri kelamin mereka.⁶²

Oleh itu, masyarakat dunia perlu menyedari bahawa gerakan kaum feminis yang ditubuhkan pertama kali di negara-negara Barat ini adalah merupakan reaksi atas penindasan kaum perempuan di sana. Mereka yang merupakan penduduk majoriti, merasakan peranan mereka di luar rumah sangat tersekat. Hak mereka dalam aspek sosial diketepikan sama ada dalam masyarakat mahupun dalam keluarga. Ini jelas berbeza dengan kedudukan wanita yang diberi oleh Islam berhubung peranan dan hak kaum perempuan sama ada dalam aspek keperibadian, aspek sosial, politik, ekonomi, pemilikan harta, perundangan, keluarga, dan sebagainya, kaum perempuan sangat dihargai sebagaimana kaum lelaki. Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita melainkan kerana wujudnya faktor-faktor tertentu seperti perbezaan kemampuan dan keadaan.⁶³ Oleh itu, untuk berhadapan dengan pandangan ini semua, golongan ilmuwan, ulama-ulama perlu mampu menonjolkan sifat dinamisme institusi perkahwinan di dalam Islam, yang tidak hanya mementingkan keperluan material semata-mata bahkan turut menekankan kepentingan mewujudkan sesebuah keluarga yang mampu melahirkan dan mendidik zuriat keturunan yang berakhhlak mulia.

⁶¹ Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, “Emansipasi wanita di Abad 21: Islam Sebagai Model Perjuangan”, Kertas Kerja Multaqa Ulama Sedunia, anjuran YADIM di Putrajaya pada 10-12hb Julai 2013, 9-11.

⁶² Zeenath Kausar, *Feminist Sexual Politicis and Family Deconstruction: An Islamic Perspective* (Kuala Lumpur: IIUM Press Research Centre, 2001), 77-104.

⁶³ al-Buti, *Perempuan: Antara Kezaliman Sistem Barat dan Keadilan Islam*, 21.

2.3 Aliran Pemikiran Gender Dalam Kalangan Ulama Pesantren

Sepanjang penelitian yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat kepelbagaiannya aliran dalam pemikiran dalam kalangan ulama pesantren terhadap gender.

Pertama: KH Muhyidin Abdusshomad yang merupakan Mudir Pondok Pesantren Nurul Islam, Jember Surabaya. Beliau berpandangan bahawa perjuangan gender oleh kaum feminis merupakan suatu usaha yang telah mendapat perhatian di seluruh dunia, sehingga hari ini perempuan dapat menunjukkan kemampuan mereka dalam berbagai bidang, sama ada dalam pendidikan, pekerjaan, sosial dan yang lainnya, kehebatan kaum perempuan semakin terserlah, golongan perempuan yang berlatarbelakang pendidikan pondok pesantren juga menunjukkan kemampuan mereka dalam bidang pendidikan, sosial, ekonomi dan politik.

Beliau menambahkan bahawa fenomena ini menarik kerana perempuan dalam perspektif pesantren kebiasaannya dianggap sebagai golongan kelas dua yang hanya bertanggungjawab di dapur dan tempat tidur. Ternyata, akhir-akhir ini, perempuan pondok pesantren berjaya keluar dari stigma ini. Bahkan kata kiai ini perempuan pesantren sudah ramai yang berjaya melanjutkan pendidikan hingga peringkat doktor falsafah. Ia adalah pencapaian yang tidak pernah terbayangkan dalam tiga dekad sebelumnya.⁶⁴ Beliau juga menyatakan rasa kagum kepada para tokoh penggerak kesedaran kesetaraan gender yang bekerja keras untuk mengubah pola fikir perempuan pesantren. Beliau melihat faktor doktrin, nilai-nilai atau tradisi pesantren berlawanan dengan realiti. Seperti kitab-kitab yang diajarkan di pesantren, hampir tidak memberi ruang gerak sama sekali kepada perempuan. Munculnya kesedaran adalah akibat dari usaha para pejuang kesetaraan itu, bukan dari atas nilai-nilainya.

⁶⁴ KH Muhyidin Abdusshomad , *Kepeloporan Perempuan Pesantren Sudah Terlatih Sejak Di Pondok*, laman sesawang dicapai 12 Desember 2012 http://www.pondokpesantren.net/ponpren/index.php?option=com_content&task=view&id=391

KH Muhyidin Abdusshomad lebih lanjut menjelaskan bahawa sejak awal Islam sudah memulai kesetaraan gender jauh sebelum Barat melakukannya. Namun , itu baru muncul setelah digali oleh para pelopor kesetaraan gender. Padahal katanya jikalau digali lebih mendalam, doktrin agama sangat mengangkat darjat perempuan dan ini harus diketahui seiring dengan perkembangan zaman, tidak boleh sepenuhnya menghadirkan zaman dahulu untuk dilaksanakan pada saat ini. Situasi dan kondisi sudah sangat berbeza, sebagai contoh, Arab Saudi yang melarang perempuan Muslim menjadi pemandu kerana dikhawatirkkan terjadi kerosakan kenderaan yang dipandunya dan ditakuti akan terjadi percampuran di antara lelaki dan perempuan. Justeru doktrin seperti itu yang merupakan sebuah diskriminasi sekalipun keadaan ini tidak berlaku di kalangan pesantren.

Beliau juga mengatakan sejarah awal Islam memang mengangkat darjat perempuan tetapi itu setelah digali dan dikaji oleh kalangan para pemikir, kemudian doktrin itu difahami sesuai dengan perubahan zaman. Jika bukan kerana hasil perjuangan mereka nescaya amalan agama akan berterusan secara tekstual sahaja, tidak dikaji kontekstual nya, akhirnya perempuan akan di halang pergerakan nya seperti Arab Saudi. Arab Saudi juga mewujudkan bank dan sekolah khusus untuk perempuan. Sekiranya gurunya lelaki maka mereka akan dipantau melalui CCTV. Budaya ini untuk zaman sekarang apatah lagi di Indonesia akan menimbulkan orang Indonesia semakin menakuti ajaran agama Islam. Doktrin awal memang sangat mengangkat darjat perempuan, namun kerana adanya doktrin yang membelenggu menjadikan kepeloporan perempuan tidak dapat dibendung.

Bagi memahami paradoks ini, kiai beranggapan bahawa, perkembangan pendidikan formal di pesantren memiliki pengaruh, sehingga beberapa doktrin yang dikembangkan di pesantren yang terkesan membelenggu itu terhakis oleh agenda sekolah-sekolah

formal. Sememangnya jika dilihat subjek pelajaran yang dikaji daripada kitab-kitab di pesantren, seakan tidak memungkinkan untuk melahirkan para pelajar perempuan untuk maju seperti sekarang kerana hampir tidak ada ruang untuk bergerak, sebagaimana yang terjadi di Arab Saudi. Oleh itu, beliau merasa hairan jika sebahagian Kiai masih alergik dengan isu perempuan dan kesetaraan gender, kerana kebanyakannya seperti itu. Sukar untuk mencari kiai yang faham kesetaraan gender.

Menurut beliau jika kita merenung dan membaca, maka kita akan semakin menyedari bahawa lelaki dan perempuan itu adalah setara, memiliki hak-hak yang sama. Walaupun dalam beberapa hal yang bersifat spesifik tidak mungkin diperlakukan sama. Dari segi psikologi lelaki dan perempuan memang berbeza. Namun kita mesti menyikapi perempuan dengan adil kerana Tuhan pun mengajarkan seperti itu. Beliau berhujah berdasarkan ayat al-Qur'an, iaitu firman Allah SWT:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

Al-Nahl, 16: 97

Dengan kemajuan teknologi dan zaman perkembangannya dan kemampuan perempuan, termasuk perempuan pesantren sudah semakin berkembang. Beliau turut merasa bangga melihat beberapa pesantren akhir-akhir ini, seperti pesantren Salafiyah Sukorejo (Situbondo, Jawa Timur), ada dari kalangan pelajar pesantren perempuan sudah sampai ke tahap kedoktoran bahkan memegang jawatan profesor.

Kedua: Ulama Pesantren Musthafawiyah Mandailing Natal Sumatera Utara seperti KH. Ardabili Batubara dan KH. Muhammad Yakub Nasution, KH. Mahmuddin Pasaribu. Mereka memberi pandangan bahawa, isu gender yang dibawa oleh golongan feminis ini

sememangnya tidak terdapat dalam Islam, kerana idea ini muncul dari Barat pada ketika kaum perempuan bangkit untuk menuntut hak-hak mereka. Ini terjadi kerana pada abad pertengahan, gereja berperanan sebagai pusat kekuatan dan Paus sebagai pemimpin gereja di mana pada masa itu nasib perempuan amat memilukan, mereka dianggap seperti binatang, dianggap sebagai ibu segala dosa berakar dari syaitan dan sebagainya.⁶⁵ Atas dasar ini kata para agamawan telah mendominasi sistem di dalam masyarakat dengan tidak memberikan hak kepada wanita untuk terlibat dalam urusan umum seperti menuntut ilmu, bekerja di luar ataupun berpolitik. Bahkan yang paling ekstrem, kewujudan perempuan dipertikai sama ada adalah mereka makhluk atau bukan ini amat memilukan kerana pada masa itu, wanita Eropah benar-benar telah kehilangan kemuliaannya.⁶⁶

Para Kiai pesantren Musthofawiyah lebih lanjut mengatakan keadaan yang dialami kaum perempuan di Barat sangat berbeza dengan apa yang dihadapi oleh para Muslimah di dunia Islam. Dalam Islam wanita sangat dihormati dan dimuliakan sehingga tidak terdapat satu ayat pun dalam al-Qur'an yang mendiskriminasi perempuan bahkan semua ayat-ayat al-Qur'an tentang perempuan adalah meninggikan darjat dan memuliakan mereka. Allah memberikan persamaan nilai ibadah di antara lelaki dan perempuan, hanya yang membezakan adalah bentuk ketakwaan. Mereka berhujah berdasarkan beberapa ayat dalam al-Qur'an tentang perempuan di antaranya:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan

⁶⁵ Maududi Abu A'la, *al-Hijāb* (Bandung: Gema Risalah Press, 1995), 23.

⁶⁶ KH. Ardabili Batubara, KH. Muhammad Yakub Nasution dan KH. Mahmuddin Pasaribu (Guru Pesantren Musthofawiyah Purba-Baru), dalam temubual dengan pengkaji, pada 2 Mac 2014.

kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.”

Al-Nahl 16: 97

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الْصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ
وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

Sesiapa yang mengerjakan amal-amal soleh, baik lelaki atau perempuan sedang ia orang yang beriman, maka mereka itu masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiaya walau sedikit pun.”

Al- Nisa' 4:124

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَتَيْ لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمِيلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى بَعْضُكُمْ مِنْ
^ص
بَعْضٍ

Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya (dengan berfirman): Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan amal orang-orang yang beramal di antara kamu, baik laki-laki atau perempuan, (kerana) sebahagian kamu adalah keturunan dari sebahagian yang lain.

Al-Imran 3: 195

Namun demikian menurut mereka, bukan bermaksud kaum lelaki dan perempuan menjadi sama dan setara dalam segala hal sepertimana yang diperkenalkan oleh Barat. Secara biologi dan kemampuan fizik, lelaki dan perempuan jelas berbeza, begitu juga dari segi sifat, pemikiran akal, kecenderungan, emosi dan potensi masing-masing juga berbeza.

Lebih jauh jika diperhatikan, menurut mereka wanita dengan tabiatnya melakukan proses reproduksi, mengandung, melahirkan, menyusui, mengalami kitaran haid, sementara kaum lelaki tidak demikian. Oleh itu sangat tidak adil jika kita kemudian memaksakan suatu peranan yang tidak sesuai dengan tabiat dan kecenderungan dasar

masing-masing jenis tersebut. Berdasarkan dari perbezaan mendasar inilah, mereka berpandangan bahawa sejumlah hukum-hukum syariat ditetapkan oleh Allah dengan perbezaan pula.

KH Mahmuddin Pasaribu pula menjelaskan bahawa, kewajipan hak dan peranan yang disyariatkan oleh Allah disesuaikan dengan kemampuan masing-masing. Ini bertujuan supaya mereka saling melengkapi satu sama lain dan dengannya kehidupan dapat berjalan sempurna, harmoni dan seimbang. Dalam pandangan Islam bentuk hubungan antara lelaki dan perempuan adalah hubungan yang saling melengkapi, bukan hubungan persaingan sebagaimana yang diinginkan oleh konsep sekular dan liberal.⁶⁷ Beliau berhujah dengan ayat al-Qur'an dalam surah Ali 'Imran.

وَلَيْسَ الذُّكُورُ كَالْأُنْثَی

"Dan anak laki-laki tidaklah seperti anak perempuan."

Al-Imran 3: 36

Berdasarkan ayat di atas, menurut beliau kesetaraan, atau persamaan (*musāwāh*) antara lelaki dan perempuan bukanlah nilai yang berasal dari pandangan Islam. Islam memandang keadilan antara lelaki dan perempuan bukan kesetaraan. Konsep kesetaraan berlawanan dengan prinsip keadilan. Ini kerana adil adalah menempatkan sesuatu pada tempatnya, memberikan hak kepada yang berhak menerimanya. Oleh itu kata beliau dalam Islam tiada kesetaraan seperti yang diperkenalkan oleh masyarakat barat apatah lagi yang namanya diskriminasi. Gender dalam Islam adalah kesetaraan dengan konsep keadilan menurut nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dan saling melengkapi antara satu sama lain.

⁶⁷ KH Mahmudin Pasaribu (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 10 April 2014.

Ketiga, KH. Khairul Anam. Beliau adalah merupakan Mudir Pondok Pesantren Hidayatullah Tj. Morawa Medan Sumatera Utara. Beliau mengatakan tidak menerima isu gender kerana menurut beliau isu gender adalah merupakan produk pemikiran Barat yang giat dalam mensosialisasikan isu kesetaraan gender. Isu kesetaraan gender yang dibawa oleh kaum feminis ini menurut beliau secara tidak langsung akan menghancurkan batas-batas perbezaan antara dua kelompok manusia iaitu lelaki dan perempuan samaada dalam status sosial atau peranan dalam masyarakat. Isu kesetaraan gender yang ditawarkan oleh para aktivis feminis ini katanya tidak lain adalah anak turunan liberalisme, ideologi kebebasan mutlak tanpa ada batas.⁶⁸

Beliau berkata lemahnya keyakinan dan kedangkalan wawasan keagamaan menjadi punca utama yang menyebabkan idea-idea luar itu dengan mudah masuk ke dalam pemikiran kaum Muslimin tanpa ada suatu penyaringan. Apatah lagi pelopor-pelopor pemikiran Barat yang giat menyebar idea-idea yang rosak ini, terkadang mereka berbicara atas nama pembaharuan Islam, modernisasi, dan berbagai penamaan lainnya.⁶⁹

Beliau bersetuju dengan pandangan ‘Isham Basyir selaku Menteri penerangan dan wakaf Sudan yang juga menganggap bahawa sosialisasi istilah gender merupakan langkah- langkah yang bertujuan untuk menghapus jati diri umat Islam dengan melalui jalur perundangan. Menurut ‘Isham Basyir bahawa konsekuensi logik daripada definisi gender adalah seorang perempuan berubah menjadi lelaki dan seorang lelaki berubah menjadi seorang perempuan, isteri boleh menjadi seorang suami dan menikah dengan perempuan lain.⁷⁰ Daripada kenyataan tersebut, maka kata Kiai Khairul Anam tidak aneh kalau sosialisasi istilah gender ini bertujuan untuk melegitimasi praktik homoseksual iaitu hubungan seks yang dilakukan antara sesama lelaki (*gay*) ataupun

⁶⁸ KH Khairul Anam (Pimpinan Pesantren Hidayatullah) dalam temubual dengan pengkaji pada 20 Februari 2014.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ *Majalah al -Wa 'yu al -Islāmiy*,edisi 189, Julai 2003 M.

sesama perempuan.⁷¹ Lebih lanjut KH Khairul Anam menjelaskan, memang masalah gender ini sudah mendapat sambutan dan perhatian dalam masyarakat dunia Islam di antaranya Qatar, Yaman, Mesir, Tunisia dan termasuk di dalamnya masyarakat Indonesia.

Oleh kerana itu katanya, pada tahun 1984 ditetapkan undang-undang tentang pengesahan konvensi penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap perempuan dan pada tahun 1999 ditetapkan undang- undang tentang Hak Asasi Manusia (HAM) yang isinya sangat menekankan upaya perlindungan dan penguatan terhadap perempuan menuju kepada terwujudnya kondisi kesetaraan dan keadilan gender dalam seluruh aspek kehidupan warga: sosial, ekonomi, dan politik. Pada tahun 2000, Presiden mengeluarkan Instruktur Presiden (INPRES) tentang *Gender Mainstreaming* yang menekankan perlunya pengintegrasian gender dalam seluruh tahap pembangunan nasional mulai perencanaan sampai tahap devaluasi.⁷² Kemudian fenomena ini, diikuti dengan munculnya kajian-kajian ilmiah tentang gender sekalipun masih relatif sedikit di antaranya yang paling menonjol adalah “Argumen Kesetaraan gender Perspektif al-Qur'an, oleh Nasaruddin Umar.

Namun yang dikesali menurut KH Khairul Anam adalah usaha-usaha untuk mengangkat darjat perempuan tersebut tidak diiringi dengan kepekaan terhadap konspirasi anatarabangsa untuk menggugat umat Islam lewat isu gender dan sedikitnya bekal keilmuan agama. Mereka dengan semangat membuat kritikan, bukan sahaja mereka mengkritik permasalahan yang sememangnya wajar diprotes, bahkan mereka sampai berani mengkritik hal-hal yang sudah berlaku dalam agama Islam seperti

⁷¹ *Majalah al Bayān*, edisi 168, Julai 2001 M.

⁷² Siti Musdah Mulia, “Gerakan Feminisme di Indonesia”, Makalah Loka Karya dan Silaturahmi Kader NU Luar Negeri, PCINU Mesir, 2003.

masalah poligami, warisan, pemegang tanggungjawab dalam keluarga, hak talak, hijab, dan yang lainnya.

Beliau menyatakan beginilah akibat jika umat Islam menerima pengaruh istilah gender yang datang dari barat ini. Umat Islam semakin berpecah, semakin rosak menentang hukum yang telah sedia ada terutama bagi mereka yang kurang ilmu dalam agama yang sudah pasti pemikiran barat akan lebih sesuai dalam pemikiran mereka. Oleh sebab itu, bagi mereka yang mengaku Muslim dan ingin menjadi pejuang kesetaraan gender maka sedikit sebanyak akan terpengaruh dengan pemikiran barat walaupun atas nama Islam. Buktinya sudah jelas kata Kiai ini bagaimana pemikiran liberal di Indonesia yang mengatas namakan Islam terpengaruh dengan pemikiran barat sehingga mereka sanggup mengubahsuai al-Qur'an dan menjadikan logik sebagai alat utama dalam hukum Islam.

Mereka mengkritik al-Qur'an dan al-Sunnah, dan menuduh kitab-kitab di pesantren adalah merupakan salah satu faktor diskriminasi terhadap perempuan yang melabelkan wanita sebagai kelas dua. Ini semua bagi saya adalah suatu pemikiran yang sempit yang hanya memakai logik tanpa mempertimbangkan dengan dasar iman. Jika semua umat Islam mempunyai pemikiran seperti ini, maka umat Islam akan menjadi semakin lemah dan hancur dan semakin jauh dari syariat Islam yang sebenar.

Jadual 1: Aliran Pemikiran Gender Dalam Kalangan Ulama Pesantren

Bil	Pesantren	Aliran Pemikiran Gender		
		Liberal	Tradisional	Salafi
		Menerima isu gender secara terbuka walaupun datang dari barat	Membahas isu gender namun tidak menerima sepenuhnya isu gender.	Menolak isu gender dan tidak menerima sepenuhnya isu gender
1	Ulama Pesantren Nurul Islam Jember	√		
2	Ulama		√	

	Pesantren Musthofawiyah Purba Baru			
3	Ulama Pesantren Hidayatullah			✓

Sumber: temubual pengkaji

Berdasarkan jadual 1 di atas, pengkaji mendapati perbezaan pemikiran dalam kalangan ulama pesantren terhadap isu gender. Pertama: KH Muhyidin Abdusshomad selaku pimpinan pesantren Nurul Islam Jember menerima gender secara terbuka walaupun datangnya dari barat dan menganggap isu gender perlu diambil perhatian oleh umat Islam. Pengkaji menilai pandangan ini sebagai pandangan yang liberal.⁷³ Kedua: KH Ardabili Batubara Guru Pesantren Musthofawiyah Purba-Baru dan lima guru yang lainnya hanya membahas isu gender namun tidak menerima sepenuhnya isu gender kerana menganggap gender bertentangan dengan syariat Islam. Pengkaji menilai bahawa pandangan ini adalah pandangan yang tradisional atau sederhana.⁷⁴ Ketiga: KH Khairul Anam selaku pimpinan pesantren Hidayatullah sama sekali tidak menerima sepenuhnya isu gender dan menganggap isu gender tiada kepentingan untuk dibahas kerana ia datangnya dari Barat dan tidak sesuai dengan syariat Islam.

⁷³ Fazlur Rahman, *Islam* (New York: Anchor Books, 1968), 273.

⁷⁴ Muhammad Iqbal, M.Ag, *Hukum Islam Indonesia Modern, Dinamika Pemikiran Dari Fiqh Klasik Ke Fiqh Indonesia* (Tangerang: Gaya Media Pratama 2009), 56.

2.4 Manhaj Ulama Pesantren Dalam Merespon Isu Gender

Para Kiai Pesantren sepakat bahawa, dalam menangani isu gender terdapat beberapa manhaj yang perlu dijadikan sebagai garis panduan oleh umat Islam, supaya tidak lari dari landasan syariat yang sebenar, di antaranya:⁷⁵

- a. Kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Manhaj yang perlu diambil bagi menangani masalah dalam Islam termasuk isu gender ialah kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

يَأَيُّهَا أَنَّاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِن رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الْأَرْضِ وَرَحْمَةٌ
لِلْمُؤْمِنِينَ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Yunus 10:57

Nabi SAW bersabda:

تَرَكْتُ فِيهِمْ أَمْرَيْنِ مَا لَنْ تَضْلِلُ بَعْدُهُ إِنْ اعْتَصَمْتُمْ بِكِتَابِ اللَّهِ وَسُونَّةِ رَسُولِهِ

*Aku tinggalkan dua perkara yang kamu tidak akan sesat selamanya selagi berpegang teguh kepada keduanya iaitu kitabullah dan sunnatu rasul.”*⁷⁶

Bagi memudahkan untuk memahami sesuatu dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah umat Islam perlu mengambil panduan dari kaedah usul al-fiqh dan qawaid fiqh yang telah disusun oleh para ulama muktabar salaf salih, mereka ini telahpun dijamin keilmuan dan pengiktirafannya di dalam Islam, di samping itu bagi

⁷⁵ KH. Abdurrahman (Guru Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji pada 13 April 2013.

⁷⁶ Imam Muslim, *Sahīh Muslim*, no hadis: 2137.

menambah pengukuhan suatu dalil umat Islam juga perlu mengambil kira kaedah ilmu nahu sepetimana yang pernah diungkapkan oleh Imam Shaf'i:⁷⁷

ما أرددُ منه إِلَّا الْسَّعَانَةُ عَلَى الْفَقِهِ

“Tidaklah aku menginginkan mempelajari tata bahas kecuali untuk mencari bantuan dalam memahami masalah fiqh”

لَا أُسَأَّلُ عَنْ مَسَأَلَةٍ مِّنْ مَسَائِلِ الْفَقِهِ إِلَّا أَجَبْتُ عَنْهَا مِنْ قَوَاعِدِ النَّحْوِ

“Tidaklah saya ditanya tentang suatu permasalahan dari permasalahan fiqh kecuali saya jawab dengan kaidah nahu”

b. Mengukuhkan aqidah tauhid.

Jika semua perkara telah dikembalikan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah maka langkah yang seterusnya adalah memantapkan aqidah tauhid dengan dasar ketaatan dan iman yang sempurna supaya tidak lari dari fitrah Islam sebagai khalifah yang berstatus hamba Allah di bumi. Manusia yang menyedari hakikat hamba dan menyandarkan dirinya pada prinsip-prinsip dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dengan dasar tauhid yang sempurna akan mampu dalam membentengi diri dari pengaruh pemikiran sekularisme dan liberalisme yang menyesatkan kehidupan manusia, sehingga akan terus hidup dalam nilai-nilai Islam yang sebenar dan akan mendapatkan rahmat dan hidayah Allah baik di dunia ni mahupun di akhirat.⁷⁸

Firman Allah SWT:

قُلْ نَزَّلَهُ رُوحُ الْقُدُّسِ مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ إِيمَنُوا وَهُدًى وَشَرِيكٌ
لِلْمُسْلِمِينَ

Katakanlah (Wahai Muhammad): al-Qur'an itu diturunkan oleh Ruhul Qudus (Jibril) dari Tuhanmu dengan cara yang sungguh layak dan

⁷⁷ Muhammad Sam'i Sayyid 'Abd al-Rahman al-Rastaqī, *Kitāb al-Qadīm al-Jadīd min Aqwāl al-Imām al-Shāfi'ī* (Dār Ibn Hazm, 2004), 35.

⁷⁸ KH. Muhammad Yakub Nasution (Guru besar Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada, 10 April 2013.

berhikmah, untuk meneguhkan iman orang-orang yang beriman, dan untuk menjadi hidayah petunjuk serta berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam.

Al-Nahl 16:102

c. Menilai kembali sejarah Islam.

Dari zaman permulaan Islam, jaminan hak ke atas kaum lelaki mahupun wanita tidak pernah menjadi persoalan diskriminasi.⁷⁹ Mereka menukil perkataan Muhammad al-Ghazali, “kalau kita mengembalikan pandangan ke masa sebelum seribu tahun, maka kita akan menemukan wanita menikmati keistimewaan dalam bidang material dan sosial yang tidak dikenal oleh kaum wanita di lima benua. Keadaan mereka ketika itu lebih baik dibandingkan dengan keadaan wanita Barat hari ini, asal sahaja kebebasan dalam berpakaian serta pergaulan tidak dijadikan bahan perbandingan.”⁸⁰

Menurut mereka, Islam yang hadir di Jazirah Arab telah menyelamatkan kaum wanita daripada menjadi mangsa diskriminasi kaum jahiliyah yang tidak langsung memberi ruang kepada anak-anak perempuan yang dilahirkan untuk hidup. Anak-anak tersebut dibunuhi dengan zalim kerana masyarakat Jahiliyah tidak mahu keluarga mereka ditimpah malang kerana memiliki anak perempuan. Kedatangan wahyu Allah telah memberi khabar gembira kepada umat islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan sejak itu kaum yang tertindas terus mendapat pembelaan.

Peranan wanita terus diberi perhatian ketika Islam berkembang ke wilayah-wilayah sekitar Jazirah Arab. Mereka berperanan mengambil bahagian dalam misi-misi ketenteraan, memainkan peranan penting dalam peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW, terlibat dalam majlis-majlis ilmu sehingga mereka diiktiraf sebagai sumber

⁷⁹ KH. Abdi Batubara (Guru Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji pada 13 April 2013.

⁸⁰ Muḥammad al-Ghazālī, *Al-Islām wa al-Tāqāt al-Mu'aṭṭalāt*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, 1964), 138.

periwayatan hadis yang sememangnya mempunyai satu disiplin yang sangat ketat. Justeru penindasan kepada wanita bukanlah disebabkan oleh Islam, tetapi kejahilan dalam memahami dan menjalankan syariat itu sendiri. Ia juga disebabkan sikap prejudis sesetengah pihak kepada wanita. Ini terjadi terhadap semua bangsa dan agama, bukannya agama Islam semata-mata. Selain itu, kadangkala disebabkan atas faktor budaya dan amalan masyarakat setempat. Namun ini perlu difahami kerana budaya sesetengah tempat seperti di Afghanistan umpamanya, wanita perlu memakai purdah bukan atas paksaan Islam, tetapi ia lebih kepada budaya kehidupan di kawasan kering, berdebu dan berbukit-bukau yang tidak mempunyai hutan seperti di kawasan-kawasan Khatulistiwa.

Oleh sebab itu, mereka memerlukan pelindung kepada badan-badan mereka daripada debu-debu dan kepanasan yang melampau. Jika dilihat melalui kaca mata sejarah, masyarakat Eropah yang dikatakan maju tersebut juga pernah menindas kaum wanita. Golongan ini tidak mendapat tempat, malah tidak mendapat pembelaan yang wajar. Oleh sebab itu timbul gerakan- gerakan pembebasan wanita di barat untuk memperjuangkan hak wanita tersebut. Namun, mereka telah membuat kesimpulan umum dengan menyatakan wanita Islam tidak bebas. Mereka melihat persoalan tudung, jubah dan menutup aurat itu sebagai suatu yang merimaskan wanita dan wanita Islam perlu dibebaskan daripada pakaian yang menutup aurat tersebut.

Pada mereka biarlah wanita dibenarkan berbikini dan seksi dengan alasan untuk menyerlahkan potensi wanita. Mereka tidak pernah memikirkan soal ketidakadilan ini kerana ia boleh merosakkan minda kaum lelaki. Gangguan seksual yang dibincangkan hanyalah jika ada gangguan kepada kaum wanita oleh kaum lelaki. Tetapi tidak dibincangkan gangguan seksual yang berlaku ke atas golongan lelaki disebabkan oleh kegilaan wanita mengenakan pakaian singkat ala bikini, *spaghetti strip* atau *body fit* dengan skirt pendek menyelak paha yang dipakai oleh wanita-wanita. Malah di

sesetengah tempat di Eropah, wanita juga ada hak untuk berbogel di tengah-tengah bandar untuk menikmati kesejukan air pada waktu musim panas melanda. Begitu juga wujud kumpulan yang dikenali sebagai *naturalist*, bergerak di kawasan-kawasan tertentu tanpa memakai seurat benang antara lelaki dan wanita kerana menghormati alam dan tidak mahu merosakkan alam disebabkan pakaian yang dipakai adalah hasil daripada bahan-bahan yang datang dari alam.

Pada mereka bahan-bahan yang diambil dari alam ini boleh merosakkan alam, dan lebih baik tidak memakai pakaian-pakaian kerana protes ke atas kerosakan alam yang berlaku. Serangan pemikiran sebegini telah menyerap masuk ke Nusantara dengan Indonesia dilihat terkehadapan dalam hal perjuangan gender ini.

Namun begitu, Islam mempunyai syariat untuk menjaga umat manusia daripada melakukan kerosakan. Islam tidak pernah sesekali membenarkan perbuatan yang menyalahi syariat walaupun ulama-ulama besar silih berganti. Mereka tidak pernah melonggarkan hukum hakam yang telah digariskan oleh al-Qur'an dan diterjemahkan oleh Nabi Muhammad SAW. Melalui perbuatan, ucapan dan taqrir Baginda sepanjang membawa Islam selama 23 tahun. Yūsuf al-Qaraḍāwī menegaskan bahawa sesiapa yang mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan perbuatan yang haram, ia sama dengan melakukan syirik.⁸¹ Ini juga selari dengan apa yang terkandung di dalam al-Qur'an berdasarkan firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تُحْرِمُوا طَيِّبَاتٍ مَا أَحَلَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعَتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُعْتَدِينَ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halal nya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”

Al-Ma''idah, 5: 87

⁸¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *The Lawful and the Prohibited in Islam*, (terj.) Kamal el-Helbawy, M. Moinuddin Siddiqui dan Syed Shukry, (UK: Al-Birr Foundation, 2003), 10.

Sebagai umat Islam wajib untuk memelihara dan mentaati aturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasulnya di samping memantapkan aqidah dalam jiwa agar tidak terpengaruh dalam pemikiran yang menyesatkan dengan berpegang kepada tiga sikap penting agar tidak lari dari aqidah Islam yang sebenar :

Pertama, beriman dan menerima hakikat perbezaan antara lelaki dan wanita baik secara fizik, psikologi, atau hukum syari'e, dan hendaklah masing-masing reda dengan kudrat Allah dan ketentuan hukum Allah.⁸²

Kedua, Umat Islam tidak boleh mempunyai sifat iri dengan menginginkan sesuatu yang telah Allah khususkan di antara dua jenis manusia apatah lagi mengembangkan perasaan iri tersebut disebabkan oleh perbezaan.⁸³

Firman Allah SWT:

وَلَا تَتَمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّلرِجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكَتَسَبُوا
وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَارِ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلَيْمًا

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain kerana bagi kum lelaki ada bahagian dari pada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita juga ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebahagian dari kurniannya. Sesungguhnya Allah maha mengetahui segala sesuatu.

Al-Nisa' 4: 32

Ketiga, jika sekadar hal di atas jelas dilarang oleh Allah dalam al Qur'an, apatah lagi mengingkari dan menentang perbezaan syari'e antara lelaki dan wanita dengan atas nama kesetaraan gender. Dalam hal ini sudah tentu lebih tegas pelarangan Allah yang

⁸² KH. Ardabili Batubara, (Guru Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji di Pesantren Musthofawiyah, 13 April 2013.

⁸³ KH. Mahmuddin Pasaribu, (Guru Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji 13 April 2013.

boleh dengan bentuk yang berbeza juga merupakan bentuk pengingkaran terhadap teks-teks syarak yang bersifat *qat’ie* dalam perbezaan hukum antara keduanya.

2.6 Kesimpulan

Dalam membincangkan konsep gender terdapat dua isu utama. Pertama, isu ketimpangan gender dan yang kedua isu kesetaraan gender. Penyebab terjadinya ketimpangan dan diskriminasi terhadap wanita atas dasar beberapa faktor di antaranya dianggap doktrin ajaran keagamaan, faktor budaya patriarki, amalan budaya masyarakat, keempat faktor hegemoni negara.

Kedua isu kesetaraan, atas beberapa faktor di atas sehingga kaum feminis bangkit dan menyuarakan isu kesetaraan menuntut hak-hak mereka dengan atas nama kesetaraan di bawah naungan gender menuntut kesetaraan antara lelaki dan wanita dalam segala bidang.

Dalam kalangan ulama pesantren terdapat perbezaan dalam memberi pandangan terhadap isu gender. Pertama, menerima sepenuhnya isu gender dan menganggap perjuangan gender sebagai suatu perjuangan yang baik. Kedua, membahas isu gender namun tidak menerima sepenuhnya isu ini dengan alasan bahawa isu gender datangnya dari barat yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Ketiga menganggap isu ini tiada kepentingan untuk dibahaskan kerana gender dari barat dan untuk barat tidak ada kaitan dengan Islam. Para ulama pesantren mengambil beberapa langkah (*manhaj*) bagi menangani permasalahan dalam isu gender. Pertama, kembali kepada asas Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang berpandu kepada ulama salaf salih. Kedua, mengukuhkan aqidah tauhid dengan dasar iman yang sempurna dan ketiga, kembali meneliti sejarah Islam.

BAB TIGA: SEJARAH PONDOK PESANTREN MUSTHAFAWIYAH PURBA BARU

3.1 Pengenalan

Istilah pondok berasal dari Bahasa Arab iaitu *funduq* yang bermaksud asrama atau hotel. Pondok boleh juga memberi maksut sebagai tempat tinggal yang dibuat dari buluh,⁸⁴ dan pondok bambu inilah pada asalnya yang dipakai di pesantren sebagai tempat tinggal.

Perkataan pesantren berasal dari kata santri, yang dengan awalan *pe* dan akhiran *an* yang bermaksud tempat tinggal para santri.⁸⁵ Menurut Prof. Johns pula istilah santri berasal dari bahasa Tamil yang bermaksud guru mengaji.⁸⁶

Pondok pesantren di Indonesia adalah kelanjutan dari pendidikan Islam yang diadakan di masjid, surau, dan rumah-rumah. Guru yang pada mulanya mengajarkan tilawah al-Qur'an, kemudian ditingkatkan dengan pengajian kitab-kitab Arab yang menggunakan sistem *halaqah*. Tradisi pesantren adalah sistem pendidikan yang tumbuh sejak awal kedatangan Islam di Indonesia, yang dalam perjalanan sejarahnya telah menjadi objek penelitian para sarjana yang mempelajari Islam di wilayah ini, iaitu sejak Brumund menulis sebuah buku tentang sistem pendidikan di Jawa pada tahun 1857.⁸⁷

⁸⁴ Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren* (Jakarta Barat : Penerbit LP3ES, 2011), 41.

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ J.F.B Brumund, *Het Volkssenderwijs order de javanan* (Batavia, 1957).

Menurut kebiasaannya pesantren didirikan oleh seorang atau beberapa orang yang berkeinginan menyebarkan ajaran Islam di suatu kampung, yang penduduknya belum memeluk agama Islam atau belum sepenuhnya menjalankan syariat Islam.⁸⁸

Pesantren Musthofawiyah juga adalah merupakan lanjutan dari pengajian kitab bercorak *halaqah*. Pesantren Musthofawiyah memiliki keistimewaan tersendiri di masyarakat Mandailing, umumnya di Sumatera Utara. Peranannya dalam bidang pendidikan dan kefahaman Islam menempatkan institusi ini di tempat teratas di antara pesantren-pesantren yang berada di Sumatera Indonesia.

3.2 Sejarah Pembinaan Pesantren Musthofawiyah

Pesantren yang pertama kali ditubuhkan di Indonesia adalah pesantren Syeikh Maulana Malik Ibrahim di Jawa pada tahun 1399M yang bertujuan bagi penyebaran agama Islam.⁸⁹ Begitu juga dengan Pesantren Musthofawiyah yang merupakan pesantren tertua di Sumatera Utara, yang pada mulanya dengan menggunakan pengajian kitab bercorak *halaqah* yang dipimpin oleh pendirinya iaitu Syeikh Musthafa Husein Nasution sejak tahun 1912M di Tano Bato, Kayu Laut, Kecamatan Panyabungan Selatan, Mandailing Natal Sumatera Utara.⁹⁰

Pengajian ini diadakan pada Isnin malam, kemudian dalam masa yang singkat nama beliau telah dikenali penduduk di sekitar Tano Bato seperti Pagaran Tonga, Hutanamale, Maga, Roburan, Lumban Dolok, dan Purba Julu. Oleh itu pengajian yang hanya dilaksanakan sekali dalam seminggu terpaksa diperluaskan dengan memberi peluang kepada ibu-ibu, anak-anak muda, anak-anak dara dan kanak-kanak. Kaum bapa

⁸⁸ Sukanto, *Kepemimpinan Kiai Dalam Pesantren* (Jakarta : LP3S, 1999), 41.

⁸⁹ Ronald Lukens- Bull, *A Peaceful Jihad: Negotiating Identity and modernity in Muslim Java* (New York:Polgrave Macmillan, 2005),48.

⁹⁰ Abbas Pulungan, *Kuria Mandailing Dan Peranannya Dalam Perkembangan Islam Kuria Huta Siantar* (Medan : IAIN Suamatera Utara 1988), 5.

mengambil tempat di masjid pada malam hari, sementara kaum ibu mengambil tempat di rumah orang tua Syeikh Musthafa Husein pada setiap Isnin malam.⁹¹

Pengajian yang dikelola Syeikh Musthafa Husein di Tano Bato hanya berlangsung selama 3 tahun kerana pada tahun 1915 Tano Bato dilanda banjir yang menyebabkan Syeikh Musthafa Husein bersama-sama keluarga dan sebahagian muridnya meninggalkan Tano Bato menuju Purba Baru, Kecamatan Lembah Sorik Marapi, Kabupaten MADINA, tempat asal ayahnya. Perpindahan beliau ke Purba Baru selari dengan keinginan kaum kerabat beliau dan keinginan ketua kampung Purba Baru yang mengharapkan perpindahan itu akan dapat merubah keadaan masyarakat Purba Baru ke arah yang lebih baik. ⁹²

Setelah Syeikh Musthafa Husein menetap di Purba Baru, beliau melanjutkan pengajian di Masjid yang dibangunkannya bersama-sama masyarakat setempat. Masjid ini dibangunkan di pinggir sungai Singolot yang jaraknya sekitar 100 meter dari rumah beliau menuju arah ke pusat bandar iaitu Panyabungan. Sistem pendidikan yang dilaksanakan di Purba Baru tidak berbeza dengan sistem pendidikan yang diterapkan di Tano Bato, iaitu sistem *halaqah* yang diadakan pada waktu pagi selepas solat Subuh dan Asar, kemudian pada malam harinya diadakan selepas solat Maghrib sampai menjelang waktu Isyak. Dengan berkat keikhlasan Syeikh Musthafa Husein dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, pengajian ini berlangsung dengan baik.

Kampung Purba Baru ternyata tempat penghijrahan yang baik bagi Syeikh Musthafa Husein dan merupakan lokasi yang strategik untuk didirikan sebuah pesantren kerana Kampung Purba Baru ini terletak di jalan lintas Sumatera yang menghubungkan bandar-bandar besar di Sumatera; menghubungkan bandar Medan dengan Padang, Pekan Baru, Jambi, Palembang, Bengkulu, dan Tanjung Karang. Selain kedudukannya

⁹¹ *Ibid.*

⁹² H.Musthafa Bakri Nasution (Pimpinan pondok Pesantren) dalam temu bual dengan pengkaji di Pesantren Musthofawiyah Purba-Baru pada 20 April 2013

yang strategik, alamnya yang nyaman dan sejuk, suasannya yang jauh daripada kebisingan dan pengaruh bandar, serta sungai Singolot yang mengalir di sepanjang pondok-pondok para santri, semuanya memberi kemudahan kepada para santri dan memberi dorongan kepada mereka untuk belajar dengan rajin dan tekun.

Aktiviti pengajaran yang dilaksanakan Syeikh Musthafa Husein di Purba Baru semakin dikenal masyarakat. Sekalipun pada mulanya murid-murid yang mengikuti pendidikan dengan Syeikh Musthafa Husein hanya berasal dari daerah Mandailing dan Tapanuli Selatan, namun perkembangan selanjutnya murid-murid beliau datang dari pelbagai daerah Sumatera Utara. Nama pesantren Musthofawiyah semakin harum di kalangan masyarakat pulau Sumatera dan penduduk Propinsi Aceh, Propinsi Sumatera Barat, Propinsi Riau, Propinsi Jambi, Propinsi Sumatera Selatan, Propinsi Lampung, dan Propinsi Bengkulu turut menghantar anak-anak mereka untuk belajar di Pesantren Musthofawiyah. Selain penduduk pulau Sumatera, penduduk pulau Jawa juga ada yang belajar di pesantren Musthofawiyah, bahkan suatu ketika terdapat santri Pesantren Musthofawiyah yang datang dari luar negara seperti Malaysia.⁹³

3.2.1 Jumlah Santri

Semasa Syeikh Musthafa Husein berhijrah ke Purba Baru pada tahun 1915 jumlah murid yang turut berpindah bersama-sama beliau hanya 20 orang sahaja. Kemudian pada tahun berikutnya 1916 jumlah murid beliau telah mencapai 60 orang. Sejak tahun itulah murid-murid beliau mula mendirikan pondok-pondok kecil sebagai tempat tinggal mereka di sekitar Masjid, tempat mereka belajar.⁹⁴

Suasana kegiatan belajar dengan pola pendidikan pesantren yang sederhana di Masjid berjalan secara berterusan hingga tahun 1926. Kemudian setelah itu jumlah

⁹³ Ibid

⁹⁴ Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan, *Pesantren Musthofawiyah Purba Baru Kecamatan Kotanopan Kabupaten Tapanuli Selatan* (Padang Sidempuan : Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan Padang Sidimpuan, 1985), 13.

santri semakin meningkat, dimana pada tahun 1926 santri di pesantren Musthofawiyah berjumlah kira-kira 250 orang, pada tahun 1930 berjumlah 500 orang, dan pada akhir penjajahan Belanda di Indonesia mencapai 850 orang. Walau bagaimanapun jumlah santri mengalami kemerosotan pada zaman penjajahan Jepun ekoran dari kekerasan yang diperlakukan Jepun terhadap rakyat Indonesia. Maka santri yang pada akhir penjajahan Belanda berjumlah 850 orang menurun kepada 200 orang.⁹⁵

Kemudian setelah Indonesia berhasil mengusir penjajah dari bumi Indonesia dan Indonesia mencapai kemerdekaan pada tahun 1945, peluang belajar bagi masyarakat semakin meluas. Perubahan itu memberi kesan kepada perkembangan santri di pesantren Musthofawiyah. Pada tahun 1985 jumlah santri telah mencapai 4.150 orang (2,428 santri lelaki, 1,720 santri perempuan) pada tahun 1990 berjumlah 7, 696 orang dan pada tahun 1995 berjumlah 7,239 orang.⁹⁶

Namun begitu pada tahun 1995, prestasi Pesantren Musthofawiyah terjejas ekoran pemimpin tertinggi Pesantren Musthofawiyah Hj.Abdullah Musthafa Nasution, putera kepada pengasasnya Syeikh Musthafa Husein meninggal dunia. Kepulangan beliau ke rahmatullah memberi kesan buruk kepada Pesantren Musthofawiyah yang berpunca daripada perebutan kuasa di antara saudara kandungnya, Abdul Cholik Musthafa Nasution, anak-anak dan isterinya. Pertelingkahan itu mengakibatkan ramai santri yang meninggalkan Pesantren Musthofawiyah dan berpindah ke pesantren-pesantren lain. Santri yang berjumlah 7, 239 orang pada tahun 1955 menurun kepada 4, 660 orang hingga ke tahun 1999 dan juga tenaga pendidik yang berjumlah 176 orang menurun kepada 158 orang.⁹⁷

⁹⁵ H.Musthafa Bakri Nasution (Pimpinan Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji di pesantren Musthofawiyah Purba-Baru, pada 3 April 2013

⁹⁶ Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan. *Pesantren Musthofawiyah Purba Baru*, 15.

⁹⁷ KH.Ardabili Batubara, (Guru Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji, di pesantren Musthofawiyah Purba-Baru pada 8 April 2013

Walau bagaimanapun krisis kepimpinan yang melanda Pesantren Musthofawiyah dapat diatasi dan diselesaikan pada 17 November 1998 dengan cara damai yang disaksikan oleh Majelis Ulama Propinsi Sumatera Utara, Drs.H.Abdul Cholik Musthafa Nasution, putera Syeikh Musthafa Husein pengasas Pesantren Musthofawiyah dilantik sebagai pimpinan tertinggi di Pesantren Musthofawiyah. Berhubung pernyataan Islah telah dibuat, maka keyakinan dan kepercayaan masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka di Pesantren Musthofawiyah sebagai institusi pendidikan yang terunggul di Sumatera Utara dapat dikembalikan. Hal ini dapat dibuktikan dengan kemasukan santri yang tidak kurang ramainya. Sebagai contoh, pada sesi 2002-2003 santri yang mendaftar di Pesantren Musthofawiyah sekitar 2000 orang. Maka santri yang berjumlah 4, 660 pada tahun 1999 telah meningkat menjadi 7, 265 orang pada sesi 2002-2003.⁹⁸

3.2.2 Infrastruktur

Perkembangan infrastruktur pendidikan di Pesantren Musthofawiyah seiring dengan meningkatnya jumlah santri. Masjid yang pada mulanya dijadikan sebagai tempat belajar tidak lagi memadai untuk menampung para santri yang setiap tahun bertambah ramai. Maka pada tahun 1927 Syeikh Musthafa Husein membina sebuah gedung sekolah berdekatan dengan rumah beliau. Sejak gedung itu digunakan sebagai tempat belajar, sistem pendidikan formal bercorak madrasah mula diterapkan di Pesantren Musthofawiyah sebagai menggantikan sistem tidak formal bercorak *halaqah*. Maka para santri yang sebelumnya duduk belajar di atas lantai telah mula menggunakan meja, kerusi, papan tulis dan lain-lain. Kemudian pada tahun 1930 Syeikh Musthafa Husein

⁹⁸ Pesantren Musthofawiyah. *Data Santri dan Tenaga Pengajar Tahun Pelajaran 1423-1424/2002-2003* (Pesantren Mustahfawiyah Purba- Baru 2002).

mendirikan lagi bangunan sekolah untuk menampung murid-murid yang terus bertambah. Bangunan yang terdiri daripada 6 kelas selesai dibina pada tahun 1933.⁹⁹

Perlu diketahui bahawa sejak awal berdirinya Pesantren Musthofawiyah hingga akhir tahun 1950-an Pesantren Musthofawiyah hanya melaksanakan pendidikan khusus untuk santri lelaki sahaja. Penerimaan santri perempuan di pesantren ini bermula pada tahun 1959, iaitu pada masa kepimpinan Pesantren dipegang oleh Hj.Abdullah Musthafa Nasution. Kelewatan dalam penerimaan santri wanita ini bukan disebabkan faktor yang bersifat diskriminatif, tetapi disebabkan situasi sebelum tahun 1959 itu belum menyediakan asrama khusus yang dapat menampung santri-santri perempuan. Pada tahun pertama dibuka penerimaan santri perempuan, santri yang mendaftar hanya seramai 3 orang. Pada tahun kedua 1960 jumlah santri puteri yang mendaftar bertambah menjadi 11 orang. Dalam perkembangan terkini sesi 2013-2014 jumlah pelajar mencapai 9179 orang. Pelajar perempuan sebanyak 3673 dan pelajar lelaki seramai 5506 orang.¹⁰⁰

Pesantren Musthofawiyah pada masa awal terbinanya hanya diasuh oleh Syeikh Musthafa Husein dan dibantu oleh seorang muridnya semasa di Makkah yang bernama Muhammad Nasir. Setelah tahun 1926, jumlah santri semakin bertambah ramai dan sistem pembelajaran telah diubah kepada sistem madrasah yang menerapkan sistem klasikal, maka Syeikh Musthafa Husein mengambil tenaga-tenaga pengajar yang umumnya berkelulusan Timur Tengah. Namun memandangkan pelajar yang semakin ramai maka Hj. Musthafa Bakri Nasution sebagai pimpinan pesantren sekarang mengambil langkah untuk mengambil guru-guru yang berkelulusan Pesantren Musthofawiyah, juga alumni Pesantren Musthofawiyah yang melanjutkan pelajaran ke perguruan tinggi seperti IAIN Sumatera Utara (Medan), IAIN Imam Bonjol Sumatera

⁹⁹ Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan, *Pesantren Musthofawiyah*, 18-23.

¹⁰⁰ H.Musthafa Bakri Nasution (Pimpinan Pesantren Musthofawiyah), dalam temu bual dengan pengkaji, pada 5 April 2013

Barat (Padang), IAIN Syarif Hidayatullah (Jakarta), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Padang Sidempuan, Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP) (Padangsidempuan), IKIP Bengkulu, Universiti Muhammadiyah Tapanuli Selatan (UMTS), (Padangsidempuan), universiti di Malaysia, dan universiti di Timur Tengah.¹⁰¹

3.3 Pengasas dan Latar Belakang Pendidikan

Syeikh Musthafa Husein Nasution lahir pada tahun 1886 M / 1303 H di pasar Tano Bato, Kayu Laut Kecamatan Panyabungan Selatan, Kabupaten Mandailing Natal, dari keluarga peniaga yang taat dan pencinta agama. Beliau adalah anak ketiga dari lapan orang bersaudara, iaitu tujuh lelaki dan seorang perempuan. Mereka yang pertama ialah Nuruddin, menetap dan meninggal di Malaysia, yang kedua Amida, berkahwin dan meninggal di Panyabungan, yang ketiga Muhammad Yatim (Musthafa Husein), pengasas Pesantren Musthofawiyah, yang keempat Siddik (Mangkuto Saleh), menetap dan meninggal di Kayu Laut, yang kelima Saleh menetap dan meninggal di Medan, yang keenam Mardin (Haji Umaruddin) menetap dan meninggal di Makah, yang ketujuh Harun, menetap dan meninggal di Pekalongan, Jawa Tengah, dan yang lapan Abdul Gani, hanyut dan meninggal ketika pasar Tano Bato dilanda banjir tahun 1915.¹⁰²

Sewaktu kecil Syeikh Musthafa Husein bernama Muhammad Yatim, kemudian sewaktu beliau belajar di Makkah, salah seorang gurunya menukar namanya dengan Musthafa Husein (orang yang terpilih), kerana kecerdasan dan prestasinya yang baik dan cemerlang. Dari nama inilah terjadinya nama Pesantren Musthofawiyah.

Syeikh Musthafa Husein, berkahwin dengan Habibah yang berasal dari kampung Huta Pungkut, Kecamatan Kotanopan. Keduanya dikurniakan sembilan orang

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² Abd. Djamil Mohd & Abdullah Syah. *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara Medan.* (Majlis Ulama Sumatera Utara ,1983), 167.

anak ; dua lelaki dan tujuh perempuan, mereka itu ialah : Siti Aisyah, Ramlah, Abdullah, Sa'diyah, Ansah, Azizah, Fatimah, Abdul Cholik dan Faridah.¹⁰³

Sewaktu Syeikh Musthafa Husein berumur 7 tahun, beliau dimasukkan oleh ayahnya belajar di sekolah kerajaan di Kayu Laut. Beliau belajar di sekolah itu sehingga tamat darjah 5. Oleh kerana beliau murid yang paling cerdas di antara rakan-rakannya, salah seorang gurunya memberi cadangan supaya pengajian beliau dilanjutkan ke sekolah guru di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, tetapi ayahnya yang taat beragama menghendaki agar pendidikan anaknya dilanjutkan sekolah agama. Oleh itu, ayahnya menghantarnya ke Huta Pungkut, Kecamatan Kotanopan belajar agama kepada seorang ulama berkelulusan Makkah yang merupakan ulama terkemuka pada ketika itu di Mandailing, iaitu Syeikh Abdul Hamid Lubis.¹⁰⁴

Syeikh Musthafa Husein belajar daripada Syeikh Abdul Hamid di Huta Pungkut selama dua tahun, kemudian Syeikh Abdul Ahmid menyarankan supaya beliau berangkat ke Makkah untuk mendalami ilmu pengetahuan agama. Cadangan gurunya itu selain dengan pengetahuan ayahnya yang menginginkan anaknya menjadi seorang yang alim dan arif dalam bidang agama. Maka pada tahun 1900 Syeikh Musthafa Husein berangkat ke Makkah bersama-sama rombongan haji yang hendak menuaikan ibadah haji pada tahun itu. Kos keberangkatannya dibiayai sepenuhnya oleh ayahnya.¹⁰⁵

Syeikh Musthafa Husein belajar di Masjid al-Haram kepada para ulama terkemuka pada masa itu Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili, Syeikh ‘Ali Al-Maliki, Syeikh Sumbawa, Syeikh Umar Bajuneid, Syeikh Ahmad Khatib, Syeikh Abdul Al-Rahman, Syeikh Umar Sato, Syeikh Muhammad Amin Madina dan Syeikh Mukhtar Bagan. Para ulama inilah yang mengajar dan mendidik Syeikh Musthafa Husein di Masjid al-Haram selama tujuh tahun. Maka dengan kecerdasan dan kepakaran beliau

¹⁰³ KH.Syafi'i Daulay (guru senior Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 20 April 2013

¹⁰⁴ Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan, *Pesantren Musthofawiyah Purba Baru*,4-5.

¹⁰⁵ *Ibid.*

dalam ilmu fiqh, beliau diperkenankan oleh guru-gurunya untuk mengajar di Masjid al-Haram. Beliau mengajar di Masjid al-Haram selama lima tahun, kemudian mendapat panggilan dari kaum kerabatnya untuk pulang ke tanah air, kerana ayah beliau telah kembali ke Rahmatullah.¹⁰⁶

Selain daripada kepakaran Syeikh Musthafa Husein dalam bidang ilmu fiqh, beliau juga menguasai Ilmu Nahu, Saraf, Balaghah, Tafsir, Ulum al- Qur’ān, akidah dan sebagainya. Kemudian setelah beliau pulang ke tanah air, beliau tidak lupa belajar sejarah, ilmu politik, pertanian, ekonomi, kesihatan dan lain-lain. Kesungguhan beliau untuk mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan dapat dilihat dari sikap beliau yang sentiasa mencatatkan peristiwa-peristiwa penting seperti mencatatkan harga bahan-bahan pokok, kedatangan tentera (Paderi) yang diketuai Tuanku Rao ke Mandailing. Kedatangan Belanda ke Mandailing, kekalahan Belanda kepada Jepun, kekalahan Belanda kepada Jerman dan kekalahan Jepun kepada Amerika.¹⁰⁷

Meskipun Syeikh Musthafa Husein tidak meninggalkan karya tulisan, namun namanya tetap diagungkan dan digolongkan kepada para ulama terkemuka di Sumatera Utara. Hal ini dapat dilihat di dalam buku “Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara” yang namanya diletak pada turutan teratas, ini kerana sumbangannya yang sangat besar kepada masyarakat dan idea-ideanya yang sangat berpengaruh dan bererti bagi pembinaan dan perkembangan intelektual Muslim di Sumatera Utara.

Semenjak Syeikh Musthafa Husein pulang dari tanah suci Makkah, beliau banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bidang agama, sosial dan politik. Pada mulanya beliau bergerak dalam bidang keagamaan dengan membentuk pengajian-pengajian bersifat *halaqah* di masjid-masjid, dan surau di sekitar tempat kelahirannya Tano Bato. Kemudian usaha beliau semakin disambut baik oleh masyarakat dan murid-muridnya semakin bertambah ramai. Tetapi usaha itu hanya

¹⁰⁶ Abd Djalil Mohd & Abdullah Syah, *Majlis Ulama-ulama*, 167-168.

¹⁰⁷ Abbas Pulungan, *Kuria Mandaling Dan Peranannya Dalam Perkembangan Islam*, 3.

berlangsung tiga tahun, kerana kampung Tano Bato dilanda banjir yang menyebabkan penduduknya meninggalkan kampung itu.¹⁰⁸

Banjir yang menimpa Tano Bato merupakan lembaran baru bagi Syeikh Musthafa Husein, yang mana beliau dan keluarganya serta sebahagian murid-muridnya berpindah ke Purba Baru Kecamatan Lembah Sorik Marapi, sekitar 3 kilometer ke arah Timur. Di Purba Baru, beliau memulakan khidmatnya dengan menyebarkan ajaran Islam menerusi *halaqah dīniyyah*, kemudian mendirikan sebuah pesantren sebagai kelanjutan proses pendidikan yang dimulakannya di Tano Bato. Pesantren yang didirikannya di Purba Baru dikenali dengan nama Pesantren Musthafawiyah.¹⁰⁹

Perpindahan Syeikh Musthafa Husein ke Purba Baru pada 28 November 1915 merupakan hari bersejarah bagi Pesantren Musthafawiyah, kerana tarikh itulah dijadikan hari terbinanya pesantren terbesar di Sumatera Utara.

Selain daripada kegiatan Syeikh Musthafa Husein dalam menperluaskan ajaran Islam menerusi pengajian bercorak *halaqah* dan pendidikan formal bercorak madrasah, banyak lagi kegiatan-kegiatan beliau, sama ada dalam bidang pendidikan mahupun dalam bidang sosial dan politik. Di antaranya:

1. Menubuhkan cawangan organisasi Nahdatul Ulama (NU) di Tapanuli Selatan
2. Menubuhkan organisasi Al-Ittihadiyatul Islamiyah (A.I.I) Di Purba Baru. Organisasi ini bergiat dan berusaha untuk menyatukan kurikulum sekolah-sekolah agama di Mandailing, Sipirok, Angkola, dan Padang Lawas.
3. Mengetuai organisasi syarikat Islam cawangan Tano Bato pada tahun 1915.
4. Mengetuai majlis Syarie organisasi Persatuan Muslim Tapanuli di Padang Sidempuan Tahun 1930.
5. Penasihat Majlis Islam Tinggi Sumatera (M.I.T) pada tahun 1945

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ Departemen Penerangan Tapanuli Selatan, *Pesantren Musthafawiyah Purba Baru*, 6.

6. Penasihat Majlis Syura Muslimin Indonesia (MASUMI) cawangan Sumatera Utara, iaitu setelah M.I.T. diubah menjadi Partai Politik.
7. Anggota Syuriah (Majlis Tertinggi) NU Pusat, iaitu setelah NU menarik diri dari parti MASUMI tahun 1952.

Pada tahun 1955 beliau dipilih sebagai anggota parlimen mewakili parti NU, tetapi sebelum perlantikan dilaksanakan, beliau telah terlebih dahulu kembali ke rahmatullah.¹¹⁰ Seterusnya Syeikh Musthafa Husein sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan kejadian-kejadian yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan kejadian yang berlaku, beliau sentiasa mengeluarkan fatwa mengenainya. Di antara fatwa beliau bersama-sama Syeikh Muhammad Ja'far Abdul Qadir Al-Mandili dan Tuan Haji Fakhruddin 'Arif ialah :“*Setiap Muslim yang mukallaf diwajibkan mempertahankan kemerdekaan dari pada serangan musuh*”. Fatwa ini disampaikan kepada pejabat urusan agama Kabupaten dan Panyabungan.¹¹¹

Kemudian pada 5 November 1955, Syeikh Musthafa Husein memberitahu ahli keluarganya bahawa beliau mengidap penyakit darah tinggi dan kencing manis. Mendengar kenyataan beliau itu, kaum kerabatnya membawa beliau ke Padang Sidempuan untuk berubat. Namun takdir Tuhan telah menentukan, setelah sekitar seminggu lamanya di Padang Sidempuan, beliau menghembuskan nafas yang terakhir dan berpulang ke rahmatullah pada hari Rabu, 16 November 1955 M bersamaan 1 Rabiul Awal 1375 H dalam usia 70 tahun.¹¹²

Kemudian pada keesokan harinya, hari Khamis, jenazah beliau dibawa ke Purba Baru dengan diiringi berpuluh-puluh kereta dan dinantikan masyarakat di sepanjang jalan antara Padang Sidempuan dengan Purba Baru yang jaraknya sekitar 80

¹¹⁰ Abdul Jalil& Abdullah Syah, *Sejarah Ulama-ulama*, 173-174.

¹¹¹ *Ibid.*, 173.

¹¹² *Ibid.*

kilometer. Seterusnya Kampung Purba Baru penuh dengan ribuan manusia yang datang dari pelbagai daerah dan pelosok sebagai tanda turut berduakacita atas pemergian beliau juga sebagai penghormatan terakhir kepada guru yang tercinta.¹¹³

3.4 Sistem Pembelajaran dan Kitab-Kitab Pembelajaran

Pesantren Musthofawiyah yang merupakan institusi pendidikan Islam yang bersifat khusus, yakni institusi pendidikan yang berperanan melahirkan mubaligh dan calon ulama. Oleh kerana itu, Syeikh Musthafa Husein ketika menyusun kurikulumnya hanya memfokuskan pada aspek-aspek ajaran Islam dan yang berkaitan langsung dengannya, seperti al-Qur'an, Tafsir, Tajwid, Akidah, Fiqh, Usul al-Fiqh, Akhlak (Tasawuf), Bahasa Arab, Nahu, Saraf, Balaghah, Hadis, Mustalah Hadis, Qawa'id Fiqh, 'Arud, Tarikh Islam, Mahfuzat.

Dalam tradisi Pesantren, kitab-kitab yang dijadikan sebagai kurikulum pondok dikenali dengan istilah kitab kuning atau kitab gundul. Meskipun pemahaman terhadap istilah demikian cukup popular dalam kalangan para pelajar pesantren, namun bukan bererti setiap pelajar yang masuk ke Pesantren Musthofawiyah terus diajarkan kitab kuning. Kitab-kitab kuning yang dijadikan sebagai kurikulum pondok Pesantren Musthofawiyah bermula pada tingkat III. Adapun pada tingkatan I dan II Pesantren Musthofawiyah hanya mengajarkan sebahagian subjek ringan dengan menggunakan kitab-kitab Arab moden yang umumnya ditulis oleh ulama-ulama Indonesia dan sebahagiannya ditulis oleh ulama Timur Tengah. Penyederhanaan kurikulum tingkatan I dan II ini merupakan kebijaksanaan pemimpin pesantren yang bertujuan untuk memberikan dasar pengetahuan kepada santri secara berperingkat supaya dapat

¹¹³ *Ibid.*

melangkah kepada pemahaman yang baik iaitu dapat memahami kandungan kitab kuning yang akan dipelajari pada tingkatan III.¹¹⁴

Sebagai institusi pendidikan yang berciri khas tradisional, kurikulum pondok yang digunakan Pesantren Musthafawiyah sehingga kini merupakan warisan secara turun temurun dari Syeikh Musthafa Husein, pengasas Pesantren Musthafawiyah. Kitab-kitab kuning dan beberapa kitab modern berbahasa Arab yang diajarkan di pesantren ini disebut sebagai kurikulum pondok. Ia mencakupi pelajaran berikut : Akidah, Akhlak (Tasawuf), Fikah, Usul Fiqh, Qawa'id Fiqh, Tarikh, Tajwid al-Qur'an, Nahu, Saraf, Bahasa Arab, Balaghah, Ilmu Bayan, Hadis, Mustalah Hadis, Tafsir al-Qur'an, Ilmu Tafsir, Falaq, 'Arud, Mantik, dan Fara'id, ditambah dengan Imlak, Khat, al-Qur'an dan keterampilan agama. Bagi memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai kurikulum Pondok Pesantren Musthafawiyah, berikut ini disenaraikan nama-nama kitab yang digunakan di Pesantren Musthafawiyah.

¹¹⁴ H.Musthafa Bakri Nasution (Pimpinan Pesantren Musthafawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji, pada 5 April 2013

Jadual 2: Nama-Nama Kitab Yang Digunakan di Pesantren Musthofawiyah

Nama Subjek	Nama Kitab & Pengarang	Tingkatan Pengajian
Akidah	<p>1. Durūs al-‘Aqā’id al-Diniyyah. Oleh: Abd al-Rahmān ibn Saqāf ibn Ḥusain al-Saqāf</p> <p>2. Fatḥ al-Majīd Oleh: Syaikh Muḥammad Nawāwī ibn ‘Umar.</p> <p>3. Sharḥ Kifāyah al-‘awām. Oleh: Syaikh Ibrāhīm al-Bajūrī.</p> <p>4. Al-Ḥusūn al-Hamīdiyyah. Oleh: Ḥusain ibn Muhammad. Al-Tarābulusī.</p> <p>5. Ḥāshiyat al-Dusūqī ‘alā umm al Barāhīn. Oleh: Syaikh Muḥammad al-Dusūqī</p>	<p>I & II</p> <p>III</p> <p>IV</p> <p>V, VI & VII</p>

Fiqh	<p>1. al-Durūs al-Fiqhiyyah. Oleh: Abd al-Rahmān Ibn Saqāf ibn Ḥusain al-Saqāf</p> <p>2. Fath al-Qarīb al-majīd. Oleh: Abū Shujā' Aḥmad ibn al-Ḥusain.</p> <p>3. ḥāsyiyat al-Bājūrī Oleh : Syaikh Ibrāhīm al-Bājūrī</p> <p>4. al-Sharqāwī 'ala al-taḥrīr. Oleh: Syaikh a-Sharqāwī</p>	I II III & IV V,VI & VII
Nahu	<p>1. Matn al-Ajurūmiyyah. Oleh: Imām al-Sanhājī</p> <p>2. Sharḥ Mukhtaṣar Jiddan 'alā matn al-Jurūmiyyah. Oleh: Ahmad Zaini Dahlan</p> <p>3. al-Kawākib al-Durriyyah. Oleh: Syaikh Muhammad ibn Abī Bakr al- Suyūṭī</p> <p>4. Hāshiyyat al-Khudūrī alā Sharḥ ibn Aqīl. Oleh: Bahā' al-Dīn Abd Allāh 'Aqīl</p>	I II III & IV V,VI& VII

Saraf	<p>1. Amthilah Jadīdah fi al-taṣrīf.</p> <p>Karya Rustam al-Ḥalabī Matn al-Binā wa al-asās.</p> <p>Oleh : Malā Abdullāh al-Danqazī</p> <p>2. Sharḥ al-Kaylānī</p> <p>Oleh : Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Hishām al-Kaylānī</p> <p>3. Majmū’ al-Ṣarf.</p> <p>Oleh: Karya : Sahaib al-Rahmah</p>	I II III & IV
Usul al-Fiqh	<p>1. Ḥāshiyyat al-Dimyātī ‘alā Sharḥ al-Waraqāt.</p> <p>Oleh: Syeikh Aḥmad Ibn Muḥammad al-Dimyātī</p> <p>2. Laṭāif al-Ishārah.</p> <p>Oleh: Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad Alī.</p> <p>3. Al-Luma Fi Uṣūl al-Fiqh.</p> <p>Oleh : Abu Ishaq Ibrāhīm Ibn Ali ibn Yūsuf al-Shīrazī al-Shāfi’ī</p>	I II III,IV,V, VI, & VII

Tafsir	<p>1. Terjemahan Juz Amma Arab-Latin. Oleh: Dewan Pendidikan dan Penelitian Islam Jakarta.</p> <p>2. Terjemahan Juz amma. Oleh: Samsuri.M.</p> <p>3. Tafsir al- Jalalain & al-Şāwī Oleh: Jalāl al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad al Maḥallī & Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr al-Suyūṭī.</p>	I II III, IV, V, VI & VII
Hadis	<p>1. Matn al-‘arba’īn al-Nawāwiyyah Oleh: Imam al-Nawāwī.</p> <p>2. Al-Mawā’iz al-‘Usfūriyyah. Oleh: Syaikh Muḥammad ibn Abi Bakr al-Usfūrī</p> <p>3. Ḥāshiyyat ‘alā Mukhtaṣar ibn Abi Jamrah Li al-Bukhārī Oleh: Muḥammad ibn Alī al-Shāfi’ī al-Sharwānī</p> <p>4. Subul al-Salām. Oleh: Muḥammad ibn Ismaīl al-Kahlānī</p>	II III IV V, VI & VII

Bahasa Arab	<p>1. Lughat al-Takhātub al-Musawwarah. Oleh: Umar Abd al-Jabbār.</p> <p>2. Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah. Oleh Hidayat H.D.</p>	I II
Balaghah	<p>1. Sharḥ Muḥammad Ṣāwī fi 'Ilm al-Bayān. Oleh: Aḥmad ibn Muḥammad al-Ṣāwī</p> <p>2. Sharḥ al-Jawāhīr al-Maknūn. Oleh: Abd al-Rahmān ibn Muḥammad</p>	IV V,VI& VII
Mustalah Hadis	<p>1. Minhāt al-mughīth Fi Muṣṭalaḥ al-Ḥadīs. Oleh: Hafiz Hasan al- Mas'ūdī</p> <p>2. Ṭal‘at al-Anwār. Oleh: Abu Abdullah Habībullah</p>	V VI & VII

Tarikh	<p>1. Khulāṣah Nūr al-Yaqīn. Oleh: Umar Abd al-Jabbār.</p> <p>2. Durūs al-Tārikh al-Islāmiyyah. Oleh: Syaikh Mahy al-Dīn al-Khayyāt</p> <p>3. Nūr al-Yaqīn fī shirāṭ Sayyid al-Mursalīn. Oleh: Muḥammad Khuḍarī Bik.</p>	I & II III, IV & V VI
Akh�ak	<p>1. Pelajaran akhlak. Oleh: Adnan Yahya Lubis.</p> <p>2. Waṣāya al-Abā' Lil-Abnā'. Oleh: Muhammad Shakir.</p> <p>3. Sharḥ Ta'līm al-Muta'allim. Oleh: Aḥmad Ibrāhīm ibn Ismā'īl.</p>	I II & III IV
Qawaid Fiqh	<p>1. Al-Ashbāh Wa al-Nazā'ir. Oleh: Jalāl al-Dīn ibn Abd al-Rahmān ibn Abī Bakr al-Suyūṭī.</p>	V, VI & VII

Mantiq	1. <i>Idāh al-mubham min ma'ānī al-sullam.</i> Oleh: Syaikh Ahmad al-Damanhūrī.	V, VI & VII
Tasawuf	1. <i>Minhāj al-'Ābidīn.</i> Oleh: Abū Ḥamid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazalī.	V, VI & VII
'Arud	1. <i>Al-Mukhtaṣar al-Shāfi.</i> Oleh: Muhammad al-Damanhūrī	V
Ilmu Tafsir	1. <i>Ilm al-Tafsīr.</i> Oleh: Mawardi Muhammad.	VI
Faraid	1. <i>Tuhfat al-Saniyyah.</i> Oleh: Syaikh Ali Hasan Ahmad Addari. 2. <i>Matn al-Rahbiyyah.</i> Karya: Muhammad ibn Ali al-Rahbī.	III & IV

Ilmu Falak	1. <i>Taqrīb al-maqāsid fi al-‘Amal Bi al-Mujīb.</i> Oleh: Muhammad ibn Rub’i <i>Mukhtār al-Jāwī al-Bakūrī.</i>	VII
Tajwid	1. <i>Tajwid al-Qur’ān.</i> Oleh: Adnan Yahya Lubis 2. <i>Hidāyat al-Mustafid.</i> Oleh: Shaikh Muhammad al-Mahmūd.	I II

3.5 Kesimpulan

Pesantren Musthofawiyah merupakan sebuah institusi pendidikan yang didirikan oleh seorang ulama besar yang bernama Syeikh Musthafa Husein yang menggunakan kitab klasik (kuning gundul) sebagai kitab pembelajaran. Pada mulanya metode pembelajaran adalah dengan sistem *halaqah* duduk di atas lantai, sejurus dengan perkembangan zaman dan sambutan pelajar yang semakin ramai, maka sistem pembelajaran digantikan dengan sistem formal ala madrasah dengan menggunakan bangku, meja, papan hitam dan sebagainya menggunakan ciri khas tradisional kurikulum pondok sampailah pada hari ini. Sebagai tambahan metode pembelajaran di luar sekolah yang diterapkan di pesantren ini adalah *learning center* (pusat ilmu) yang dikenali dengan sebutan *muzakarah*. Pelajar senior akan mengajarkan ilmunya kepada pelajar junior yang diadakan di pondok pada waktu malam dan pagi.

Pesantren Musthofawiyah telahpun dikenali di berbagai daerah Sumatera Utara bahkan Indonesia, kerana pesantren ini selalu aktif dalam mana-mana pertandingan Ilmiah seperti tilawah, dakwah, seni khat, hafazan al-Qur'an dan bacaan kitab kuning (gundul) baik di peringkat sekolah, daerah sampai peringkat nasional dan kerap mendapat tempat pertama di dalam pertandingan. Selain itu para lulusan pesantren ramai yang menceburi dalam dunia politik, dakwah dan sektor pemerintahan. Pesantren ini juga kerap mendapat kunjungan pelbagai pihak dari berbagai daerah, pemerintahan, media bahkan dari luar negara seperti Arab Saudi sehingga nama pesantren Musthofawiyah sangat popular dalam kalangan masyarakat Mandailing khususnya, dan umumnya Sumatera Utara serta Indonesia.¹¹⁵

¹¹⁵ KH. Muhammad Yakub Nasution (Guru besar Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji, pada 10 April 2013

BAB EMPAT: PEMIKIRAN ULAMA PESANTREN MUSTHAFAWIYAH TERHADAP ISU GENDER

4.1 Pengenalan

Dalam memberi pandangan terhadap isu gender terdapat perbezaan pemikiran dalam kalangan sarjana-sarjana Islam sehingga timbul berbagai aliran, ada yang dianggap sebagai aliran yang lari dari kehendak syarak (liberal) dan ada pula yang dianggap sebagai aliran sederhana atau pertengahan (tradisional). Kepelbagaiannya ini turut memberi kesan terhadap penerimaan masyarakat Islam dalam memahami isu gender masih tetap saling berlainan bahkan sampai hari ini. Dalam kalangan masyarakat masih ramai yang menentang dan menolak kerana menilai isu gender sebagai isu yang merosak nilai-nilai agama.

Dalam hal ini ulama pesantren juga turut memberi pandangan dan menilai isu gender yang diperkenalkan oleh golongan feminis ini. Mereka sebenarnya tidaklah menerima semua isu ini kerana pada pandangan mereka banyak yang bertentangan dengan syariat Islam. Oleh itu kajian ini akan membahas tentang pemikiran para ulama pesantren Musthofawiyah dalam isu gender, isu yang akan dikaji dalam pemikiran mereka adalah berkenaan dengan isu politik iaitu dalam kepimpinan dan kehakiman wanita, begitu juga dalam aspek pekerjaan dan kepemilikan harta. Kajian ini akan dikaji dari sudut pemikiran dan hujah mereka dalam isu ini.

4.2 Pandangan Ulama Pesantren Dalam Isu Politik

Dalam memberi pandangan terhadap politik, KH Muhammad Yakub Lubis mengatakan bahawa isu politik dalam Islam sangat berbeza dengan politik dalam pandangan

sekularisme. Tujuan berpolitik dalam Islam bukanlah untuk meraih kekuasaan seperti yang terjadi pada hari ini sebaliknya tujuan politik adalah mengatur urusan ummat (*Ri‘āyah al-syu‘ūn al-ummah*).¹¹⁶

Beliau juga menjelaskan bahawa mengatur urusan ummat bermaksud menjamin segala permasalahan umat yang diselesaikan dengan aturan Allah. Oleh itu katanya, kemampuan berpolitik bukan hanya menjadi hak dan kewajipan para penguasa, malah seluruh umat Islam termasuk kaum wanita. Hal inilah yang terkadang tidak disedari oleh sebahagian besar umat Islam sehingga menyebabkan mereka terjebak dalam sistem demokrasi yang membawa bencana pada diri mereka sendiri. Tidak ketinggalan dengan para wanita muslimah yang menyokong demokrasi. Mereka menuntut hak untuk duduk di parlimen serta berusaha menggubal undang-undang yang dapat menguntungkan kaum wanita.¹¹⁷ KH Ardabili Batubara menambahkan bahawa kewajipan berpolitik sebenarnya merupakan sebahagian dari dakwah Islamiyah. Syariat mewajibkan semua kaum Muslim sama ada lelaki mahupun wanita untuk berdakwah mengajak kepada yang makruf dan menjauhi yang mungkar. Amar makruf nahi mungkar ini bermaksud menyeru untuk bertakwa kepada Allah dan menerapkan seluruh hukum syariatnya. Beliau berhujah berdasarkan berfirman Allah SWT:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Al-Imran 3:104

¹¹⁶ KH.Muhammad Yakub Nasution (Guru besar Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 10 April

¹¹⁷ *Ibid.*

Berdasarkan ungkapan tersebut, mereka mempunyai pandangan yang khusus dalam aspek perlantikan wanita sebagai pemimpin dan hakim.

4.2.1 Kepimpinan Wanita

1. Pandangan Ulama Pesantren

Para ulama Pesantren Musthofawiyah berpandangan bahawa salah satu perbezaan peranan antara wanita dan lelaki adalah dalam masalah kepimpinan. Mereka mengatakan, dalam syariat Islam hanya lelaki yang diberi tanggungjawab oleh Allah SWT, sedangkan wanita tidak dibebani tanggungjawab ini. Mereka menjelaskan syariat Islam telah menetapkan hak dan kewajipan wanita dan lelaki adalah berbeza. Kepimpinan yang mengandungi kekuasaan dan kepimpinan keluarga diserahkan kepada lelaki bukan kepada wanita.

Selain itu, mencari nafkah dibebankan kepada lelaki bukan kepada wanita. Jihad diwajibkan kepada lelaki, bukan kepada wanita. Batas aurat dan pewarisan juga berbeza antara lelaki dan wanita. Adanya perbezaan ini bukanlah bermaksud wanita lebih rendah daripada lelaki atau diskriminasi terhadap wanita sebagaimana tuduhan-tuduhan kaum feminis Barat dan liberalis, namun sebaliknya suatu kemuliaan dan perlindungan kepada kaum wanita itu sendiri. Kedudukan keduanya tetap sama, tidak ada yang lebih mulia kecuali ketakwaannya.¹¹⁸

Dalam hal kepimpinan wanita, sebagaimana yang telah mereka sentuh sebelum ini bahawa tidak pernah terdapat dalil-dalil yang mendorong wanita boleh jadi pemimpin

¹¹⁸ KH Ardabili Batubara, KH Mahmuddin Pasaribu, KH Abdul Rahman Batubara, KH Alwin Tanjung, KH Muhammad Yakub Nasution, KH Abdi Batubara (Guru Pesantren Musthofawiyah) Dalam temu bual dengan pengkaji pada 12 April 2013

baik dalil dalam al-Qur'an ataupun al-Sunnah. Di dalam kaedah fiqh juga lebih sesuai dengan hukum pelarangan, dikuatkan lagi dengan sejarah yang tidak pernah tercatat dalam riwayat sama ada di zaman Rasulullah, sahabat dan tabi'in bahawa wanita pernah memegang kepemimpinan, namun sebaliknya yang terdapat adalah dalil yang mendorong kepada larangan.¹¹⁹

Akan tetapi mereka berpandangan bentuk kepimpinan wanita yang dilarang di dalam Islam adalah bentuk kepimpinan wilayah yang besar (*wilayah a'zam*), jika dalam konteks kepimpinan wilayah yang kecil tidaklah sampai menjatuhkan hukum haram, seperti dalam sebuah organisasi diharuskan bagi wanita seperti ketua biro, ajk, panitia dan bentuk organisasi lainnya.

2. Hujah Ulama Pesantren

Adapun hujah para ulama pesantren dalam menolak perempuan sebagai pemimpin adalah berdasarkan dalil al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalil pertama dalam al-Qur'an.

اَلْرِجَالُ قَوْمٌ وَنَسَاءٌ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَا اَنفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ

"Kaum lelaki adalah pemimpin kepada kaum wanita, kerana Allah telah melebihkan mereka sebahagian mereka atas sebahagian yang lain, dan kerana mereka menafkahkan sebahagian kekayaan mereka.

Al-Nisa' 4: 34

¹¹⁹ KH. Abdul Rahman Batubara, KH. Mahmuddin Pasaribu (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 13 April 2013

Mereka menilai bahawa ayat al-Qur'an di atas adalah sebagai hujah yang tepat untuk menolak wanita sebagai pemimpin Negara (*wilāyah a'zam*). Dalam menafsirkan ayat di atas mereka berpandangan bahawa kepimpinan dibebankan kepada lelaki adalah disebabkan kekuatan akal lelaki dan kesempurnaan fizikalnya. Oleh sebab itu, tugas khalifah, imam solat, kewajipan jihad, azan, saksi, wali nikah, talak, rujuk, nafkah dan had empat orang jumlah isteri diberikan kepada lelaki. Pentafsiran tentang kelebihan lelaki itu adalah berdasarkan sambungan ayat (*bimā faddala Allāhu ba'dahum 'ala ba'dihim*).¹²⁰

KH Mahmudin Pasaribu lebih lanjut mengulas ayat di atas dari segi konteks Bahasa Arab bagi memperkuat hujah mereka, beliau menjelaskan jika diteliti ayat di atas dari segi bentuk kalimat iaitu pada kalimat *al-rijāl*, adalah bentuk khusus (*ma'rīfah*) tanpa ada kaitan dengan kalimat *al-Nisā'* begitu juga dalam kalimat *Qawwamūn* adalah kalimat *muzakkār* yang berbentuk umum(*nakirah*) bukan khusus (*ma'rīfah*). Kalimat *qawwamūn* dalam bahasa Arab disebut sebagai *isimul mubālaghah* yang berasal dari kalimat *qayyim* atau *qāim* yang bermaksud lebih tinggi dan kuat kedudukannya dari kalimat *qāim*. Oleh itu makna umum kalimat *qawwamūn* mencakupi segala hal kepimpinan bukan hanya dalam hal rumah tangga sahaja¹²¹.

Dalil kedua hadis Nabi SAW. Bagi menguatkan dalil di atas para ulama pesantren Musthofawiyah mendatangkan hujah dalam hadis Nabi.

لَنْ يُفْلِحْ قَوْمٌ أَسْنَدُوا أَمْرَهُمْ إِلَى اِمْرَأَةٍ

*Tidak akan berjaya suatu kaum yang menyandarkan urusan mereka kepada seorang wanita*¹²²

¹²⁰ KH Ardabili Batubara, KH Mahmudin, KH Abdul Rahman, KH Alwin Tanjung, KH Muhammad Yakub, KH Abdi (Guru Pesantren Musthofawiyah) Dalam temu bual dengan pengkaji pada 12 April 2013

¹²¹ Imām al-Bughawī, *Tafsīr Ma'ālim al-Tanzīl*, 519.

¹²² Al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*.

Menurut mereka hadis di atas sangat jelas mlarang wanita jadi pemimpin, bahkan larangan ini sampai ke tahap ancaman bagi yang menyerahkan kepimpinan negara kepada kaum wanita. KH Abdul Rahman dan lima guru yang lainnya juga menjelaskan bahawa hadis di atas menunjukkan secara jelas bahawa tiadanya ruang bagi wanita untuk jadi seorang pemimpin. Beliau juga menjelaskan bahawa hadis di atas diawali dengan kalimat *Lan* kalimat *Lan* dalam bahasa Arab adalah sebagai bentuk penafian untuk menghabarkan penafian masa akan datang dan selamanya, atas dasar kalimat ini dapat memberi kefahaman bahawa selagi menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita yang dilantik sebagai *waliy al-amri* (ketua negara) selagi itu jugalah mereka tidak akan pernah mendapat kejayaan.¹²³

Mereka menambahkan, sekalipun teks hadis ini berupa khabar atau berita, namun mengandungi celaan kepada suatu kaum atau golongan masyarakat yang menyerahkan kekuasaan pemerintahannya atau menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita berupa ancaman tiadanya kejayaan atas mereka. Celaan ini merupakan “*Qarīnah*” (indikasi) adanya tuntutan yang bersifat *jazm* (pasti).¹²⁴ Hadis ini bukan hanya tertuju kepada satu bangsa sahaja namun semua bangsa kerana bunyi hadis adalah bersifat umum (general) sebagaimana dalam kaedah fiqh “*al Ibrah li ‘umūm al-lafz lā bikhuṣūṣ al-sabab*”.¹²⁵ Dengan demikian melantik wanita sebagai ketua pemerintahan adalah hukumnya haram.¹²⁶

Bagi menyokong hujah para ulama pesantren ini mereka menggunakan beberapa pandangan ulama dalam kalangan muafassirin dan fuqaha, di antara ulama mufassir

¹²³ KH Abdul Rahman, KH Mahmudin, KH Ardabili, KH Muhammad Yakub,KH Alwin Tanjung (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 14 April 2014.

¹²⁴ KH. Muhammad Yakub Nasution (Guru Besar Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan Pengkaji pada 10 April 2013.

¹²⁵ Abū Fāris, *al-Nizām al-Siyāsī Fī al-Islām* (Beirut: Dār al-Qurān ,1984), 182.

¹²⁶ KH. Abdul Rahman (Guru Pesantren Musthofawiyah) semasa temu bual dengan pengkaji pada 14 April 2013.

yang selari dengan pandangan mereka adalah seperti Imam al-Tabari¹²⁷ dan al-Qurṭubī¹²⁸, begitu juga dalam kalangan ulama fuqaha seperti Imam Syafī’I, Maliki dan Hanbali. Para ulama mufassir dan fuqaha ini telah mengharamkan wanita sebagai pemimpin Negara (*wilāyah a’zam*) dengan dasar ayat al-Qur’ān dan hadis Nabi SAW di atas, pandangan ini juga disokong oleh Wahbah al-Zuḥailī dalam perkataannya “Tidak sah wanita menduduki jabatan ketua negara dan gabenor”¹²⁹

Bagi menambahkan hujah mereka dalam mengharamkan wanita menjadi pemimpinan, KH Ardabili Batubara berbiacara tentang sejarah, beliau menjelaskan kekuatan dalil hadis di atas juga dapat dibuktikan dengan sejarah Islam, dari zaman Rasulullah bahawa tiada sebarang riwayat yang menunjukkan Rasulullah SAW dan para Khulafa al-Rashidin pernah melantik pemimpin dari kalangan kaum wanita dan ini diikuti oleh pemerintah Islam selepas itu. Jika dibenarkan, sudah tentu akan tercatat di dalam sejarah bahawa pernah dilantik hakim wanita walaupun seorang.

KH Abdul Rahman menambahkan lagi bahawa pandangan yang menjadikan kisah Ratu Balqis sebagai salah satu dasar yang membolehkan kepimpinan wanita dan dianggap bertentangan dengan hadis Nabi di atas maka menurut beliau adalah suatu kekeliruan, ini kerana sejarah Ratu Balqis jauh sebelum datangnya syariat Islam, dan Ratu Balqis pada masa itu buka seorang yang beriman, kerana setelah Ratu Balqis menyatakan dirinya beriman kepada Allah dan berkahwin dengan nabi Sulaiman ia tidak lagi memegang kepimpinan, ayat di atas juga tiada *qarīnah* yang menunjukkan keharusan, namun hanyalah bentuk pengkhabaran atau cerita, oleh itu belum tepat jika

¹²⁷ Abū Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qur’ān* (Kaherah: Dār Hajar, 1999), 6 : 687.

¹²⁸ Al-Qurṭubī, *Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qurān* (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣriyyah, 1964), 5 : 168.

¹²⁹ Wahbah al-Zuḥailī, *Fiqh al-Islām wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr, 1997), 8 : 6179.

dijadikan sebagai dalil dalam hal keharusan kepimpinan wanita dan juga bertentangan dengan kaedah fiqh.¹³⁰

Penjelasan beliau dari segi kaedah fiqh adalah seperti berikut:

1. Dalil berdasarkan kisah Ratu Balqis masih ada *ihtimāl* dalam *istidlāl* iaitu mungkin mengisyaratkan kebolehan mungkin juga tidak, kerana tidak dijumpai ayat yang *sarīh* baik dalam hadis ataupun ayat lain yang menguatkan kepada keharusannya, dalam kaedah umum *istidlāl* "إِذَا طَرِءَ الْحَتْمَلُ سَقْطُ الْإِسْتِدْلَالِ" berdasarkan kaedah ini gugur *istidlāl* tentang dalil keharusan wanita jadi pemimpin.
2. Kaedah *Syar'u Man Qablanā Syar'un Lanā* (Syariah umat terdahulu adalah syariah bagi kita) syariah terdahulu sebagaimana syariah Nabi yang lain, sudah tidak berlaku bagi umat Islam. Sebagai contoh lemak lembu dan kambing haram bagi umat Nabi Musa AS tetapi tidak bagi umat Islam.

فُلَّا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ وَإِلَّا أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا
أَوْ لَحْمَ حِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلَكَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطَرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ
رَبَّكَ غَفُورٌ وَعَلَىٰ رَحْمَمِ الَّذِينَ هَادُوا حَرَمَنَا كُلَّ ذِي ظُفْرٍ وَمِنَ الْبَقَرِ وَالْغَنِمِ
حَرَمَنَا عَلَيْهِمْ شُحُومُهُمَا إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا أَوْ الْحَوَابِيَا أَوْ مَا أَخْتَلَطَ بِعَظِيمٍ ذَلِكَ
جَزَّتْهُم بِغَيْمٍ وَإِنَّا لَصَدِّقُونَ

Katakanlah: "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu maha pengampun, lagi maha mengasihani." dan kami haramkan atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku, dan dari lembu dan kambing pula kami haramkan kepada mereka lemaknya, kecuali (lemak) yang ada pada belakangnya

¹³⁰ KH Abdul Rahaman Batubara (Guru Pesantren Musthofawiya) dalam temubual dengan pengkaji pada 16 April 2014.

atau yang menyelaputi perkakas dalam perutnya, atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah kami balas mereka dengan sebab kederhakaan mereka; dan sesungguhnya kamilah yang benar.

Al-An‘ām 6:145-146

Oleh itu kaum wanita menurut beliau semestinya menyedari bebanan kepemimpinan hanya kepada lelaki adalah merupakan bentuk penghormatan Islam kepada mereka. Wanita tidak diberi beban tanggungjawab yang berat agar peranan utama wanita sebagai ibu dan isteri pengatur rumah tangga dapat terpelihara dengan baik dan sempurna. Peranan wanita sebagai suri rumahtangga adalah merupakan peranan yang agung dan mulia di sisi Islam dan pahalanya sangat bernilai sehingga akan dapat menghantarnya menuju syurga sebagai tempat kehidupan yang abadi.¹³¹

4.2.2 Wanita Sebagai Hakim

1. Pandangan Ulama Pesantren

Dalam memberikan pandangan terhadap isu kehakiman, KH Alwin Tanjung menjelaskan bahawa, hari ini sudah ramai dijumpai wanita dilantik menjadi seorang hakim syar’ie sama ada di negara Indonesia sendiri maupun di negara lain. Katanya pengadilan agama di seluruh Indonesia telah banyak melantik wanita menjadi hakim walaupun mengaku berpegang kepada mazhab Syafi’i.¹³²

Beliau dan lima orang guru lainnya juga mengatakan bahawa mereka menolak perlantikan wanita sebagai hakim syar’ie. Mereka berpandangan bahawa tugas

¹³¹ KH Abdul Rahman Batubara (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 16 April 2014.

¹³² K.H. Alwin Tanjung (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 14 April 2013.

seseorang hakim memerlukan ia duduk di antara pihak-pihak yang bertelagah termasuklah di kalangan lelaki, jadi dikhuatirkan akan menimbulkan fitnah. Begitu juga mereka menjelaskan bahawa tiada sebarang riwayat yang menunjukkan Rasulullah SAW dan para Khulafa' al-Rashidin pernah melantik hakim dari kalangan kaum wanita dan ini diikuti oleh pemerintah Islam selepas itu. Jika dibenarkan, sudah tentu akan tercatat di dalam sejarah bahawa pernah melantik hakim wanita walaupun seorang.¹³³

2. Hujah Ulama Pesantren

Dalam menolak wanita sebagai hakim mereka menggunakan hujah dan dalil yang sama dalam kepimpinan iaitu pertama al-Qur'an.

الرِّجَالُ قَوْمٌ وَنَسَاءٌ عَلَىٰ الْأَنْسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan.

Kedua hadis Nabi SAW yang bermaksut:

*"Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang melantik wanita mengendalikan urusan mereka."*¹³⁴

Bagi menguatkan hujah ini mereka merujuk kepada ulama fuqaha seperti imam Syafi'i, Maliki dan Hanbali. Mereka menjelaskan Jumhur fuqaha seperti Imam al-Syafi'i, Maliki dan Hanbali meletakkan syarat Hakim (Qadhi) adalah kaum lelaki. Ini kerana kehakiman memerlukan kecerdasan dan pemikiran yang tinggi dan ini hanya

¹³³ KH Alwin Tanjung, KH Mahmudin, KH Ardabili, KH Abdi, KH Abdul Rahman KH Muahmmad Yakub (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 14 April 2014

¹³⁴ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no hadis: 4073.

dimiliki oleh kaum lelaki.¹³⁵ Tingkat kecerdasan dan intelektual lelaki lebih tinggi dibandingkan dengan kaum wanita, mereka juga mengatakan bahawa Imam al-Māwardī memberi pandangan berdasarkan ayat al Qur'an di atas bahawa syarat pelantikan lelaki menjadikan pemimpin adalah kerana lelaki mempunyai kelebihan daripada wanita¹³⁶.

KH Muhammad Yakub Nasution mengulas tentang pandangan mazhab Hanafi yang dikatakan menerima perlantikan hakim wanita di dalam kes-kes selain Hudud dan Qisas. Beliau mengatakan bahawa pandangan ini adalah berdasarkan kaedah Qiyyas iaitu jika wanita diterima menjadi saksi dalam kes-kes selain Hudud dan Qisas, maka dalam kes-kes yang sama wanita juga boleh menjadi hakim. Dengan kata lain mereka menyamakan tugas memberi kesaksian dengan tugas memberi penghakiman.¹³⁷

Hujah ini dikukuhkan dengan ayat al-Qur'an.

شَهِيدَيْنِ وَأَسْتَشِيدُوا مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَآمْرَاتَانِ مِمْنَ
تَرَضَوْنَ مِنْ أَلْشَهِدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى

"Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi".

al-Baqarah 2:282

KH Muhammad Yakub Nasution menjelaskan bahawa, bagi Mazhab Hanafi, ayat al-Qur'an yang dihujahkan dalam surah di atas hanyalah dikhurasukan dalam kepimpinan rumah tangga sahaja dan bukannya mencakupi hal ehwal harta, agama dan urusan amar makruf dan nahi mungkar. Manakala hadis di atas juga ditolak oleh mereka

¹³⁵ Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, (Beirut : Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 375

¹³⁶ Al-Māwardī, *al- Aḥkām al-Sulṭāniyyah* (Beirut : Dār al-Fikr, 1960), 65

¹³⁷ KH Muhammad Yakub Nasution (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 15 April 2014.

kerana ia menyatakan larangan kepada kaum wanita untuk memegang jawatan pemimpin tertinggi dan bukannya sebagai hakim. Malah ia hanyalah jawapan Rasulullah SAW terhadap persoalan semasa yang dikemukakan oleh para Sahabat mengenai tindakan Raja Parsi yang melantik anak perempuannya sebagai pengganti beliau.

Pandangan mazhab Hanafi ini juga katanya telah diterima dan dipersetujui oleh ulama kontemporari iaitu Yusuf al-Qarađāwī sepertimana yang kita maklum, pandangan Mazhab Hanafi ini juga yang menjadi pegangan bagi yang membolehkan wanita jadi hakim. Namun yang jadi persoalan kata beliau benarkah pandangan mazhab Hanafi membolehkan wanita jadi hakim? Pada perkataan “Harus penghakiman (qadi) wanita dalam semua perkara kecuali hudud dan Qisas sahaja”.¹³⁸

KH Muhammad Yakub Nasution lebih jauh menjelaskan bahawa yang dimaksudkan oleh pengarang kitab ini dengan perkataan (penghakiman-al-Qadha’) bukanlah bermaksud mengharuskan melantik hakim wanita secara mutlak, kerana perlu dibezakan antara tindakan pemerintah melantik Hakim (*al-tauliah wa al-taqlid*) dengan perbuatan hakim menjatuhkan hukuman (*al-Qadha’*). Justeru, apa yang dimaksudkan dengan kenyataan ini adalah tindakan pemerintah untuk melantik hakim wanita tetap dilarang dan berdosa tetapi jika dilantik juga hakim dari kalangan wanita, maka hukuman atau keputusan yang dijatuhkan oleh hakim wanita itu tetap dikira sah dan lulus pada kes-kes selain Hudud dan Qisas jika menepati al-Qur'an dan Sunnah.¹³⁹

Oleh itu pesan beliau, amatlah tidak wajar sama sekali bagi sesetengah orang yang mensifatkan pelantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah merupakan satu kejayaan kepada perjuangan memartabatkan kaum wanita di dalam sebuah negara. Pelantikan

¹³⁸ Burhān al-dīn Alī bin Abī Bakr al-Marghīnānī, *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī* (t.t.p, 1936), 3: 107.

¹³⁹ KH. Muhammad Yakub Nasution (Guru Besar Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 15 April 2013

seseorang hakim adalah berdasarkan kriteria yang sangat ketat serta mengikut keperluan. Ia bukan kerana perjuangan kaum wanita dan bukan juga kerana untuk memartabatkan wanita di bawah naungan gender tetapi ia kerana adanya nas-nas dan pandangan yang jelas bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang membenarkannya.

Setelah menilai pandangan-pandangan para ulama pesantren dalam isu politik pengkaji menilai bahawa pandangan mereka ini adalah bersesuaian dengan hukum Islam kerana dalil-dalil dan hujah mereka diselaraskan dengan kaedah fiqh dan usul al-fiqh. Begitu juga mereka menghadirkan pandangan para ulama mufassirin dan fuqaha, ditambah dengan sejarah Islam selari dengan apa yang mereka jelaskan.

Sebagai penambahan tentang kekuatan pandangan mereka pengkaji merujuk kepada ulama mufassir lainnya seperti Imam al-Tabarī¹⁴⁰, al-Rāzī¹⁴¹, al-Qurṭubī¹⁴², Ibnu Kathīr¹⁴³, Ibnu al-Jauzī¹⁴⁴, Imam al-Bughawī¹⁴⁵. Mereka ini juga memberi pandangan yang sama dalam menolak wanita sebagai pemimpin. Pandangan ini juga selari dengan pentafsiran ulama kontemporari seperti ‘Muhammad ‘Abduh dan Rashid Rida.¹⁴⁶

Jika di tinjau dari segi konteks *maslahah* dan *mafsadah* juga menunjukkan bahawa wanita sememangnya tidak sesuai jika memegang kepimpinan. Sebagaimana dalam dalam kaedah fiqh:

درء المفاسد أولى من جلب المصالح فإذا تعارض مفسدة ومصلحة قدم دفع المفسدة غالباً

¹⁴⁰ Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarīr al-Tabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qur’ān* (Kaherah: Dār Hajar, 1999), 6 : 687.

¹⁴¹ Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghayb* (Beirut : Dār al-Fikr, t.t), 10 : 90-91.

¹⁴² Ibn Farḥūn al-Anṣārī al-Khuzaī Syams al-dīn al-Qurṭubī, *Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’ān* (Kaherah : Dār al-Kitāb al-Miṣriyyah, 1964), 5: 168.

¹⁴³ Ibn Kathīr al-Quraisyī al-Damsyīqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Beirut: al-Ṭayyibah, 1999), 2 : 206.

¹⁴⁴ Alī Ibni Muḥammad al-Jauzī, *Zād al-Maisir fī Ilm al-Tafsīr*, (t.tp : Mawaqi’ al-Tafasīr, 597H), 2 : 25.

¹⁴⁵ Ibn Mas’ūd al-Bughawī, *Tafsīr Ma’ālim al-Tanzīl* (Beirut: al-Ṭayyibah, 1997), 2 : 207.

¹⁴⁶ Muḥammad ‘Abduh & Muḥammad Rašīd Riḍā, *Tafsīr al-Manār* (Mesir: Dār al-Manār, 1367H), 5: 67-70.

*Menolak mafsadah lebih diutamakan daripada menarik maslahat dan apabila berlawanan antara yang mafsadah dan maslahat maka yang diutamakan adalah menolak mafsadah nya*¹⁴⁷

Apabila wanita dilantik menjadi pemimpin maka didapati *mafsadah* lebih banyak dari *maslahah*. Di antara *mafsadahnya* adalah seperti berikut:

Pertama: *mafsadah* dalam agama seperti jihad. Dalam syariat Islam wanita tidak dibebankan dalam hukum jihad, kerana seruan jihad adalah dibebankan kepada lelaki bukan kepada wanita. Begitu juga mengimami solat, wanita tidak sah menjadi imam solat. Berdasarkan kaedah qiyas jika di dalam Islam imam solat tidak sah bagi wanita apatah lagi dalam hal kepemimpinan yang sudah pasti lebih besar tanggungjawabnya. Wali, di dalam Islam sultan adalah wali bagi yang tidak mempunyai wali nikah dan wanita tidak dibenarkan menjadi wali sekalipun dia seorang pemimpin atau hakim. Saksi, wanita tidak sah kesaksiannya jika hanya seorang walaupun ia seorang pemimpin atau hakim.

Kedua *mafsadah* kepada negara. Sudah lumrah diketahui bahawa wanita mempunyai kitaran haid dan mengandung, ketika wanita dalam keadaan mengandung sudah pasti ada beberapa hal urusan negara yang tidak dapat dijalankan dengan sempurna termasuk berkenaan dengan urusan luar daerah yang memerlukan perjalanan yang jauh, keadaan ini bukan hanya memakan satu atau dua hari tapi memakan masa sampai sembilan bulan, disambung lagi dengan masa melahirkan mengikut ketentuan Islam masa menyusui adalah dua tahun. Dari jumlah mengandung hingga melahirkan boleh dikatakan urusan negara tidak dapat berjalan dengan sempurna iaitu selama dua tahun sembilan bulan.

¹⁴⁷ Ahmad al-Zarqā, *Sharh al-Qawā'id al-Fiqhīyyah*, (Beirut: Dār I-Qalam), 187.

Ketiga, *mafasadah* keluarga. Wanita yang dilantik sebagai pemimpin, maka tanggungjawab sebagai pengurus rumah tangga yang berstatus ibu dan isteri sedikit sebanyak akan terjejas dan tidak terpenuhi dengan baik, dan dalam hal ini wanita telah memikul dua tanggung jawab yang besar pertama negara dan yang kedua keluarga. Tidak mustahil salah satunya akan terabai dan tidak mustahil juga kedua-duanya sekali.

Jika dilihat dari segi maslahat wanita yang dilantik menjadi pemimpin boleh dikatakan tidak ada, melainkan hanya merupakan satu kejayaan kepada perjuangan memartabatkan kaum wanita di bawah naungan gender. Oleh yang demikian jika berdasarkan kepada kaedah fiqh, maka wanita tidak sesuai untuk dilantik menjadi seorang pemimpin, wanita tidak patut dibebankan dengan kepemimpinan kerana tidak sesuai dengan konsep ‘*adālah* (adil) dalam Islam yang menempatkan sesuatu pada tempatnya.

Syeikh Muhammad al-Madani berkata keutamaan kaum lelaki bukanlah bermaksud lelaki lebih hebat, lebih mulia daripada wanita dan wanita itu lebih lemah, lebih rendah dan berada di kelas kedua daripada lelaki akan tetapi ia bermaksud bahawa lelaki mempunyai ciri dan tugas tersendiri yang tidak dimiliki oleh wanita, sebagaimana perbezaan antara anggota tubuh manusia itu sendiri, seperti tangan, kaki, mata, telinga, hidung dan mulut. Masing-masing daripada anggota tubuh ini mempunyai fungsi dan kelebihan tersendiri yang tidak dimiliki oleh anggota lain.¹⁴⁸

Dalam bentuk kehakiman pada penilaian pegkaji, wanita juga tidak sesuai untuk dilantik sebagai hakim dengan melihat dalil-dalil dan hujah yang telah dikemukakan oleh para ulama. Jika sekiranya wanita dilantik sebagai hakim, maka fungsinya sebagai hakim akan banyak yang tidak terlaksana seperti wali nikah bagi wanita yang tidak punya wali, begitu juga dalam bentuk persaksian wanita tidak sah persaksiannya jika

¹⁴⁸ Muhammad al-Madani, *al-Mujtama’ al-Islami Kama Tunadimuhu*, 13-14.

hanya seorang. Oleh itu bagi penilaian pengkaji pandangan para ulama pesantren ini adalah merupakan pandangan yang selari dengan al-Quran dan al-Sunnah.

4.3 Pandangan Ulama Pesantren Dalam Isu Pekerjaan

1. Pandangan Ulama Pesantren

Dalam memberi pandangan terhadap isu pekerjaan, KH Alwin Tanjung mengatakan bahawa zaman kini gelaran wanita berkerjaya adalah merupakan suatu kebanggaan bagi mereka. Beliau menambahkan terdapat berbagai alasan dari mereka dalam mencebur dunia pekerjaan, seperti mencari nafkah, mengejar kejayaan, mengikuti trend, ingin mendapat status sosial dalam masyarakat bahkan sampai mengatas namakan kesetaraan gender. Kata beliau lagi namun agak pelik didengar jika para wanita pula ramai yang mengeluh ketika menghadapi ketidaklayakan perlakuan seperti cuti hamil yang terlalu singkat (hak reproduksi kurang layak), bekerja siang malam, gangguan seksual dan sebagainya.¹⁴⁹

KH Ardabili Batubara pula berkata, Islam sebagai *rahmatan lil'ālamīn* telah pun mengatur segala hal bentuk kehidupan manusia. Oleh itu umat Islam sudah semestinya hidup dalam naungan syariat Allah agar manusia sebagai khalifah tidak sesat dalam mengharungi kehidupan dunia. Beliau menegaskan bahawa Allah telah menciptakan lelaki dan wanita sama jika ditinjau dari segi insaniahnya (kemanusiaannya), iaitu memiliki ciri khas kemanusiaan yang tidak berbeza antara satu sama lain, keduanya dikurniakan dengan potensi hidup yang sama berupa keperluan jasmani, naluri dan akal.

¹⁴⁹ KH Alwin Tanjung (Guru Pesantren Musthofawiya) dalam temubual dengan pengkaji pada 15 April 2014

Allah juga telah membebankan hukum yang sama terhadap lelaki dan wanita, dan syariat hukum juga ditujukan untuk manusia secara umum seperti pembebanan kewajipan solat, puasa, zakat, haji, menuntut ilmu, mengembangkan dakwah, amar makruf nahi munkar dan yang seumpamanya. Semua ini dibebankan kepada lelaki dan wanita tanpa ada perbezaan. Sebab semua kewajipan tersebut dibebankan kepada manusia yang dinilai dari sifat kehambaan yang ada pada keduanya.¹⁵⁰

Beliau berhujah berdsarkan firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

“Dan tidaklah aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-ku.”

Al-Dhariyat, 51: 56

Namun dalam hal kehidupan sosial katanya, terjadi pembebanan hukum yang berbeza antara lelaki dan wanita. Sebagai contoh dalam hal nafkah hanya dibebankan kepada lelaki, kerana ini berkaitan dengan fungsinya sebagai ketua keluarga. Islam telah menetapkan bahawa ketua keluarga adalah tugas utama dan tanggungjawab lelaki. Oleh itu, wanita tidak dibebani tugas (kewajipan) mencari nafkah baik untuk dirinya sendiri mahupun untuk keluarganya. Wanita berhak mendapatkan nafkah dari suaminya, jika wanita berstatus isteri dan walinya jika belum bernikah. Bahkan jika sekiranya tidak ada yang bertanggungjawab terhadap nafkahnya, Islam telah memberi jalan lain untuk menjamin kehidupannya.

Katanya lagi, Islam telah membebankan tanggungjawab nafkah tersebut kepada *Daulah* (Baitul Mal) bukan dengan jalan menyuruh wanita bekerja, namun demikian bukan bererti Islam tidak membolehkan wanita bekerja untuk mendapatkan harta atau

¹⁵⁰ KH. Ardabili Batubara, (Guru Pesantren Musthofawiyah) semasa temubual dengan pengkaji pada 15 April 2013

wang. Dalam Islam, wanita boleh bekerja untuk memiliki harta sendiri juga boleh mengembangkan hartanya untuk keperluan hidup.

2. Hujah Ulama Pesantren

Mereka berhujah berdasarkan ayat al-Qur'an. Firman Allah SWT:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ

Bagi lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan bagi wanita juga ada bahagian dari apa yang mereka usahakan”.

Al-Nisa', 4:32

KH Mahmuddin Pasaribu berpandangan bahawa harus bagi wanita untuk bekerja berdasarkan ayat di atas walaupun ada dalil-dalil yang menjelaskan wanita tempatnya di rumah. Namun ianya bukanlah bermaksud bahawa wanita dilarang untuk bekerja secara mutlak tetapi memberi pengkhabaran bahawa wanita lebih baik di rumah daripada mencari nafkah. Ini kerana urusan nafkah adalah dibebankan kepada kaum lelaki. Jika urusan nafkah tidak mencukupi, maka wanita boleh bekerja, dan pandangan ini disepakati oleh lima orang guru pesantren Musthofawiyah lainnya.¹⁵¹

Namun demikian kata beliau, wanita perlu ingat bentuk hukum ini hanyalah *mubāh* (harus) bukan wajib. Jangan sampai mendahulukan hukum *mubāh* dan mengabaikan hukum wajib seperti melalaikan tanggungjawab dalam hal rumahtangga baik terhadap suami juga anak-anaknya. Bagi wanita yang belum berkahwin, wajib menjaga segala hal yang dapat menimbulkan fitnah. Di samping itu, wanita juga perlu memastikan pekerjaan yang mereka ceburi sesuai dengan tuntutan Syarak dengan mematuhi ketentuan yang telah ditetapkan. Antara syarat yang diberikan ulama pesantren Musthofawiyah bagi membolehkan wanita bekerja adalah seperti berikut:

¹⁵¹ KH Mahmuddin Pasaribu (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 16 April 2014

1. Menjaga pandangan antara lelaki dan wanita. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرُهُمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ حَسِيرٌ بِمَا

يَصْنَعُونَ

Katakanlah kepada lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan.

Al-Nur, 24: 30

2. Menutup aurat dengan sempurna. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلِيَضْرِبُنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلِنَّ زِينَتَهُنَّ

“Dan hendaklah mereka (wanita) menutup khimar (kain kerudung) ke dadanya dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya”

Al-Nur, 24: 31

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ قُل لَا زَوْجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنَسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِيْنَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْذِنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

“Hai Nabi katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: hendaklah mereka mnghulurkan kerudungnya keseluruhan tubuh mereka”.

Al-Ahzab, 33:59

3. Dilarang berkhawat di antara lelaki dan wanita atau menjaga pergaulan. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Tidak di haruskan khalwat antara lelaki dan wanita kecuali ada mahram bersamanya¹⁵²

¹⁵² Muslim, *Sahīh Muslim*, no. hadis: 424.

4. Dilarang bagi wanita *tabarruj*, iaitu menunjuk-nunjukkan perhiasan untuk menarik perhatian kaum lelaki. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا تَبَرْجِحْ كَتْبُرَجَ الْجَهْلَيَّةِ الْأُولَئِكَ

“Janganlah mempamerkan kecantikan dan perhiasan seperti jahiliyah yang pertama”.

Al-Ahzab, 33:33

Sabda Nabi SAW:

أَيْمًا امْرَأَةٌ اسْتَعْطَرَتْ ثُمَّ خَرَجَتْ، فَمَرَّتْ عَلَى قَوْمٍ لَيَحْدُوا رِيحَهَا فَهِيَ زَانِيَةٌ، وَكُلُّ عَيْنٍ زَانِيَةٌ

“Sesiapa wanita yang memakai wangи-wangian,kemudian lewat di depan kaum lelaki sehingga tercium bau wanginya maka ia seperti penzina, dan setiap mata adalah zina.¹⁵³

5. Dilarang bagi wanita untuk bekerja sekiranya terdapat unsur eksploitasi wanita.
6. Dilarang bagi wanita bekerja di tempat yang terjadi *ikhtilat* (percampuran lelaki dan wanita yang dapat menimbulkan fitnah).
7. Dilarang bagi wanita melunakkan suaranya ketika berbicara. Wanita dilarang melunakkan dan melembutkan suara ketika terjadi interaksi antara lelaki dan wanita.

يَسِّرَاءُ الْبَنِيَّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقِيتَنَّ فَلَا تَخْضُعْ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ
الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

“Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertakwa. oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Al-Ahzab, 33: 32

8. Mendapat izin dari suami atau orang tua.

¹⁵³ Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, no. hadis: 369.

KH Muhammad Yakub Nasution menegaskan bahawa hal ini terkadang sering diabaikan oleh kaum wanita termasuk bagi mereka yang terlibat dalam dunia dakwah pada hal dasar hukum Islam wanita wajib mendapatkan izin dari suami atau orang tua jika keluar dari rumah. Izin dari suami atau orang tua perlu difahami sebagai bentuk kasih sayang dan perhatian serta wujud dari tanggungjawab seorang yang idealnya sebagai pelindung rumah tangga, semakin mesra keluarga maka semakin wajar jika urusan izin ini dibiasakan. Beliau berhujah berdasarkan firman Allah SWT:¹⁵⁴

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرُّجْ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ

“Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu”

Al-Ahzab, 33: 33

Menurut beliau ayat di atas mengisyaratkan bahawa seorang isteri tidak boleh keluar dari rumahnya kecuali dengan izin suaminya. Ia berdasarkan Ijmak para ulama yang tidak membenarkan bagi seorang isteri keluar dari rumah kecuali dengan izin suaminya.¹⁵⁵ Imam Hanafi memberi pandangan bahawa isteri yang keluar rumah tanpa izin suami maka gugur nafkah.¹⁵⁶ Begitu juga Imam Ibn Taimiyyah mengatakan, “Jika terdapat seorang isteri keluar dari rumah tanpa izin suami, maka isteri telah berbuat *nusyuz*, bermaksiat kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, serta pantas mendapatkan siksa.”¹⁵⁷

Inilah menurut para ulama pesantren Musthofawiyah antara beberapa syarat yang wajib dipatuhi oleh wanita yang ingin terlibat dalam dunia pekerjaan. Mereka memberi pesan supaya wanita menyedari bahawa ketentuan Syarak ini bukanlah bentuk bias atau diskriminasi, namun sebaliknya adalah merupakan bentuk perlindungan dan kemuliaan

¹⁵⁴ KH Muhammad Yakub (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 16 April 2014.

¹⁵⁵ Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān, *Raḥmah al-Ummah fī Ikhtilāf al-A’immah*, (Surabaya: al-Hidayah, t.t.), 248.

¹⁵⁶ *Ibid.*

¹⁵⁷ Ibn Taimiyyah, *Majmū‘ al-Fatāwā* (t.t.p: Dār al-Wafā, 2005), 32: 281.

penghormatan Islam kepada wanita itu sendiri demi menjaga kemaslahatan dunia dan akhirat.

Sekiranya wanita tidak mematuhi syarat-syarat di atas, maka hukum pekerjaan bagi wanita adalah haram dan dikhawatirkkan akan terjadi fitnah kerana wanita merupakan sumber fitnah bagi lelaki seperti yang digambarkan dalam hadis Rasulullah. Mereka berhujah berdasarkan hadis Nabi SAW:

عن أَسْأَمَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا تَرَكْتَ
بَعْدِي فِتْنَةً أَضَرَّ عَلَى الرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ

*Tidaklah aku tinggalkan sepeninggal ku fitnah yang lebih berbahaya
bagi kaum laki-laki daripada fitnah wanita.¹⁵⁸*

Hujah dalam hadis lain, Nabi SAW bersabda:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ
خَضِيرَةٌ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَحْجِلُكُمْ فِيهِ فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ فَاتَّقُوا الدُّنْيَا وَاتَّقُوا النِّسَاءَ
إِنَّ أَوَّلَ فِتْنَةً بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَتْ فِي النِّسَاءِ

Sesungguhnya dunia itu manis dan lazat, dan sesungguhnya Allah menitipkan nya pada mu. Maka hati-hatilah terhadap dunia dan hati-hatilah terhadap wanita, karena fitnah pertama yang menimpa bani Israel adalah disebabkan wanita. ”¹⁵⁹

Dalam al-Qur'an juga ada disebut, firman Allah SWT:

رُبَّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنَّطَرَةِ مِنَ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحَرَثِ ذَلِكَ مَتَّعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ
الْمَعَابِ

Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah

¹⁵⁸ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 5096.

¹⁵⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 314.

ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (syurga).

Ali-'Imran, 3: 14

Demikianlah pandangan-pandangan ulama pesantren Musthofawiyah dalam hal isu pekerjaan. Pada penilaian pengkaji, pandangan-pandangan yang diberikan oleh para ulama pesantren di atas juga adalah selari dengan kehendak Syarak. Ini dapat dilihat dari segi hujah dan dalil-dalil mereka dalam memberi pandangan. Oleh itu pengkaji bersetuju dengan pandangan para ulama pesantren dalam isu pekerjaan hal ini pada pengkaji sememangnya tidak ada ayat atau dalil yang mengharamkan wanita untuk menceburi dunia pekerjaan melainkan hanya bentuk penghabaran bahawa wanita adalah untuk dilindungi dan dinafkahi bukan melindung atau menafkahi, mereka lebih bersesuaian berada di rumah daripada bekerja jika sang suami atau orang tua mampu dan mencukupi dalam memberi nafkah.

Jika diteliti dari segi konteks sejarah pada zaman Rasulullah SAW dan Sahabat sudah ditemui kaum wanita terlibat dalam dunia pekerjaan seperti Ummu Salamah isteri Nabi, Laila al-Ghfariyah yang ikut dalam perperangan, Ummu Salam Binti Malhan yang bekerja sebagai penghias pengantin, Siti Khadijah yang dikenal sebagai menguasai perdagangan yang cemerlang, al-Syifa yang ditugaskan oleh Sayyidina Umar di pasar Madinah sebagai hisbah, Zainab binti Jahsyi isteri Nabi pernah bekerja menyamak kulit binatang dan gajinya disedekahkan, al-Syiwa binti Abdullah bekerja sebagai guru, Rufayidah binti Ka'ab yang bertugas dalam bidang kesihatan.¹⁶⁰

Bukti sejarah ini sebagai petunjuk bahawa wanita tidaklah dilarang untuk menceburi dunia pekerjaan, namun dalam hal ini kaum wanita wajib mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan di dalam syariat Islam.

¹⁶⁰ Quraish Shihab, *Membumikan al-Qur'an* (Jakarta: Mizan 1992), 275.

4.4 Pandangan Ulama Pesantren Dalam Pemilikan Harta

1. Pandangan Ulama Pesantren

Dalam masalah pemilikan harta, KH Abdi Batubara menjelaskan bahawa wanita patut bersyukur kerana mereka akan semakin dimuliakan dan dilindungi dalam Islam. Berkenaan dengan kehartaan, Islam sangat memberikan perhatian teterhadap hak wanita sebagai bentuk perlindungan dan kemuliaan.¹⁶¹

KH Abdul Rahman Batubara juga menjelaskan, pada dasarnya, wanita merupakan sebahagian dari masyarakat yang dijamin hak dan kehidupannya, baik ia sebagai anak, isteri, ataupun ibu. Golongan lelaki wajib bertanggungjawab atas kehidupan mereka. Wanita juga tidak wajib untuk menanggung nafkah diri dan keluarganya. Ketika wanita sudah berkeluarga, maka segala keperluan rumah serta anak-anaknya menjadi tanggungjawab sang lelaki (suami). Ini merupakan salah satu bentuk penghormatan dan perlindungan Islam terhadap kaum wanita.¹⁶²

Lebih lanjut beliau menjelaskan bahawa kaum wanita perlu menyedari dan memahami, di bawah naungan Islam, ia akan hidup dalam kemuliaan dan penghormatan, penuh perlindungan dan memperoleh hak-haknya sebagaimana telah ditetapkan Allah SWT baginya.

¹⁶¹ KH Abdi Batubar (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 16 April 2014.

¹⁶² KH Abdul Rahaman Batubara (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temubual dengan pengkaji pada 16 April 2014.

2. Hujah Ulama Pesantren

Para ulama pesantren Musthofawiyah menyatakan bahwa Rasulullah SAW telah mengistimewakan wanita saat beliau menyampaikan pesan agung pada waktu haji *Wada'*. Yang intinya, memenuhi hak-hak wanita, perintah mencurahkan kebaikan kepada wanita dan memperlakukan dalam pergaulan dengannya secara baik.¹⁶³

Hujah pertama suruhan melindungi kaum wanita hadis Nabi SAW:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ

"*Bertakwalah kalian kepada Allah dalam (memperlakukan) wanita*".¹⁶⁴

فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ

"*Hendaklah kalian memperhatikan kaum wanita dengan baik*".¹⁶⁵

Hujah kedua berdasarkan dalil al-Quran, firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوْمٌ وَنَسَاءٌ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Kaum lelaki itu adalah pemimpin kaum wanita, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (kaum lelaki) atas sebahagian yang lain (kaum wanita), dan karena mereka (kaum lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka".

Al- Nisa', 4: 34

Hujah ketiga tentang hak wanita dalam nafkah, firman Allah SWT:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

¹⁶³ 'Abd al-Razāq bin 'Abd al-Muhsin al-Badr, *Khuṭbah wa Mawā'izuhu min Ḥajjati al-Wadā'* (t.p., 1426H), 30-31.

¹⁶⁴ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 1218.

¹⁶⁵ *Ibid.*

Dan kewajipan bapa memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf

Al-Baqarah, 2:233

Hujah keempat tentang hak wanita dalam harta, firman Allah SWT:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ
مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَفْرُوضًا

"Bagi laki-laki ada hak bagian dari harta peninggalan ibu-bapak dan kerabatnya, dan bagi wanita ada hak bagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan."

Al-Nisa', 4:7

Hujah kelima tentang hak memiliki harta peribadi, firman Allah SWT:

فَإِنْ طِبِّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya, maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya."

Al-Nisa', 4: 4

Bagi menguatkan hujah-hujah mereka di atas para ulama pesantren menghadirkan beberapa pandangan para ulama bagi mendokong pandangan mereka tentang isu kepemilikan harta seperti menurut Ibn al-Qayyim berpendapat, sudah menjadi ijmak ulama, bapa (suami)lah yang menafkahai anak-anak, tanpa penglibatan seorang ibu (isteri).¹⁶⁶

KH Mahmuddin Pasaribu berkata, mahar termasuk hak harta bagi seorang isteri, sehingga wajib diterima olehnya dan tidak ada orang yang lebih berhak dalam harta ini selain wanita itu sendiri. Para ulama telah memberikan garis panduan sebagai menjamin pemilikan mahar bagi wanita melalui beberapa aturan, di antaranya,

¹⁶⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād*, (Beirut : al-Kuwaitid, t.t.), 5: 448.

1. Syariat melarang penghapusan mahar dalam pernikahan.

Mahar tidak boleh dimaafkan dan digugurkan pada awal pernikahan. Apabila kedua belah pihak sepakat untuk menghilangkan mahar, maka masih wajib ditetapkan nilai mahar wanita semisalnya.¹⁶⁷

2. Wanita berhak menolak untuk menyerahkan dirinya kepada suami, sehingga mahar diterima (mahar yang berbentuk hutang tidak tunai).

Mahar menjadi hak wanita setelah akad nikah. Syariat menjamin hak ini bagi wanita dengan memperbolehkannya untuk menolak menyerahkan diri kepada suami atau pindah ke rumah suami dan berpergian bersamanya, sehingga ia menggenggam maharnya.¹⁶⁸

3. Mahar yang rosak di tangan suami sebelum diserahkan menjadi tanggungan suami.

Secara umum, para fuqaha telah sepakat, suami bertanggung jawab terhadap mahar yang hilang di tangannya. Suami wajib mengganti jika ada gantinya, atau menukarnya dengan nilai yang sama, jika tidak ada gantinya.¹⁶⁹

4. Wanita berhak memiliki mahar sepenuhnya jika sekiranya suami meninggal setelah akad meskipun belum 'disentuh' dan wajib diserahkan setelah terjadi jimak.

Jika suami belum sempat berjimak' dan ia meninggal terlebih dahulu, maka wanita tetap berhak atas mahar melalui akad nikah yang telah dilaksanakan. Mahar bukan bererti batal atau tidak diserahkan. Ini kerana keadaan suami yang tidak mengizinkan untuk bersama dengan isterinya dan bukan dari sisi isteri, sehingga isteri berhak atas mahar secara penuh. Mahar akan menjadi hutang dalam

¹⁶⁷ al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’ān*, 17.

¹⁶⁸ Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 222.

¹⁶⁹ Muḥammad bin Ya‘qūb ad Dahlawī, *Damānatū Ḥuqūq al-Mar‘ah al-Zawjiyyah*, (Madīnah: ‘Imādah al-Baḥth al-‘Ilmi Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Madīnah, 1424 H), 105.

tanggungan suami. Kewajipan itu tidak gugur sekalipun berlaku kematian. Hutang mahar, statusnya sama dengan hutang lainnya, ia tidak menjadi lunas kerana kematian. Para fuqaha telah bersepakat berkenaan dengan pemilikan mahar yang disebutkan dalam akad secara utuh bagi isteri dengan kematian suaminya, atau mahar wanita semisalnya saat tidak disebutkan dalam akad, dengan menjadikan kematian suaminya sebagai asas penegas penyerahan mahar.¹⁷⁰

KH Mahmuddin Pasaribu menjelaskan melalui keterangan tentang mahar yang menjadi hak milik penuh isteri yang wajib diterima dari suaminya, dalam keadaan apapun isteri akan memperolehnya, apatah lagi harta dari hasil usahanya sendiri. Oleh itu, gaji, pendapatan, atau wang milik isteri yang diperoleh dari jalan yang dibolehkan syariat, secara penuh menjadi hak milik isteri. Suami tidak mempunyai hak sedikit pun dari harta tersebut. Kelemahan fizik atau statusnya sebagai isteri tidak bererti boleh "merampas" hak miliknya atau memanfaatkan dengan sesuka hati.¹⁷¹

Beliau menukilkan pandangan Syeikh Abdullah bin Abd al-Rahman al-Jibrin yang pernah ditanya tentang hukum suami yang mengambil wang (harta) milik isterinya untuk digabungkan dengan wangnya (suami). Menjawab pertanyaan tersebut, Syeikh al-Jibrin mengatakan tidak syak lagi, isteri lebih berhak dengan mahar dan harta yang ia miliki baik melalui usaha yang ia lakukan, hibah, warisan, dan lain sebagainya. Itu merupakan hartanya, dan menjadi miliknya. Dia yang paling berhak untuk melakukan apa saja dengan hartanya tanpa ada campur tangan pihak lainnya.¹⁷²

¹⁷⁰ *Ibid.*

¹⁷¹ KH Mahmuddin Pasaribu (Guru Pesantren Musthofawiya) dalam temu bual dengan pengkaji pada 15 April 2013

¹⁷² Ashraf bin ‘Abd Allāh, Abū Muḥammad, *Fatāwā al- Mar’ah al-Muslimah* (Riyadh: al-Adwā’ al-Salaf, 1417H), 674-675.

Oleh itu menurut KH Mahmuddin, harta isteri adalah milik peribadinya sehingga perlakuannya sama seperti halnya kepunyaan orang lain, tidak boleh dimanfaatkan kecuali dengan keredhaan dan kerelaannya. Jika ia telah memberikan keredhaan bagi suaminya bagi memiliki sebahagian atau semua harta miliknya, maka harta itu menjadi halal bagi suaminya.

Allah SWT berfirman :

وَإِذَا أُتُوا الْمِسَاءَ صَدُّقُتِنَّ حَلَةً فَإِن طِينَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِئًا مَرِيًّا

Berikanlah mas kahwin (mahar) kepada wanita sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian dari mas kahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambil lah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya".

Al-Nisa', 4: 4

Ayat di atas ditujukan kepada para suami, bukan kepada para wali wanita. Inilah pendapat yang sahih.¹⁷³ Firman Allah SWT:

فَإِن طِينَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِئًا مَرِيًّا

Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya."

Al-Nisa', 4: 4

Para ulama pesantren mengatakan dalam ayat di atas sebagai dalil bahawa wanita mempunyai hak dalam pengelolaan terhadap hartanya jika ia telah akil baligh. Jika belum, maka pemberiannya tidak ada kesan hukumnya dan bagi walinya tidak ada hak sedikit pun atas mahar yang dimilikinya.

¹⁷³ Ibn ‘Arabī , *Aḥkām al-Qur’ān* (t.t.p: Mawāqi‘ al-Islām), 1: 369.

Penegasan tentang terpeliharanya harta, darah serta kehormatan juga telah disampaikan oleh Nabi ketika haji wada' sehingga menjadikan kedudukan harta laksana kehormatan hari raya Idul Adha, bulan Zul hijjah dan kota Makkah.¹⁷⁴

Pada asalnya, darah, harta dan kehormatan kaum Muslimin diharamkan untuk direbut oleh sebahagian yang lain. Tidak halal, kecuali dengan izin Allah dan RasulNya. Nabi SAW bersabda :

فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَغْرِصَكُمْ بَيْتُكُمْ حَرَامٌ كَحُرُمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا فِي شَهْرٍ كُمْ هَذَا
فِي بَلَدِكُمْ هَذَا

"Sesungguhnya darah kalian, harta kalian dan kehormatan kalian, haram atas kalian seperti kehormatan hari ini, tempat ini dan di bulan ini".¹⁷⁵

كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ

"Setiap Muslim terhadap Muslim (lainnya) haram darahnya, hartanya dan kehormatannya".¹⁷⁶

Berkenaan dengan harta pusaka, para ulama pesantren Musthofawiyah mengatakan, dalam surah al-Nisa' Allah juga telah banyak membincangkan dan memperincikan bahagian (*nasab*) setiap ahli waris yang berhak untuk menerimanya, ayat-ayat tersebut juga dengan jelas memperincikan syarat-syarat serta keadaan orang yang berhak mendapatkan warisan dan orang-orang yang tidak berhak mendapatkannya. Selain itu, Allah juga menjelaskan keadaan setiap ahli waris bila ia boleh menerima bahagiannya secara tertentu, dan bila ia boleh menerimanya secara '*aṣabah*.

KH Abdi Batubara mengatakan bahawa surah al-Nisa' tersebut merupakan asas ilmu faraid, di dalamnya terdapat aturan dan tata cara yang berkenaan dengan hak dan

¹⁷⁴ *Ibid.*

¹⁷⁵ al-Bukhari, *Sahīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 65.

¹⁷⁶ Muslim, *Sahīḥ Muslim*, no hadis: 4650.

pembagian harta waris yang lengkap. Oleh sebab itu, orang yang dianugerahi pengetahuan dan menghafal ayat-ayat tersebut akan lebih mudah mengetahui bahagian setiap ahli waris sekaligus mengenali hikmah Allah yang terkandung di dalamnya.¹⁷⁷

KH Muhammad Yakub Nasution turut menjelaskan bahawa Allah yang Maha Adil tidak melalaikan dan mengabaikan hak setiap ahli waris. Bahkan dengan aturan yang sangat jelas dan sempurna dia menentukan pembagian hak setiap ahli waris dengan adil serta penuh kebijaksanaan. Allah menerapkan hal ini dengan tujuan mewujudkan keadilan dalam kehidupan manusia, menghilangkan bentuk kezaliman di kalangan mereka, menutup ruang gerak para pelaku kezaliman, serta tidak membiarkan terjadinya pengaduan yang terlontar dari hati orang-orang yang lemah.¹⁷⁸

Dari Abdullah Ibn Mas‘ud bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَعْلَمُوا الْقُرْآنَ وَ عَلِمُوهُ النَّاسَ وَ تَعْلَمُوا الْفَرَائِضَ وَ عَلِمُوهَا فَإِنِّي أَمْرَرْتُ مَقْبُوضًّا وَ الْعِلْمُ مَرْفُوعًّا وَ يُوْشِكُ أَنْ يَخْتِلِفَ اثْنَانٌ فِي الْفَرِيضَةِ وَ الْمَسْأَلَةِ فَلَا يَجِدَانِ أَحَدًا يُنْخِرُهُمَا

"Pelajarilah al-Qur'an dan ajarkan lah kepada orang lain, serta pelajarilah faraid dan ajarkan lah kepada orang lain. Sesungguhnya aku seorang yang bakal meninggal, dan ilmu ini pun bakal sirna hingga akan muncul fitnah. Bahkan akan terjadi dua orang yang akan berselisih dalam hal pembagian (hak yang mesti ia terima), namun keduanya tidak mendapati orang yang dapat menyelesaikan perselisihan tersebut."

(HR. Ahmad)

Beliau melihat pandangan Imam al-Qurtubī mengatakan, "Apabila kita telah mengetahui hakikat ilmu ini, maka betapa tinggi dan agung penguasaan para Sahabat

¹⁷⁷ KH Abdi Batubara (Guru pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 15 April 2013.

¹⁷⁸ KH. Muhammad Yakub Nasution (Guru Pesantren Musthofawiyah) dalam temu bual dengan pengkaji pada 15 April 2013.

tentang masalah faraid. Sungguh mengagumkan pandangan mereka mengenai ilmu waris.¹⁷⁹

Di dalam al-Qur'an memang terdapat beberapa ayat yang menyebut tentang masalah hak waris bagi para kerabat, akan tetapi tentang besar kecilnya hak waris yang mesti diterima mereka , tidak dijelaskan secara terperinci. Sebagai contoh dalam al-Qur'an, Allah SWT berfirman:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ
مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَفْرُوضًا

"Bagi laki-laki ada hak bagian dari harta peninggalan ibu-bapak dan kerabatnya, dan bagi wanita ada hak bagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bagian yang telah ditetapkan."

Al-Nisa', 4: 7

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْ بَعْدٍ وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ وَأُولُوا الْأَرْحَامِ
بَعْضُهُمْ أَوَّلَى بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka adalah mereka dari golongan kamu. Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang menurut kitab Allah; Sesungguhnya Allah maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Al-Anfal, 8:75

الَّذِي أَوَّلَ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَرْجُوهُمْ أُمَّهِيَّمْ وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ
أَوَّلَ بِعَضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا أَنْ تَفْعَلُوا إِلَيْهِ
أَوْلِيَّكُمْ مَعْرُوفًا كَارَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا

Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri; dan isteri-isterinya adalah menjadi ibu mereka. dan orang-orang yang mempunyai pertalian

¹⁷⁹ al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, 5,56

kerabat, setengahnya lebih berhak (mewarisi) akan setengahnya yang lain menurut Kitab Allah - daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabatnya), kecuali kalau kamu hendak berbuat baik kepada sahabat-sahabat karib kamu. hukum yang demikian itu adalah tertulis dalam Kitab Allah.

Al-Ahzab, 33:6

Para ulama pesantren ketika mengulas dalil di atas menjelaskan bahawa dalam ayat pertama (Al-Nisa', 4: 7) Allah SWT dengan tegas menghilangkan bentuk kezaliman yang biasa menimpa dua jenis manusia lemah iaitu wanita dan anak-anak. Allah SWT menyantuni keduanya dengan rahmat dan kearifan-Nya serta dengan penuh keadilan yakni dengan mengembalikan hak waris mereka secara penuh.

Lebih lanjut mereka mengatakan dalam ayat di atas Allah memberikan hak waris secara sama tanpa membezakan antara lelaki dan wanita juga tanpa membezakan bahagian mereka yang banyak mahupun sedikit, mahupun pewaris itu reda atau tidak yang pasti hak waris telah Allah tetapkan bagi kerabat pewaris kerana hubungan nasab, sementara itu, di sisi lain Allah membatalkan hak saling mewarisi di antara kaum Muslim yang disebabkan persaudaraan dan hijrah. Meskipun demikian, ayat tersebut tidaklah secara terperinci menjelaskan jumlah besar-kecilnya hak waris para kerabat yang istilah dalam usul al-fiqh disebut *mujmal* (global), sedangkan perinciannya terdapat dalam ayat-ayat yang telah dinukilkan dalam surah al-Nisa', 4: 11-12 dan 176.

Mereka juga mengatakan bagi yang menganggap bahagian wanita setengah dari bahagian lelaki merupakan sebuah bentuk diskriminasi atau bias, semestinya perlu menghayati akan hikmah dalam pembahagian harta yang telah ditetapkan oleh Syarak di antaranya :

1. Kaum wanita sentiasa dipenuhi keperluannya, dalam hal nafkah kaum wanita wajib diberi nafakah oleh ayahnya, saudara lelakinya, anaknya, atau siapa sahaja yang mampu di antara kerabatnya.
2. Kaum wanita tidak diwajibkan memberi nafkah kepada siapapun. Bahkan sebaliknya, kaum lelakilah yang mempunyai kewajipan untuk memberi nafkah kepada keluarga dan kerabatnya serta siapa sahaja yang diwajibkan atasnya untuk memberi nafkah dari kerabatnya.
3. Keperluan kaum lelaki jauh lebih besar dibandingkan kaum wanita. Dengan demikian, keperluan kaum lelaki untuk mendapatkan dan memiliki harta jauh lebih besar dan banyak dibandingkan kaum wanita.
4. Kaum lelaki diwajibkan untuk membayar mahar kepada isterinya, menyediakan tempat tinggal baginya, memberinya makan minum, pendidikan bagi anak-anaknya, dan semua bentuk kehidupan semuanya adalah merupakan tanggungan kepada kaum lelaki.

Menurut mereka, itulah beberapa hikmah yang terkandung dalam perbezaan pembahagian pusaka antara kaum lelaki dan wanita. Secara logiknya, siapa pun yang memiliki tanggungjawab yang paling besar, maka dialah yang lebih berhak untuk mendapatkan bahagian yang lebih besar. Oleh demikian hukum Islam telah menetapkan bahawa bahagian kaum lelaki dua kali ganda lebih besar daripada bahagian kaum wanita.

Dalam masalah isu kepemilikan harta yang telah dibahas oleh para ulama pesantren ini, pada pandangan pengkaji juga adalah selari dengan syariat Islam, ini kerana melihat cara mereka dalam menggunakan dalil-dalil baik dalam al-Qur'an maupun al-Sunnah.

Dalam hal kepemilikan harta, wanita sangat diberi perhatian di dalam Islam. Mereka berhak memiliki harta secara peribadi dan juga berhak mengelola harta milik peribadinya dan seorang isteri tidak wajib meminta izin kepada sang suami sekiranya seorang isteri ingin memberi sedekah dengan hartanya.

Dalam harta warisan (*faraid*) wanita juga mendapat bahagian dan itu merupakan milik peribadinya. Syariat telah melindungi kaum wanita dengan rahmat dan keutamaannya iaitu memberikan hak waris kepada kaum wanita melebihi apa yang digambarkan. Dengan demikian, dapat dilihat secara jelas bahawa kaum wanita lebih banyak menikmati harta jika dibandingkan dengan kaum lelaki kerana kaum wanita sama-sama menerima hak waris sebagaimana halnya kaum lelaki, namun mereka tidak dibebani dan tidak berkewajipan untuk menanggung nafkah keluarga. Ini bermaksud kaum wanita berhak untuk mendapatkan hak waris tetapi tidak memiliki kewajipan untuk mengeluarkan nafkah, baik untuk keperluan dirinya atau keperluan anak-anaknya (keluarganya) selama masih ada suaminya, ketentuan ini tetap berlaku sekalipun wanita tersebut memilki banyak harta.

Firman Allah SWT:

وَعَلَى الْمُؤْلُودِ لَهُ رِزْقٌ هُنَّ وَكِسْوَةٌ بِالْمَعْرُوفِ

Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf

Al-Baqarah, 2:233

لِلذِّكْرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَنِ

Bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan"

Dalam ayat di atas menggambarkan bahawa bahagian lelaki dan wanita tidak sama dan pada logik akal, ayat ini memang sudah tidak relevan dengan melihat konsep

zaman hari ini, dengan menyaksikan lelaki dan wanita sudah sama-sama memikul tanggung jawab mencari nafkah untuk keluarganya bahkan terkadang terdapat wanita yang mencari nafkah bagi keluarganya bukan suami atau walinya. Namun pada penilaian pengkaji, hal ini perlu difahami bahawa ayat di atas adalah merupakan hukum yang telah tetap (*qat'i*), dan hukum yang telah tetapkan tidak akan pernah berubah sampai bila-bila sekalipun ayat al-Qur'an tidak selari atas faktor perubahan zaman. Al-Qur'an diturunkan adalah untuk panduan hidup bagi manusia yang wajib beriman dan mematuhi segala syariat yang ada di dalamnya. Oleh itu manusia wajib menyelaraskan kehidupan sesuai dengan syariat al-Qur'an dan al-Sunnah dan bukan sebaliknya.

Tidak dinafikan pada zaman Rasulullah pernah terjadi pemansuhan ayat al-Qur'an, namun ini hanya terjadi di zaman Rasulullah sahaja, setelah wafatnya Rasulullah ayat mansukh tidak pernah terjadi lagi kerana setelah wafatnya Baginda Nabi, hukum al-Qur'an telah pun sempurna. Sebagaimana telah dijelaskan oleh Allah dalam al-Qur'an:

آلَيْهِمْ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

“ ... Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk mu agama-mu, dan telah Aku cukupkan kepada mu nikmat-Ku, dan telah Aku redai Islam sebagai agama bagimu ... ”

Al-Ma''idah, 5: 3

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

وَتَمَّتْ كَلِمَاتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلٌ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dan telah sempurna kalimat Rabb-mu (al-Qur'an), (sebagai kalimat) yang benar dan adil ...”

Al-An'am, 6: 115

Dalam ayat ini Allah telah menjelaskan bahawa al-Qur'an telah pun sempurna dan adil. Oleh itu syariat Islam tidak akan pernah mengalami perubahan, yang halal

akan tetap halal dan yang haram akan tetap haram sehingga hari kiamat kerana wahyu Allah telah terputus dan syariat Islam telah sempurna contohnya, khamar, tidak akan pernah jadi halal, riba tidak akan pernah jadi *mubah*, zina tidak akan pernah jadi halal dan sebagainya. Jika ada dakwaan bahawa hukum boleh berubah atas faktor perubahan waktu dan tempat, pada maka hal ini adalah pendapat yang tidak tepat. Allah SWT berfirman:

وَلَا تُقْولُوا لِمَا تَصْرِفُ الْسِنَّتُ كُمْ الْكَذِبَ هَذِهَا حَلَلٌ وَهَذِهَا حَرَامٌ لَتَفَرَّوْا عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

Janganlah kalian berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kalian, Ini halal dan ini haram,” untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan beruntung.

Al-Nahl, 16: 116

Jika terdapat nas al-Qur'an dan al-Sunnah yang telah tetap dalam hal tertentu maka nas itu tidak terpengaruh oleh pergantian tempat mahupun perubahan zaman. Sesungguhnya apa yang telah tetap itu akan tetap selama-lamanya, untuk setiap waktu, setiap tempat, dan setiap zaman.¹⁸⁰

¹⁸⁰ Ibn Hazm, *Al-Ihkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, (t.t.p.: Mawāqi' Ya'sub), 5 :771.

4.5 Analisis Kajian

Jadual 4.5 : Analisis Pandangan Ulama Pesantren

B i 1	Informan	Isu Gender				Ke pemilikan Harta	
		Politik		Pekerjaan			
		Kepimpinan	Kehakiman				
1	K.H. Mahmuddin Pasaribu	Wanita tidak boleh jadi pemimpin dalam konteks yang kecil	Wanita tidak boleh jadi pemimpin sama sekali	✓	✓	✓	
2	K.H. Muhammad Yakub Nasution	✓	✓	✓	✓	✓	
3	K.H. Ardabili Batu bara	✓	✓	✓	✓	✓	
4	K.H. Abdi Batubara	✓	✓	✓	✓	✓	
5	K.H. Abdul Rahman Batubara	✓	✓	✓	✓	✓	
6	K.H. Alwin Tanjung	✓	✓	✓	✓	✓	

Sumber: temubual pengkaji

Berdasarkan analisis kajian di atas, pengkaji mendapati bahawa para ulama Pesantren Musthofawiyah mempunyai pemikiran yang sama dalam memberikan pandangan terhadap isu gender. Begitu juga mereka mempunyai metodologi yang sama dalam mengistinbatkan hukum terhadap isu gender. Terjadinya persamaan pemikiran dalam memahami isu gender ini di antaranya adalah kerana mereka mempunyai latar pendidikan yang sama, mengajar kelas yang sama, mempunyai guru dan manhaj yang sama. Atas sebab demikian mereka bersepakat dalam memberi pandangan terhadap isu gender.

Dari hasil analisis kajian ini, pengkaji dapat menilai bahawa para ulama Pesantren Musthofawiyah bersifat kesederhanaan (*wasatiyah*) dalam memberikan pandangan terhadap isu gender seperti dalam isu politik, mereka berpandangan bahawa larangan kepemimpinan bagi wanita meliputi *wilāyah a'zam*. *Wilāyah a'zam* dalam pandangan mereka adalah seperti pemimpin sebuah negara, negeri dan daerah. Jika wanita dilantik sebagai ketua dalam sebuah organisasi seperti ketua jabatan, maka hal ini adalah dibolehkan kerana posisi kepemimpinan seperti ini tidak termasuk dalam *wilāyah a'zam* dan tidak termasuk dalam kategori pemimpin utama.

Dalam hal pekerjaan, para ulama pesantren membolehkan wanita untuk bekerja dengan syarat mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Syarak. Begitu juga dalam kepemilikan harta mereka berpandangan bahawa wanita berhak memiliki harta dan berhak mengelola harta milik peribadi dan tidak mempunyai kewajipan dalam memberi nafkah terhadap keluarga.

4.6 Kesimpulan

Setelah mengkaji dan meneliti isu gender dalam pandangan ulama pesantren dapatlah disimpulkan bahawa ulama pesantren berpandangan isu gender ini sama sekali tidak terdapat dalam Islam. Ini kerana tuntutan mereka adalah berkonsep kesamarataan dalam segala hal dan ini sangat bertentangan dalam syariat Islam kerana gender dalam Islam adalah berkonsep keadilan dengan menempatkan sesuatu kepada tempatnya yang berlandaskan hukum Allah.

Isu politik dalam pandangan mereka adalah *al-ri'iāyah al-syu'un al-ummah'* (mengatur urusan umat) dengan menjamin segala permasalahan ummat yang diselesaikan dengan aturan Allah. Politik bukan hanya hak kewajipan para penguasa tetapi meliputi seluruh umat Islam.

Dalam hal kepimpinan dan kehakiman wanita adalah tidak dibenarkan kerana tidak terdapat dalil-dalil yang mendorong wanita boleh jadi pemimpin sama ada daripada al-Qur'an ataupun al-Sunnah dan tidak pernah tercatat dalam riwayat baik di zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin, wanita memegang kepimpinan. Pandangan mereka juga ini telah disokong oleh jumhur fuqaha dan mufassirin yang meletakkan lelaki sebagai syarat kepimpinan dan kehakiman.

Dalam hal pekerjaan Islam mengharuskan wanita untuk bekerja dengan syarat memenuhi tuntutan Syarak yang telah digariskan di dalam Islam. Begitu juga dalam ke pemilikan harta, wanita mempunyai hak dalam pemilikan harta juga berhak mengelola harta miliknya.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Rumusan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan dapat dirumuskan beberapa kesimpulan sebagai dapatan kajian. Rumusan kesimpulan tersebut seperti yang berikut:

1. Kesetaraan gender merupakan isu yang diperjuangkan oleh Barat yang menyuarakan bahawa antara lelaki dan wanita adalah sama. Isu ini turut disambut baik oleh sebahagian umat Islam (liberal) dan menganggap kesetaraan gender sangat baik dan tepat untuk diterapkan dalam Islam. Mereka yang meyakini konsep ini menganggap bahawa ajaran agama adalah merupakan salah satu punca bias terhadap wanita yang mengakibatkan berlakunya diskriminasi terhadap kaum wanita. Padahal kenyataannya tidaklah demikian. Dalam Islam tidak terdapat bias terhadap wanita namun sebaliknya Islam memuliakan dan melindungi wanita dalam segala hal bentuk kehidupan. Dalam Islam juga tidak ada kesetaraan seperti yang diperkenalkan oleh Barat tetapi adalah keadilan yang menempatkan sesuatu pada tempatnya.
2. Terdapat tiga pemikiran yang berlainan dalam kalangan ulama pesantren dalam memberi pandangan terhadap isu gender.

Pertama: Pesantren Nurul Islam. Para ulama di Pesantren ini menerima sepenuhnya isu gender dan menganggap gender sebagai perjuangan yang baik dan perlu diambil perhatian oleh umat Islam.

Kedua: Pesantren Mushthafawiyah Purba Baru. Ulama di Pondok Pesantren Mushthafawiyah hanya membahas isu gender namun tidak menerima sepenuhnya isu gender kerana isu ini berpunca dari Barat yang tidak puas dengan ajaran agama dalam kitab Injil yang bias terhadap wanita dan sangat tidak sesuai bahkan berlawanan dengan ajaran Islam

Ketiga: Pondok Pesantren Hidayatullah Medan. Mereka menolak sepenuhnya isu gender kerana menganggap isu adalah produk Barat yang tidak ada kepentingan untuk dibahas dan bertentangan dengan syariat Islam.

3. Untuk menangani isu gender para ulama pesantren mengambil beberapa langkah bagi menangani isu ini di antaranya, kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah dengan dasar iman dan taat kepada Allah SWT.
4. Pondok Pesantren Musthafawiyah merupakan salah satu Pondok Pesantren tertua di Sumatera Utara. Ditubuhkan pada tahun 1912 M oleh seorang ulama besar yang bernama Syeikh Musthafa Husein Nasution. Pada mulanya, Pondok ini merupakan tempat pendidikan Islam yang diadakan di Masjid dalam bentuk halaqah kemudian menjadi sebuah Pondok Pesantren yang mempunyai kurikulum. Pesantren ini telah memberikan sumbangan yang sangat besar kepada masyarakat dalam mendidik para pelajar mereka sehingga menjadi anak yang faham tentang ilmu agama dan mampu membentengi diri dari berbagai aliran yang menyesatkan.
5. Dalam isu politik kepemimpinan dan kehakiman. Secara umumnya ulama Pesantren Mushthafawiyah berpandangan bahawa wanita tidak dibenarkan memegang pucuk kepemimpinan dan kehakiman. Dalam pekerjaan bagi wanita

adalah diharuskan dengan syarat mentaati segala aturan yang telah digariskan oleh syarak. Begitu juga dengan ke pemilikan harta bahawa wanita berhak mendapatkan harta dan berhak memiliki secara peribadi tanpa ada hak kewajipan untuk memberi nafkah terhadap keluarganya dan berhak menggunakan hartanya tanpa ada kewajipan meminta izin kepada wali atau suami.

5.2 Saranan dan Cadangan

Pengkaji ingin memberikan beberapa saranan dan cadangan sebagai tindakan lanjut kepada kajian ini. Di antaranya ialah sebagai berikut :

1. Para pelajar dan sarjana diharapkan membuat kajian secara menyeluruh tentang gender yang bertujuan untuk dijadikan panduan kepada masyarakat agar mereka dapat menyaring pemikiran-pemikiran dan budaya yang bersumber dari Barat.
2. Diharapkan kepada institusi-institusi Islam agar menggalakkan para pelajar mengkaji pemikiran para ulama pesantren sama ada ulama pesantren menerbitkan tulisan ilmiah ataupun tidak.
3. Memandangkan isu gender masih dalam perbincangan para sarjana Islam maka perlu ada kajian lebih lanjut tentang metod ini dan membawakan rumusan tentangnya.
4. Pemikiran ulama pesantren sebaiknya dikaji secara mendalam dan menyeluruh terutama berkenaan dengan hujah-hujah yang digunakan oleh para ulama agar hujah tersebut dapat dinilai kesahihannya sebagai amalan bagi umat Islam.

BIBLIOGRAFI

- Abbas Pulungan, *Kuria Mandailing Dan Peranannya Dalam Perkembangan Islam Kuria Huta Siantar*, Medan : IAIN Suamatera Utara, 1998.
- Abd. Djalil Mohd & Abdullah Syah, *Sejarah Ulama-ulama terkemuka di Sumatera Utara Medan*, Majlis Ulama Sumatera Utara, 1983.
- Adian Husaini, “Kesetaraan Gender: Konsep dan Dampaknya Terhadap Islam”, *Islamia*, Jakarta : Khairul Bayan Press, 2010.
- Aiedah Bt. Abdul Khalik, “Penglibatan Wanita Parti Politik Menurut Islam”, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2002.
- ‘Abd al-Rahman Ṣabir Ta‘imah, *al-Mar’ah al-Muslimah Bayna Gharā’iz al-Bashar wa Hidāyah al-Islām*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, t.t.
- Aḥmad al-Zarqā, *Syarḥ al-Qawā’id al-Fiqhīyyah*, Beirut: Dār al-Qalam,
- Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd, *Rūḥ al-Ma‘ānī*, Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajr, *Fatḥ al-Bārī*, Mesir : Dār al-Hadīth.
- Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepemimpinan Wanita Dalam Islam:kedudukannya dalam Syariah*, Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.
- Anisah Ab Ghani, “Batas-batas Pergaulan antara Lelaki Dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam kini:Satu Huraian”, *Hukum Islam Semasa*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Ashraf bin 'Abdul, Abū Muḥammad, *Fatāwā al-Mar`ah al-Muslimah*, Riyadh : Aḍwā'u al-Salaf, 1417 H.
- Al-Badr, 'Abd al-Razāq bin 'Abd al-Muhsin, *Khuṭbah Wa Mawā'izhu Min Ḥajjati al-Wadā*, 1426.H.
- Al-Baghdādī, Khaṭīb, *al-Kifāyah Fi al-‘Ilm al-Riwāyah*, Jāmi' al-Hadīth,463.H.
- Al-Bughawī, Ibn Mas'ūd, *Tafsīr Ma ’ālim al-Tanzīl*, t.t.p : Dār al-Ṭayyibah, 1997.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, *al-Islām Malāz Kull al-Mujtama‘āt al-Insān: Limāzā wa Kayfa?*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 1993.

Budhy Munawar Rachman, *Islam Pluralis Wacana Kesetaraan Kaum Beriman*, Jakarta: Paramadina, 1996.

Al-Dihlawī, Shāh Waliyullāh, *Hujjatullāh al-Bāligah*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, t.t.

Al-Dahlawī, Muḥammad bin Ya'qūb, *Damānatū ḥuquq al-Mar'ah al-Zaujiyyah*, Madīnah : 'Imādah al-Bahthi al-'Ilmi Jāmi'ah Islāmiyyah Mādinah, 1424 H.

Al-Dimashqī, Ibn Kathīr al-Quraishī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Dār al-Tayyibah, 1999.

Darsim Ermaya Imam Fajaruddin (terj), Karangsem: Era Intermedia, 2002.

Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan, *Pesantren Musthofawiyah Purba Baru Kecamatan Kotanopan Kabupaten Tapanuli Selatan*, Padang Sidempuan: Departemen Penerangan Kabupaten Tapanuli Selatan, 1985.

Dinar Dewi Kania SE,MM, "Isu Gender: Sejarah dan Perkembangannya", *Islamia*, Jakarta : Khairul Bayan Press, 2010.

Elfi Muawanah, *Menuju Kesetaraan Gender*, Malang : Kutub Minar, 2006.

Ema Marhumah, *Konstruksi Sosial Gender di Pesantren, Studi Kuasa Kiai atas Wacana Perempuan*, Yogyakarta : LKIS, 2011.

Faris, Abu, *al-Nizām al-Siyāsī Fī al-Islām*, t.tp: 1984.

Fazlur Rahman, *Islam* New York:Anchor Books,1968.

Gerda Lerner *The Creation of Patriarchy*, New York: Oxford University Press, 1986.

George Ritzer and Douglas J. Goodman, *Modern Sociological Theory*, 6th Edition,terj, *Teori Sosiologi Modern*, terj. Alimandan, Jakarta: Prenada Media, 2003

Al-Ghazālī, Muḥammad, *Al-Islām wa Al-Thaqat Al-Mu'attalat*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Ḥaditsah, 1964.

Hamid Fahmy Zarkasyi, "Problem Kesetaraan Gender Dalam Studi Islam", *Islamia*, Jakarta : Khairul Bayan Press, 2010.

Hamka,*Tafsir al-Azhar*, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1987.

Al-Ḥarbī, Sa'd bin. Syarī' bin. 'Iwād, *al-Āḥkām allati Tukhālif fīha al-Mar'ah al-Rajul*. Riyadh: Dār al-Muslim, 2007.

Ibn al-'Arabī , *Aḥkām al-Qur'ān*, Mawāqi' al-Islām, 453H.

Ibn Ḥazm, *Al-Āḥkām fī Uṣūl al-Āḥkām*, Mawāqi' Ya'sub

Ibn Taimiyyah, *Majmū' Al-Fatāwā*, Dār al-Wafā, 2005.

Iftikhar Haider Malik, *Culture and Customs of Pakistan*, Connecticut: Greenwood Press, 2005.

Ikhwan Fauzih, *Perempuan dan Kekuasaan: Menelusuri Hak Politik dan Persoalan Gender dalam Islam*, Jakarta: Amzah, 2002.

Ismā‘īl bin. Kathīr, Imād al-Dīn Abū al-Fidā’, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, Mesir : Mu’assasah Qurṭubah, t.t.

Idris awang, *Penyelidikan ilmiah: Amalan dalam pengajian Islam*, Selangor Kamil & Shakir Sdn.Bhd, 2002

Jār Allāh Abī al-Qāsim Maḥmūd Umar al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf*, Riyadh: Maktabah al-‘Abikan, 1998.

J.F.B Brumund, *Het Volksonderwijs order de javanan*, Batavia, 1957.

Al-Jāwī, Muḥammad Nawawī, *Marah Labīd*, Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah 1960.

Al-Jawzī, Alī Ibnu Muḥammad, *Zād al-Maisīr fī Ilm al-Tafsīr*, Mawāqi’ al-Tafāsīr.

Al-Jawziyah, Imām Ibnu Qayyim, *Zādul Ma’ād*, Beirut: al- Kuwaid, 1986.

Kamala Bhasin, *What is Patriarchy, Diterjemahkan “Menggugat Patriarki” oleh Nursyahbani Katjasungkana*, Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, 1996.

Khalif Muammar, *Wacana Kesetaraan Gender: Islam Versus Feminis Muslim*, Jakarta : Khairul Bayan Press, 2010.

Khoiruddin Nasution, *Fazlur Rahman Tentang Wanita*, Yogyakarta: Academia, 2005.

Maizatul Aliza Binti Chee Din, *Keperluan Wanita Sebagai Hakim Syar’ie Di Mahkamah Syariah Negeri Perak*, Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Univesiti Malaya, 2005.

Marzuki, “Status wanita dalam Hukum Perdata Indonesia Ditinjau dari Segi Hukum Islam: Kajian Analitis Tentang Hak dan Kewajiban Wanita,” Tesis Kedoktoran, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007.

Mohd Anuar Ramli & Rahimin Afandi Abdul Rahim (t.t), *Kepemimpinan Perempuan Menurut Perepektif Islam: Satu Sorotan*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh Universiti Malaya.

Mohamad Ashrof, *Islam and Gender Justice: Questions at the Interface*, Delhi: Kalpaz Publications, 2005.

Mohd Anuar Ramli, "Bias Gender dalam masyarakat Muslim: antara ajaran Islam dengan tradisi tempatan", *Jurnal Fiqh*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2010.

Muhammad Albar, 'Amal al-Mar'ah Fi al-Mizan, diterjemahkan oleh Amir Hamzah Fachruddin dengan judul *Wanita Karier dalam Timbangan Islam: Kodrat Kewanitaan, Emansipasi dan Pelecehan Seksual*, Jakarta: Pustaka Azzam, 1998.

Muhammad Anis Qasim Ja'far, *Perempuan dan Kekuasaan: Menelusuri Hak Politik dan Persoalan Gender dalam Islam*, Jakarta: Amzah, 2002.

Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, *Tafsir al-Qur'anul Majid An-Nur*, Semarang: Pustaka Rizki Putra, 1995.

Muhammad Iqbal,M.Ag, *Hukum Islam Indonesia Modern, Dinamika Pemikiran dari Fiqh Klasik ke Fiqh Indonesia*, Tangerang: Gaya Mediapratama, 2009.

Muhammad Quraish Shihab, *Tafsīr al-Miṣbāḥ*, Jakarta: Lantera Hati, 2001.

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti, *Perempuan: Antara Kezaliman Sistem Barat dan Keadilan Islam*, Darsim Ermaya Imam Fajaruddin (terj). Karangsem: Era Intermedia,2002.

Al-Madanī, Muḥammad, *al-Mujtama' al-Islāmī kamā Tunādimuhu*, Kaherah: Majlis A'la li Syu'uni al-Islamiyah, 1991.

Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyah*, Beirut : Dār al-Fikri, 1960.

Al-Marghīnānī, *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*, t.tp. : 1936.

Nasaruddin Umar, *Argumen Kesetaraan Gender Perspektif al-Qur'an*. Jakarta: Paramadina 2001

Nasr Salmān & Su'ad Suṭhi (eds.), *Fatāwā al-Nisā' li Aṣḥāb al-Faḍīlah Yūsuf al-Qarādāwī, wa Maḥmūd Syaltūt, wa 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, wa Muḥammad Mutawallī Sya'rāwī wa Aḥmad Hamānī*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

Norrodzoh Hj.Siren, *Islam dan Isu-Isu Semasa dalam Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2001.

Paizah bt Ismail, "Status Wanita Dalam Islam : Antara Prinsip Syariah dan Ijtihad Fuqaha", *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur : University of Malaya, 2003.

Pesantren Musthofawiyah, *Data Santri dan Tenaga Pengajar Tahun Pelajaran 1423-1424/2002-2003*, Pesantren Musthofawiyah Purba Baru, 2002.

Quraish Shihab, *Membumikan al-Qur'an*, Jakarta:Mizan, 1992.

Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Min Fiqh al-Dawlah Fi al-Islām*, Kaherah : Dār al-Shurūq, 1999.

Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Markaz al-Mar'ah fī al-Hayāt al-Islāmiyah*, t.t.p, 1996.

Al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006.

Al-Qurṭubī, Ibnu Farḥun al-Anṣārī al-Khuzaī Syams al-dīn, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, Kaherah : Dar al-Kitāb al-Misriyah, 1964.

Ranjana Kumari, *Brides Are Not for Burning: Dowry Victims in India*, New Delhi : Radiant, 2002.

Raymond J. Corsini, *The Dictionary of Psychology*, Philadelphia: Psychology Press, 1999.

Ronald Alan Lukens Bull, *A Peaceful Jihad: Javanese Education and Religion Identity Construction* Michen: Arizona State University, 1977.

Rashid Riḍā, Muḥammad, *Tafsīr al-Manār*, Mesir : Dār al-Manār, 1367 H.

Raymond J. Corsini *The Dictionary of Psychology*. Philadelphia: Psychology Press, 1999.

Ratna Megawangi, *Kesetaraan Harus Sesuai Kodrat*, <http://www.republika.co.id>

Al-Rāzī, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn, *Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghayb*, Beirut : Dār al-Fikr, t.t.

Saepuloh, *Fiqh Perempuan dalam perspektif Yusuf Qardhawi*, Tesis Kedoktoran, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2007.

Siti Musdah Mulia , *Islam dan Inspirasi Kesetaraan Gender*, Yogyakarta : Kibar Press, 2007.

Siti Musdah Mulia, *Gerakan Feminisme diIndonesia*, Yogyakarta: Kibar Press : 2003

Suad Joseph, Honor Killing in a Cross-Cultural Context" dalam Unni Wikan, *In Honor of Fadime : Murder and Shame* (terj.) Anna Paterson, edisi revisi, Chicago, Illinois : University of Chicago Press, 2008.

Sukanto, *Kepemimpinan Kyai Dalam Pesantren*, Jakarta : LP3S,1999.

Syafiq Hashim, *Hal-hal yang Tak Terfikirkan : Tentang Isu-isu Keperempuanan dalam Islam*, Bandung : Pustaka Mizan, 2010.

Al-Sa'īd, 'Abd al-Rahmān, *Tafsīri al-Kalām al-Mannān*, Riyad : Dār al-Mughnī, 1419H.

Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, *al-Durr al-Manthūr fi Tafsīr bi al-Ma'thūr*, Beirut: Hadrat, 2003.

Al-Syāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs, *al-Risālah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 204.H.

Al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ila ma'rifath alfāzi al-manhāj*, Beirut: Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 977H.

Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta'wīl Āyāt al-Qur’ān*, Kaherah : Dār Hadrat, 2001.

Ursula King, “*Introduction: Gender and Study of Religion*” dalam Ursula King (ed.), *Religion and Gender*, Oxford UK: Blackwell Publishers, 1995.

Veena Talwar Oldenburg *Dowry Murder: The Imperial Origins of a Cultural Crime*, New York USA : Oxford University Press, 2002.

Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, “Emansipasi wanita di abad 21: Islam Sebagai Model Perjuangan” *Kertas Kerja Multaq Ulama Sedunia*, Putra Jaya, YADIM, 2003.

Zamakhsyari, *Tradisi Pesantren: Studi Perbandingan Hidup Kyai dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, Jakarta Barat : Penerbit LP3ES, 2011.

Zeenath Kausar, *Feminist Sexual Politicis and Family Deconstruction : An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur : t.p, 2001.

Zulkifli Ahmad, *Hak & Tanggungjawab Gender Menurut Prespektif Islam, Risalah kepemimpinan Siri3*, t.p : Jemaah Islam Malaysia, 2000.

Al-Zuhaili, Wahbah, *Fiqh al-Islām wa adillatuh*, Beirut : Dar al-Fikri, 1999.

Majalah, *al Wa'yu al Islamy*, edisi 189, Juli 2003 M.

Majalah *al Bayan*, edisi 189, Juli 2003 M.

LAMPIRAN

Syeikh Musthafa Husein Nasution, Pendiri Pondok Pesantren Musthofawiyah Purba Baru



Pondok Pesantren Musthofawiyah Purba Baru Mandailing



PONDOK PESANTREN MUSTHAFAWIYAH

desa Purbabaru

Kecamatan Lembah Sorik Marapi, Kebupaten Mandailing Natal

Sumatera Utara

Tenaga Pengajar Pesantren

1. KH. Mahmuddin Pasaribu



2. KH Abdul Rahman Batubara



3. KH Ardabili Batubara



4. KH Muhammad Yakub Nasution



5. KH Alwin Tanjung



6. KH Abdi Batubara

